



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 23

Hari Jumaat

9hb Disember, 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat**

(Ruangan 33;97)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989

(Ruangan 34)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 9hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

JALANRAYA SEREMBAN-PORT DICKSON - MENSWASTAKAN

1. **Dato Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau akan memberi pertimbangan untuk menswastakan pembinaan "the Inter-Hills Road" atau Jalanraya Seremban-Port Dickson sekiranya pemaju dan punca kewangan dapat diaturkan daripada pihak-pihak swasta.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhut Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa bersedia menimbang apa-apa cadangan pihak swasta menyertai projek-projek pembangunan Kerajaan secara penswastaaan, asalkan ianya selaras dengan konsep penswastaaan Kerajaan pada masa ini. Ini termasuklah juga bagi projek-projek pembinaan jalan-jalan Genting Highlands, Cameron Highland dan Bukit Frasers dan jalan Seremban-Port Dickson yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan pembinaan jalan dari Seremban ke Port Dickson, Kerajaan sememangnya ada pernah menerima cadangan bagi penswastaaan jalan tersebut. Akan tetapi oleh kerana keadaan jumlah trafiknya di ketika itu masih kurang dan syarat-syarat yang dikemukakan oleh

pihak swasta itu tidak memuaskan, maka tawaran projek tersebut telah tidak diteruskan oleh Kerajaan dan dibatalkan.

PERMODALAN NASIONAL BERHAD - PERJALANAN

2. **Tuan Dahlan bin Haji Embon** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan mengelola perjalanan Perbadanan Nasional Berhad. Apakah cara untuk rakyat mengetahui dan meneliti Akaun Tahunannya, terutama untuk pencaerum-pencaerum ASN.

Timbalan Menteri di-Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidak berapa jelas maksudnya, Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui bagaimana Kerajaan mengawasi perjalanan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan bukan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS). Pengawasan PNB dibuat dipelbagai peringkat;

- (i) melalui pemegang sahamnya iaitu Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) yang sentiasa mengesan dan mengawasi aktiviti PNB, khususnya menerusi mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah yang bersidang sekurang-kurangnya 3 bulan sekali.
- (ii) di peringkat Lembaga Pengarah PNB sendiri yang ahli-ahlinya terdiri daripada mereka yang mahir dalam bidang masing-masing. Pihak Pengurusan PNB akan melaporkan segala kegiatan mereka di mesyuarat Lembaga Pengarah yang biasanya bersidang setiap 2 bulan sekali.

(iii) melalui agensi pengawas iaitu Jabatan Perdana Menteri yang mengesan prestasi PNB dan ASN dan laporan tertentu dikemukakan dari masa ke masa kepada Perdana Menteri selaku Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera.

Sementara itu, bagi membolehkan masyarakat umum khususnya pelabur-pelabur ASN mengetahui kedudukan kewangan dan prestasi PNB secara lebih terperinci, PNB telah menerbitkan Laporan Tahunannya setiap tahun dan salinan laporan ini diedarkan kepada pihak media massa dan penjelasan tertentu diberi melaluinya untuk sebaran umum.

Tuan Hamid Araby bin Haji Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada pelaburan dalam saham-saham yang terkemuka dan yang baik, apakah jenis-jenis perniagaan yang lain yang diusahakan oleh PNB?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, PNB ada melaburkan berbagai jenis syarikat-syarikat termasuk dalam jenis pelaburan yang jangka pendek, tetapi saya tidak ada maklumat untuk menjawab secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

KEMPEN MENENTANG KAYU KERAS TROPIKA

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang [di bawah 3.0.23(2)]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengenai kempen-kempen yang dijalankan oleh beberapa negara tertentu berkenaan dengan pengeluaran Kayu Tropika dan apakah 'motive' sebenar kempen-kempen yang mereka buat itu.

Menteri Perusahaan Utama [Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, kempen menentang kayu keras tropika Eropah telah dilancarkan oleh beberapa pertubuhan Pencinta alam. Mereka telah mengatur beberapa langkah untuk menyekat pemasaran kayu keras tropika dengan mengedarkan risalah-risalah serta menerbitkan artikel-artikel di dalam majalah-majalah dan akhbar-akhbar. Mereka juga menganjurkan demonstrasi-demonstrasi untuk mempengaruhi para pembeli supaya memboikot penggunaan kayu keras tropika. Mereka juga berkempen dengan mendesak badan-badan Kerajaan seperti pihak berkuasa tempatan, majlis bandar supaya mengenakan sekatan tertentu ke atas penggunaan kayu keras tropika sebagai bahan binaan dalam industri perumahan. Umpamanya, di negeri Belanda, pihak berkuasa tempatan telah menerima tekanan supaya komponen-komponen kayu keras tropika diganti dengan bahan-bahan lain dan di United Kingdom pula mereka menekankan supaya kayu keras tropika yang digunakan hendaklah datang dari negara yang mempunyai program pengurusan dan pemeliharaan hutan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah didapati kempen ini berpunca daripada pandangan atau kurangnya pengetahuan pihak pencinta alam mengenai usaha-usaha pemeliharaan hutan yang dijalankan oleh negara-negara pengeluar khususnya negara Malaysia. Mereka mendakwa bahawa hutan-hutan ditebang dengan berleluasa dan tidak ada program penghatanan untuk menjamin bekalan berasaskan 'sustainable basis'. Ini dakwaan mereka, akan menjejaskan kestabilan alam sekitar.

Apakah motif sebenar kempen-kempen yang mereka buat itu? Mengikut pengalaman saya, saya ingat motif ini datang kebanyakan pencinta alatn itu adalah orang ahli politik, Ahli politik yang menggunakan hanya isu alam sekitar untuk menghadapi pilihanraya di negara masing-masing.

Sungguhpun mereka itu adalah bankrap dalam isu politik, mereka ada mendapat harga di dalam politik di kebanyakan negara Eropah, sebab kebanyakan negara Eropah ada menghadapi masalah dengan Kerajaan campuran yang mana tidak ada majoriti dari sesuatu parti selepas pilihanraya. Walau pun kumpulan mereka adalah kecil, tetapi dalam keadaan politik Kerajaan campuran itu mereka mendapat harga yang tinggi yang mana mereka boleh mempengaruhi ke atas penubuhan sesuatu Kerajaan.

Yang kedua, kebanyakan mereka adalah datang dari, dengan izin, *belligerent idealists*, mereka ada idealisme, kononnya hanya mereka yang boleh menyelamatkan dunia. Tetapi apabila ditanya, adakah mereka apa-apa rancangan untuk menolong kita bagi menyelamatkan hutan kita, mereka kata tidak. Tetapi jangan ikutkan apa-apa kesalahan yang mereka telah buat sejak beberapa ratus tahun yang kebelakangan ini. Saya ada berpeluang untuk berdialog dengan pencinta alam dari Jerman Barat, dari Belanda, dari United Kingdom dan dari Belgium. Saya bertanya kepada mereka, kalau mereka telah tersalah sejak beberapa ratus tahun kebelakangan, macam mana patut kita buat, tak ada jalan baru dan cara yang dahulu tak baik. Mahukah kita di Malaysia berhenti, jangan hidup, tunggu mereka sampai ada rancangan baru, baru kita boleh hidup? Dia kata, macam mana ini, dia pun tak tahu.

Dalam menghadapi orang-orang seperti saya katakan tadi, *belligerent idealists ini*, nampaknya sangat susah kita hendak bercakap, meyakinkan atau jelaskan kepada mereka supaya mereka jangan membuat apa-apa tuduhan.

Yang ketiga, kebanyakan mereka terutama dari United Kingdom adalah masih mempunyai sikap kolonialis lagi. Saya ada satu kesempatan menghadapi seorang pengerusi persatuan sahabat alam, Friends of the Earth, serupa dengan kita punya Sahabat Alam di sini, saya minta dia jelaskan tuduhannya. Dia adalah seorang Baron yang sangat kaya, dia begitu kaya dan begitu banyak harta, dia tak payah pergi bekerja, mencari nafkah hidup sendiri kerana dia ada banyak duit, dia tak ada apa-apa pekerjaan, dia hanya mahu melawan kita atas dasar hutan kita. Saya minta dia jelaskan macam mana dasar kita di Malaysia dianggap sebagai sebuah negara pengeluar kayu keras tropika tanpa kawalan, dan mengapakah mereka selalu mengkritik kita dengan menggunakan fakta-fakta yang salah untuk mengkritik kita. Dia kata bahawa dia hanya tahu kita semua bodoh. Itu sahaja yang dia tahu, kita semua bodoh, sebab kita datang dari negara yang sedang membangun, kita semua bodoh, apa pun tak tahu, hanya dia sahaja yang tahu. Orang-orang semacam ini, Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita boleh berdialog atau menjelaskan keadaan kawalan hutan di negara kita.

Sungguhpun saya tidak ada bukti-bukti yang nyata mengenai penglibatan pengeluar kayu lembut (soft-wood), adalah dipercayai mereka turut memainkan peranan secara langsung atau tidak langsung dalam kempen di mana mereka berasa bahawa pasaran kayu keras tropika telah menjejaskan pasaran kayu lembut khususnya di Eropah. Umpamanya pedagang-pedagang kayu atau pengimport-pengimport kayu di United Kingdom, mereka telah mencadangkan supaya diadakan suatu tess atau cukai baru dikenakan kepada Malaysia yang mengeksport kayu keras tropika kepada negaranya.

Mengapakah cadangan itu hanya untuk mengadakan cukai baru ke atas kemasukan kayu keras tropika ke United Kingdom? Mengapakah kayu lembut tak dikenakan cukai itu? Ini adalah suata masalah perdagangan, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, tanpa bukti tetapi mengikut beberapa kempen yang telah dijalankan oleh beberapa pertubuhan pencinta alam, saya adalah terfikir, dengan izin, I have a suspicion di mana orang-orang yang menjualkan kayu lembut adalah di belakang Pergerakan Hijau ini atau this Green Movement. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan. Apakah kesan daripada hasil kempen puak-puak ini? Kedua, apakah terjejas eksport kayu keras tropika, dan soalan ketiga, apakah Sahabat Alam Malaysia terlibat dengan kempen ini?

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang tidak ada kesan yang begitu buruk atas kempen ini dan kemasukan atau pengeksportan kayu ke Eropah tidak terjejas pada masa sekarang. Tetapi mereka menggunakan kempen ini untuk menakut-nakutkan pengguna khususnya pengguna di peringkat bawahan yang mana banyak syarikat-syarikat yang mengimport kayu keras tropika dari negara kita, apabila mereka menghadapi demonstrasi, menghadapi tuduhan terhadap mereka, mereka takut untuk mengimport kayu keras tropika dari negara kita dan dengan itu barangkali satu demi satu syarikat akan memberhentikan untuk membeli kayu keras dari negara kita.

Yang ketiga, sama ada Persatuan Sabahat Alam Malaysia di negara kita ada kaitan dengan kempan ini, saya ingat ada, sebab kebanyakan informasi yang dikeluarkan dari negara kita ke negara-negara Eropah, kepada pertubuhan-pertubuhan pencinta alam di luar negeri adalah

datang dari pertubuhan-pertubuhan di negara kita dan mereka sepatutnya tidak patut berbuat semacam ini. Kita akan mematikan hasil dari negara kita dan saya telahpun banyak kali meminta persatuan-persatuan yang berkenaan, adakah mereka menolong negara kita ini, atau menolong negara pengeluar kayu yang bersaing dengan kita di pasaran dunia atau perang dagangan yang dijalankan di dunia antarabangsa? Tetapi apa boleh buat, kebanyakan persatuan tempatan di negara kita adalah bermain politik juga. Itulah masalah yang kita hadapi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berpendapat dialog sahaja tidak mencukupi. Apakah tindakan-tindakan yang agresif yang berkesan yang diambil oleh Kementerian Yang Berhormat untuk menghapuskan dakyah-dakyah ahli-ahli politik yang bankrap atau badan-badan yang tertentu yang cuba memberi gambaran yang kurang baik terhadap kayu tropika keluaran Malaysia.

Dato' Dr. Lim Keng Yaik: Saya sebut atas pengalaman saya, sebab pada bulan April tahun ini saya telah memimpin satu rombongan atau misi untuk berdialog dengan wakil-wakil dari Persatuan Pencinta Alam dari Eropah. Tetapi ini bukan hanya tindakan yang dibuat oleh Kerajaan atau oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Pada dua tahun yang lalu bila kempen ini bermula kita telah menghantar beberapa penerangan kepada kedutaan-kedutaan kita di negara-negara di seluruh dunia untuk membolehkan banyak Suruhanjaya Perdagangan (Trade Commissioners) yang kita ada untuk menjelaskan kepada pembeli-pembeli dari negara tersebut.

Kedua, kita telah menjelaskan kepada banyak Kerajaan di Eropah yang menghadapi masalah dari Persatuan-persatuan Pencinta Alam masing-masing dan kebanyakan Kerajaan di Eropah telah mengambil pendirian yang mana mereka tidak mengiktiraf pergerakan itu.

Ketiga, kita sedang memilih sebuah syarikat perhubungan awam (public relation firm) untuk bagi pihak kita menjelaskan kepada

media massa (mass-media) dan kepada suratkhobar-suratkhobar atau menulis artikel-artikel di suratkhobar-suratkhobar tempatan untuk menjelaskan apa rancangan atau apa tindakan kita buat untuk memelihara hutan di negara kita. Tetapi sebenarnya, Malaysia adalah sebuah negara yang terbaik sekali yang mengadakan dasar untuk menjaga hutan yang kita tebang dengan dasar melalui dengan izin, sustainable basis. Tetapi apabila saya menghadapi wakil Persatuan Pencinta Alam ini saya kata mengapa mereka tuduh kita walaupun negara Malaysia dianggap sebagai satu negara dari kawasan tropika yang mengadakan dasar yang terbaik sekali di seluruh dunia. Mereka kata sebab dalam bahasa Inggeris, dengan izin, we criticised you, because you listen to us. Mereka kritik kita, sebab kita dengar mereka. Orang lain tidak dengar, dia tidak kritik. Kalau macam ini, kita tidak dengarlah. Terima kasih.

PROJEK AIR LUAR BANDAR

4. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bagaimanakah kedudukan terakhir projek air ke luar bandar yang sedang dilaksanakan oleh Syarikat Antah Biwater J.V.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhut Wau]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak Kementerian Kerjaraya telah mengenal pasti sebanyak 139 skim-skim bekalan air untuk dilaksanakan di bawah rancangan khas bekalan air luar bandar yang dikendalikan oleh Syarikat Antah Biwater J.V.

Pihak Kementerian telah mengeluarkan 86 surat arahan untuk memulakan kerja bagi 86 skim-skim bekalan air sepertimana yang dirancangkan dalam jadual pelaksanaan. Baki-baki skim yang lain kebanyakannya adalah di peringkat reka bentuk.

Daripada jumlah 86 skim tersebut, 54 skim adalah di dalam peringkat pembinaan dan 2 skim telahpun siap, iaitu skim Yan di negeri Kedah Darulaman dan skim Chembong di Negeri Sembilan Darul Khusus. Baki jumlah 30 daripada 86 skim tersebut belum bermula kerja pembinaan kerana menghadapi beberapa masalah tertentu. Di antara masalah itu ialah mendapatkan tapak bina seperti yang dijadualkan kerana proses pengambilan tanah mengambil masa yang lama. Di samping itu, terdapat juga masalah keadaan tapak-tapak bina yang rumit seperti tanah-tanah paya dan kesukaran memasuki tapak-tapak yang terletak di kawasan terpencil.

Berhubung dengan masalah mendapatkan tapak bina, pihak Kementerian Kerja Raya telah meminta kerjasama daripada pihak Kerajaan negeri masing-masing supaya proses pengambilan tanah dan lain-lain masalah berkaitan dapat diselesaikan dengan kadar segera.

Pada keseluruhannya, pihak Kementerian bersama-sama dengan pihak syarikat Antah Biwater telah memberi tumpuan yang serius terhadap masalah kelewatan tersebut supaya ia dapat diatasi dan projek ini dapat disempurnakan mengikut jadual pelaksanaan.

Datuk Haji Abu bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah benar yang projek Antah Biwater J.V. ini sub-kontraktornya banyak tidak mahu membuat kerja ini oleh kerana harganya terlalu murah dan bayarannya sangat sukar.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak saya sendiri belum sedar terhadap masalah tersebut tetapi nanti kita teliti, kalau betul kita akan selesaikan hal itu. Saya sendiri tidak sedar hal ini.

AJARAN SESAT

5. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi:-

- (a) menyekat kegiatan ajaran sesat yang sentiasa berlaku di negara ini; dan
- (b) menseragamkan badan-badan dakwah di seluruh negara di bawah satu peraturan "Yayasan Dakwan Islamiah" di Jabatan Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Langkah-langkah yang diambil bagi membanteras ajaran sesat adalah seperti berikut:-
 - (i) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri telah menubuhkan satu Unit yang bertanggungjawab membuat penyelidikan dan siasatan mengenai aliran fahaman dan ajaran-ajaran yang disyaki sebagai sesat atau menyeleweng. Penyelidikan dibuat bila

mana diketahui atau disyaki bahawa ada kegiatan-kegiatan penyebaran atau amalan-amalan yang menyeleweng itu berlaku di sesuatu tempat . Penyelidikan dibuat secara teliti dan lengkap. Hasil kajian akan dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa untuk mendapat fatwa sama ada aliran fahaman atau amalan itu bertentangan atau tidak dengan akidah dan hukum Syarak;

- (ii) Keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan apabila dijadikan fatwa rasmi oleh Majlis Agama Islam Negeri akan dikuatkuasakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri iaitu ajaran atau amalan yang dihukum sesat itu diharamkan dan orang yang mengajar, menyebarkan dan mengamalkannya boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Enakmen tersebut;
- (iii) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dari semasa ke semasa menerbitkan buku-buku atau risalah-risalah penerangan mengenai kumpulan-kumpulan dan jenis-jenis ajaran sesat yang dikenalpasti dan menyebarkan kepada orang ramai; dan
- (iv) Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri bersama-sama Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri menjalankan program dakwah dengan objektif untuk mempertingkatkan kefahaman dan pengetahuan agama

Islam di kalangan umat Islam di negara ini di samping mendedahkan gejala-gejala ajaran sesat yang timbul dari semasa ke semasa. Program dakwah itu termasuklah kursus seminar, ceramah, penerangan, kelas-kelas pengajian di pejabat-pejabat dan di masjid-masjid .

- (b) Kerajaan telah menubuhkan sebuah badan Penyelarasan Gerakan Dakwah Malaysia yang bertujuan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti dakwah di negara ini terutama di antara badan-badan dakwah.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyedari ramainya kakitangan Kerajaan yang terlibat di dalam gerakan dakwah ini terbawa-bawa cara pendakwahannya itu sehingga ke pejabat. Sunggahpun kita tidak melarang orang berpakaian yang lain daripada pakaian pejabat, tetapi ini telah berlaku di dalam negara kttta di mana kita tengok banyak mereka yang tidak memakai pakaian pejabat. Ertinya bolehlah kita katakan mereka pakai pakaian dakwah ini sampai ke pejabat.

Adakah Yang Berhormat sedar sehingga ada kakitangan Kerajaan yang mengambil cuti berbulan-bulan sama ada cuti tidak bergajikah, cuti tahunan, saya tidak tahu. Tetapi tugasnya ditinggalkan kerana bercuti pergi berdakwah. Seorang doktor bercuti sebulan, ini berlaku di Kuala Langat. Saya bertanya ke mana? Dia jawab pergi berdakwah. Tugas dia itu terganggu. Adakah Yang Berhormat sedar? Kalau sedar, berapa banyak di kalangan kakitangan Kerajaan dari yang setinggi-tingginya sehingga serendah-rendahnya yang terlibat dengan keadaan yang semacam ini.

Kedua, setelah Majlis Fatwa Kebangsaan mendapati buku Aurad Muhatmadiyah keluaran Al-Arqam menyalahi daripada aqidatul syarie dan tidak boleh disedut isi buku itu diterbit di lain-lain penerbitan, tetapi adakah Yang Berhormat sedar sekarang ini bahawa isi buku itu telah disedut dan dimasukkan ke dalam risalah-risalah yang lain dan sekarang ditaburkan di kebanyakan pejabat-pejabat Kerajaan dan menjadi perbincangan sehingga mengendalakan tugas-tugas biasa. Setelah Majlis Fatwa Kebangsaan menyedari keadaan itu dan penerbitan-penerbitan yang lain daripada Arqam, saya ingin tahu adakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik PPnya, Permit Penerbitannya atau adakah akan dikekalkan PPnya itu supaya boleh ia meneruskan penerbitannya.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya menyatakan bahawa Kerajaan memang menyedari adanya pegawai-pegawai yang berpakaian secara "dakwah", saya tidak faham pakaian dakwah ini macam mana. Ada pula penjenisan pakaian dakwah. Kita sedar bahawa memang terdapat sebilangan yang kecil masyarakat

pegawai-pegawai ini tetapi tidaklah ramai jumlahnya. Saya tidak boleh memberikan satu angka yang tepat tetapi tidak ramai jumlah pegawai-pegawai Kerajaan yang mengambil cuti untuk berdakwah sehingga sebulan, dua bulan dan tiga bulan. Memang kita sedar. Sekarang ini seperti yang saya sebutkan tadi kita hendak memberi kefahaman tentang Islam yang sebenar. Kalau mengikut sebuah kitab "Minazul Abidin", dia menyebutkan soal ilmu itu, pengajaran. Kita hendak menyampaikan ilmu dan makrifat. Tidak ada faedah orang yang tidak berilmu dan tidak mengenal makrifat beribadat. Sebabnya dia tidak tahu. Sebab itulah kita diingatkan supaya orang ini mencari ilmu.

Saya dapat tahu ilmu itu dia mengamal ilmu itu membolehkan dia beribadat kepada Allah s.w.t. Belum kenal Tuhan bagaimana dia hendak beribadat? Ini soalnya. Orang-orang kita sekarang ini belum dia kenal Tuhan dia sudah hendak belajar tasauif, begitulah soalnya, dia mengambil yang terlalu tinggi, melompat terlalu tinggi. Sebab ini kalau boleh disebutkan lagi dalam kitab "Minazul Abidin" ini akan datang kecelakaan kepada dirinya bagi orang-orang yang tidak mengetahui soal yang sebenarnya. Kita harus dapat menuntut ilmu, belajar dan bertanya kepada ulama untuk mengetahui akan ilmu yang sebenarnya. Rasulullah telah berpesan, ilmu yang sedikit itu lebih baik daripada ibadat yang banyak. Kalau boleh saya sebutkan, ini riwayat daripada Tabrani menyebutkan, 'ilmu yang sedikit itu lebih baik daripada ibadat yang banyak', kata Rasulullah yang diriwayatkan oleh Tabrani. Sekarang ini kita dalam Majlis Hal Ehwal Agama Islam,

Jabatan Perdana Menteri akan berusaha untuk meningkatkan ilmu di kalangan masyarakat. Insya Allah kita akan melihat orang-orang lalam, pegawai-pegawai Kerajaan beragama Islam akan menjalankan tugas dakwah ini mengikut yang sebenar-benarnya yang dikehendaki oleh Islam.

Keduanya, soal Aurad Muhammadiyah, memangnya kita sedar di dalam mesyuarat-mesyaurat kita di Jabatan Perdana Menteri kita menyebutkan soal ini dan Majlis Fatwah Kebangsaan telah memutuskan bahawa ianya bertentangan dengan akidah Islam dan kita sedar juga bahawa memang ada diterbitkan di dalam majalah-majalah atau akhbar-akhbar dan kita telah mengingatkan baru-baru ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri telahpun mengarahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya menyemak semula cabutan-cabutan dari buku-buku Aurad Muhammadiyah yang dikeluarkan di dalam akhbar dan dalam majalah dan sekarang ini di dalam tindakan ataupun siasatan Kementerian Dalam Negeri untuk menyiasat dan mengambil langkah-langkah lanjut jika sekiranya perlu.

Tuan **Haji Ibrahim bin Haji Ujang**: Tuan Yang di-Pertua, banyak penjelasan yang telahpun diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan ajaran-ajaran sesat ini. Yang sebenarnya ajaran sesat ini telahpun menjadi satu permasalahan dalam perkembangan agama Islam di tanahair kita. Dengan usaha Kerajaan yang begitu gigih untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan memberikan kesedaran keilmuan dalam apa bentuk sekalipun berhubung dengan keislaman ini, maka timbul ajaran-ajaran sesat yang begitu banyak sedangkan dahulu daripada ini tidak ada. Saya ingin

mengambil perhatian dan meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri ada menyebutkan tadi tentang tugas-tugas Badan Pengelola Gerakan Dakwah Malaysia seperti mana yang telah dijelaskan.

Keduanya, setakat ini berapakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk menyekat badan-badan dakwah yang tidak sihat ini yang telah diambil oleh pihak berkuasa.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, tugas ataupun fungsi Badan Penyelaras Gerakan Dakwah Malaysia itu ada Lima semuanya:

- (1) menyelaras dan mengawal semua kegiatan berkaitan dengan dakwah di seluruh negara;
- (2) merancang dan menganjurkan perjumpaah Badan-badan Dakwah di peringkat Kebangsaan seminar, muzakarah, kursus, muktamar dan lain-lain yang telahpun kita jalankan. Baru-baru ini kita mengadakan muktamar dan seminar sufi yang keempat;
- (3) mengkaji dan meneliti resolusi seminar, muktamar, muzakarah dan lain-lain berhubung dengan dakwah untuk diputus dan dilaksanakan mengikut apa yang patut dilakukan;
- (4) menyusun strategi yang lebih berkesan untuk meninggikan lagi penghayatan Islam sempena hari-hari kebesaran Islam dan Maulidul Rasul dan Ma'al Hijrah dan lain-iainnya;
- (5) menyalurkan maklumat dan berita dakwah melalui penerbitan badan Penyelarasan Gerakan Dakwah Islamiah.

Soalan kedua berkaitan dengan tindakan. Tindakan ini saya tidak mempunyai angka yang tepat pada saya tetapi setakat ini kita

telah mengenalpasti tidak kurang daripada 14 ajaran sesat dan tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi ialah dengan mengadakan seminar, muzakarah, kursus demi untuk kepentingan masyarakat ramai. Itulah sebabnya kita tumpukan atau melebihi soal hendak menyampaikan ilmu itu supaya orang yang menganuti agama Islam, menjalankan kegiatan dakwah supaya mereka tahu apakah urusan mereka.

Salah satu daripada perkara yang disebutkan di dalam seminar sufi yang keempat baru-baru ini ialah tentang pengetahuan. Bagaimana kita tidak harus melibatkan diri di dalam satu-satu usaha kegiatan yang kita tidak ada pengetahuan. Kebanyakannya mengaitkan dengan satu-satu ayat Quran yang menyebutkan, "Janganlah kamu mengikut sesuatu di mana kamu tidak ada ilmu di dalamnya." Jadi, dalam seminar sufi itu salah satu ialah pemberian ilmu. Kita hendak menyampaikan ilmu supaya kita dapat mempertahankan setiap individu Islam daripada serangan ajaran-ajaran salah ini supaya mereka tidak tersesat disebabkan oleh adanya orang yang ingin menyesatkan mereka.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Jabatan Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri mengenalpasti siapakah yang membawa ajaran-ajaran sesat itu di dalam satu-satu golongan. Kalau kenal, adakah sudah pihak jabatan ini memanggil mereka untuk berbincang? Kalau tidak dipanggil kenapakah? Sebab mereka ini adalah orang-orang kita, orang-orang yang cerdik pandai. Kenapa kita tidak panggil berbincang? Kalau tidak panggil mengapa? Itu soalan saya.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya kita mengenali, saya sudah sebutkan, kita mengenali tidak kurang daripada 14 kumpulan dan kita mengenali siapakah mereka itu. Kita memanggil mereka ke Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Pengarah Pusat Islam pun menghubungi mereka, sebahagian daripada mereka memang tidak mahu hadir, ada yang menafikan bahawa mereka tidak dapat surat daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi, dalam Dewan yang mulia ini saya hendak menyebutkan sekali lagi bahawa memang kita telah menulis surat termasuklah kepada Syeikhul Arqam untuk berbincang tetapi ada orang yang menafikan bahawa mereka tidak pernah dapat surat: jemputan daripada Kerajaan. Jadi, dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi saya hendak mengatakan bahawa Kerajaan memang menjemput dan masih terbuka bila-bila masa pun untuk berunding dengan Kerajaan.

Salah satu lagi perkara yang kita buat termasuklah yang kita buat baru ini di Masjid Negara tentang 'Halakah Zikir', kita panggil semua sekali kumpulan zikir supaya hendak disatukan, hendak disamakan yang mana tak betul **itu**. Jadi, sememangnya daripada kumpulan-kumpulan yang kita kenalpasti bahawa mereka itu memang menyeleweng, jadi kita panggil bersama duduk supaya dapat mereka itu membetulkan kalau sekiranya tidak betul, tetapi setengah-setengahnya hadir, setengahnya tidak hadir, setengah yang hadir itu juga menunjukkan reaksi yang bertentangan, kalau saya sempat duduk dua hari dalam Seminar Sufi **itu**, reaksi yang bertentangan walaupun pembentang kertas kerja itu membentangkan soal kebaikan, kebenaran di dalam membentang kertas kerjanya itu. Misalnya dalam kertas

kerja Osman Muhammadi yang baik itu, itupun ada orang yang tak bersetuju dengannya. Misalnya soal bercakap dengan jin, bercakap dengan roh, dia menafikan, soal ini kerja iblis, katanya. Memang benar tetapi ada orang tak bersetuju, ada orang yang menentang. Ini soalnya. Insya Allah, kita akan mengadakan lagi seminar-seminar dan muzakarah ini, Kerajaan bertanggungjawab untuk membetulkan yang salah ini, insya Allah.

Puan Ainon binti Ariffin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang terakhir sekali, saya memberi peluang satu sahaja.

Puan Ainon binti Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baik hati kerana saya rasa perkara iai amat mustahak bagi perkembangan dan keselamatan negara bukan sahaja kepada yang beragama Islam. Setelah mengetahui mereka ini ada yang degil, ada yang engkar, tidakkah pihak berkenaan, iaitu Perdana Menteri yang juga memegang jawatan sebagai Menteri Dalam Negeri hendak merundingkan perkara ini dengan ISA supaya yang berkenaan itu dapat disimpan sekejap, kemudian diberus sedikit, lepas itu nanti baru dibawa ke Seminar Sufi.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang meneliti. Kalau sekiranya dianya tidak membawa kepada satu masalah umum, kepada kemudharataa masyarakat, jangkaan Kerajaan mungkin membawa kecelakaan dengan hebat kepada Kerajaan, maka Kerajaan akan menjalankan tetapi dalam usaha Islam ini: "Addinnul nasihah" - kita nasihatkan kepada mereka yang tidak fahan supaya fahan, Kalau dia mengambil kegiatan untuk merosakkan kestabilan negara, insya Allah, kita akan berpakat dengan ISA untuk sementara waktu.

BANJIR DI SABAH

6. Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam mengatasi masalah banjir di Sabah selain dari tindakan yang sedang dan akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri.

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebuah Projek Mencegah Banjir di Sabah dengan kosnya \$39.9 juta. Projek ini melibatkan kerja-kerja penyaluran (melebar, mendalam dan melurus) sungai-sungai tertentu bagi mengurangkan kerosakan dan kesan banjir serta hakisan tebing di kawasan-kawasan pertanian dan desa.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima sejumlah \$10 juta telah diluluskan. Sebanyak \$4.5 juta diperuntukkan dalama tahun 1988 untuk membolehkan pelaksanaan kerja-kerja penyaluran 8 batang sungai.

Kerajaan Persekutuan juga telah membelanjakan sejumlah \$388,000 untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah menubuhkan sebuah rangkaian sistem ramalan dan amaran banjir telemetrik bagi limbangan Sungai Kinabatangan bagi memudahkan pengumpulan data-data hidrologi dan ramalan banjir dibuat secara automatik. Dengan demikian amaran banjir boleh disampaikan kepada penduduk di kawasan yang terlibat supaya mereka dapat berpindah dan menyelamatkan harta-benda sebelum berlakunya banjir.

PERUMAHAN - MUTU PEMBINAAN

7. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah tindakan telah diambil ke atas Pemaju Perumahan yang sengaja mengurangkan luas rumah yang dibina di samping penggunaan bahan-bahan binaan yang tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak.

Timbalan. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat yang mengemukakan. soalan ini untuk memberi kesempatan kepada saya merayu kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat mengambil bahagian menyarapakan hakikat yang sebenar kepada orangramai di dalara masalah perumahan.

Di dalam masalah pelaksanaan perumahan di negara kita ini mempunyai dua badan; satu dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Penguasa Kerajaan Negeri. Setakat ini bagi pihak Kementerian tidak ada apa-apa tindakan diambil kepada pihak ini kerana pelaksanaan rumah di bawah Jabatan Perumahan Negara ini tidak berbangkit di dalam masalah apa yang dibangkitkan oleh soalan ini kerana cara Jabatan ini menjualkan rumah-rumahnya dengan mengadakan perjanjian dengan orangramai ialah setelah rumah ini siap sempurna mengikut apa yang terkandung di dalam spesifikasi pelaksanaan rumah ini barulah diadakan perjanjian jual-beli dengan. pihak pembeli,

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah rumah-rumah yang dilaksanakan oleh pihak pemaju-peraju persendirian ataupun oleh pihak swasta. Mereka ini di luar daripada bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun demikian, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan satu

peraturan 12(1) Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1982. Di dalam peraturan ini, pertama dalam ceraiian Fasal 12 ini, Pemaju-pemaju hendaklah mengadakan perjanjian jual-beli dengan pihak pembeli dan di dalam surat perjanjian itu hendaklah dimasukkan beberapa jadual-jadual yang ditentukan metigikut Fasal 12(1) 1982 ini. Di antara dalam Fasal ini, Fasal 12 nyata dalam perjanjian ini bahawa pembeli berhak menuntut mengurangkan harga andainya pelaksanaan itu tidak mengikut spesifikasi di dalam pelaksanaan pembangunan dan tapak rumah itu dan harganya bolehlah dikurangkan setimpal dengan kekurangan yang dilaksanakan.

Di dalam Fasal 23, Tuan Yang di-Pertua, jelas disebut bahawa di dalam tempoh 12 bulan setelah bangunan ini sempurna dilaksanakan andai ada sesuatu kerosakan yang mencacatkan bangunan ini maka bagi pihak pembeli berhak lagi menuntut gantirugi kepada pihak pemaju atau membaikinya sendiri dan memotong harganya berpatutan di atas harga yang dipotongkan itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat mengambil bahagian memaklumkan kepada orangramai sebarang surat perjanjian yang hendak dibuat hendaklah benar-benar mendapat keyakinan sebelum daripada perjanjian itu ditandatangani.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini apakah peranan yang boleh dimainkan oleh pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membantu begitu ramai pembeli-pembeli rumah yang kini menghadapi projek-projek mereka terbengkalai dan tidak dapat rumah

yang mereka beli. Saya sebut demikian kerana mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kementerian memang ada kuasa dalam peraturan. mengeluarkan lesen kepada pemaju-pemaju. Tidakkah Kementerian ada kuasa membantu pembeli-pembeli rumah untuk mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi selama ini.

Datuk Haji Hussein bin. Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pihak Kementerian boleh mengambil peranan, Ahli Yang Berhormat juga boleh mengambil peranan. Itulah yang saya pohonkan sebentar tadi. Memang bagi pihak Kementerian sentiasa mengambil peranan sehingga pihak Kementerian menubuhkan satu unit penguatkuasaan walaupun tidak diberi kuasa-kuasa pendakwaan, namun dipergunakan kuasa-kuasa dengan secara budibicara terhadap di antara pemaju dan pembeli yang menghadapi masalah-masalah yang terbengkalai. Di samping itu, Kerajaan juga pernah bertindak kepada pemaju-pemaju tetapi tidak di atas kesalahan terbengkalai, tetapi di atas kesalahan yang lain seperti melanggar Akta Pengiklanan, sebagaimana yang telah saya jawab di dalam Dewan ini semalam.

MINAT MEMBACA PELAJAR-PELAJAR

8. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sejauh manakah usaha menggalak dan memupukkan minat membaca di kalangan pelajar-pelajar berjaya setakat ini;
- (b) sejauh manakah kekurangan buku-buku dan bahan bacaan bermutu dalam Bahasa Malaysia menghalang usaha ini;
- (c) apakah Kerajaan menganggap kekurangan bahan bacaan ini sebagai satu masalah yang serius yang boleh disifatkan sebagai darurat kerana kesannya sangat mendalam, iaitu ia hanya menghasilkan rakyat Malaysia yang hanya celik huru tetapi buta ilmu; dan
- (d) apakah Kerajaan akan mengiktiraf keadaan darurat ini dan mengadakan peruntukan khas untuk tujuan ini supaya para penterjemah dan penulis buku mendapat insentif dan dorongan yang sama seperti usahawan dan peniaga, terutamanya apabila mengambil kira usaha Kerajaan menyelamatkan bank-bank, koperasi (DTC), industri insuran dan sebagainya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan Yang Berhormat adalah panjang sedikit. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan:-

(a) Usaha menggalak dan memupuk minat membaca di kalangan pelajar-pelajar adalah berjaya berdasarkan beberapa faktor:

- (i) Bertambah ramainya penyertaan murid-murid dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak Kementerian, Negeri, Daerah dan sekolah seperti:

- (a) Bulan Perpustakaan
- (b) Promosi Perpustakaan-di rumah
- (c) Khemah Membaca
- (d) Kuiz Pengetahuan
- (e) Sessi Ulasan dan Ceramah buku
- (f) Mingguan bacaan.

- (ii) Bertambah ramainya murid-murid yang mengunjungi pameran dan Pesta Buku yang diadakan di peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah.
 - (iii) Bertambah ramainya murid-murid yang meminjam buku Perpustakaan seperti dari Perpustakaan Awam, Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Sekolah.
- (b) Setakat ini pelajar-pelajar tidak meaghadapi masalah kekurangan buku yang serius dalam Bahasa Malaysia kecuali bagi beberapa jenis atau mata pelajaran di peringkat tinggi. Walau bagaimanapun, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dan sedang berusaha mengatasinya dengan menumpukan penerbitan buku-buku seperti dalam bidang sains, teknologi moden, ensaiklopedia, ilmu budaya dan Sejarah Melayu, 'buku-buku istilah' dan panduan Bahasa Melayu.
- (c) Kementerian Pendidikan tidak bersetuju dengan anggapan yang Berhormat bahawa negara menghadapi kekurangan bahan bacaan yang serius yang boleh disifatkan sebagai darurat.
- (d) Oleh kerana Kerajaan tidak mengiktiraf anggapan bahawa negara kekurangan buku yang serius dan bersifat darurat, maka tidaklah perlu diberikan peruntukan khas seperti Yang Berhormat anjurkan itu kerana Kementerian berpendapat usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan adalah memadai bagi mempertingkatkan pengeluaran dan penggunaan buku melalui langkah-langkah berikut:-

- (i) Menghidupkan semula Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan. (MKBK) dengan peruntukan khas sebanyak \$100,000;
- (ii) Pelaksanaan Dasar Buku Negara;
- (iii) Peruntukan khas kepada Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (iv) Melaksanakan projek penerbitan seperti:
 - (a) Projek NADI - Menterjemah buku-buku penting untuk pusat pengajian tinggi atau karya agung dunia.
 - (b) Buku-buku Tamadun Islam;
 - (c) Buku rujukan penting perundangan;
 - (d) Insentif kepada penterjemah dengan bayaran yang lumayan. Royalti sehingga 20% daripada harga jualan dan honorarium sebanyak \$3,000 kepada penulis buku yang kurang mendapat pasaran; dan
 - (e) Dewan Bahasa dan Pustaka bekerjasama dengan penerbit-penerbit swasta dalam usaha mempercepatkan penerbitan buku-buku pengajian tinggi dan karya agung dunia melalui projek NADI.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak bersetuju bahawasanya keadaan kekurangan bahan bacaan itu serius, saya masih lagi berpendapat keadaan itu memang serius, terutama sekali di peringkat pengajian tinggi, rata-rata disebut oleh para cendekiawan dan para penerbit bahawasanya pelajar-pelajar, kita di peringkat Universiti terutamanya masih cetek dengan ilmu kerana kekurangan bahan bacaan.

Bagi mereka yang 'bilitigual' sahaja yang tidak terasa kekurangan bahan bacaan ini. Oleh itu apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji keadaan ini supaya keadaan sebenar dapat dipastikan supaya tidak timbul perbincangan baru-baru ini bahawasanya pusat-pusat pengajian tinggi kita menghasilkan pelajar-pelajar yang mediocre?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mempercepatkan untuk menterjemahkan buku-buku seperti yang saya sudah jawab itu, Kementerian Pendidikan ada mengarahkan pelajar-pelajar untuk menguasai bukan sahaja Bahasa Malaysia tetapi menguasai bahasa Inggeris ataupun bahasa French ataupun bahasa-bahasa lain, Kementerian Pendidikan rasa perlulah semua rakyat kita menguasai lebih bahasa selain dari Bahasa Malaysia dan selepas ini kita harap masalah itu dapat diatasi. Pada tahap sekarang dalam satu kajian kita dapati bahawa rakyat Malaysia ini hanya membaca kurang dari satu muka buku-buku yang sudah ada di negara kita ini dan sebab itu semua anggota masyarakat daa ibu bapa mesti menggalakkan anak-anaknya untuk membaca lebih banyak buku.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan berhubung dengan buku bacaan. Adakah benar di bawah program pinjaman Bank Dunia yang kelapan, Fasa II, semua sekolah di negara ini menerima beberapa buah buku bacaan bagi kegunaan perpustakaan masing-masing, akan tetapi saya difahamkan bahawa 176 buah sekolah Tamil sahaja dari sejumlah 550 buah sekolah dipilih menerima 50 buah jodol buku bacaan bagi setiap sekolah? Jika ya, kenapa?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, benarlah bahawa melalui skim Pinjaman Bank Dunia, Kementerian Pendidikan ada mengedarkan buku-buku kepada sekolah-sekolah, khasnya sekolah-sekolah rendah. Teguran daripada Yang Berhormat bahawasanya segelintir sahaja Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) mendapat buku-buku di bawah Skim Pinjaman Bank Dunia itu, itu satu perkara yang saya hendak siasat.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) PO NAH - BANTUAN

9. **Tuan Lau Keng Siong** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Nan, di Bukit Bakri, Muar Johor yang telah memohon bantuan penuh \$1,290,304/ pada tahun 1983 untuk membina sekolah baru di atas tanah Kerajaan, tetapi masih lagi dalam pertimbangan walhal sudah 5 tahun. Sila rujuk surat KP. 15893133173 (59) daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan mempercepatkan kelulusan atas permohonan itu.

Tuan Woon See Chin: Tuan, Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peminan projek gantian Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Nan, Kampung Bakri, Muar, Johor ini telah diluluskan untuk dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana juralah peruntukan yang terhad pada masa itu. Projek gantian sekolah ini telah dicadangkan semula untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, keutamaan telah diberi kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bukit Kepong, Muar, Johor yang lebih mendesak. Kementerian ini sedang mengkaji kedudukan bangunan sekolah rendah yang dhaif dan uzur di seluruh negara terutama bangunan-bangunan lama yang telah disahkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya sebagai tidak selamat untuk digunakan dan perlu diganti atau diperbaiki.

Bagi melaksanakan program tersebut, projek gantian Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Pu Nan, Kampung Bakri, Muar, Johor ini akan dimasukkan semula untuk pertimbangan dan kelulusan agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke-10, tetapi ada pembetulan. Soalan saya, saya tujukan kepada Kementerian Penerangan.

PILIHANRAYA KECIL DI JOHOR - PERBELANJAAN JABATAN PENERANGAN

10. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Penerangan menyatakan berapa banyakkah Jabatan Penerangan menanggung belanja tambahan kerana menghadapi tiga pilihanraya kecil, iaitu Tanjung Putri, Johor Bahru dan Parit Raja. Benarkah majlis-majlis perhimpunan sivik di ketiga-tiga pilihanraya kecil ini tidak mendapat sambutan langsung dari orangramai.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bia Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan membelanjakan sejumlah \$172,417.48 kerana menghadapi 3 pilihanraya kecil menurut pecahan seperti berikut:.

Pilihanraya Kecil Tanjung Putri	-	\$35,299.00
Pilihanraya Kecil Johor Bahru	-	\$67,026.56
Pilihanraya Kecil Parit Raja	-	\$70,091.92

Perbelanjaan ini adalah daripada peruntukan Belanja Mengurus tahun 1988 yang sedia dibekalkan kepada Jabatan Penerangan. Jumlah perbelanjaan tersebut adalah digunakan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan publisiti bagi menjayakan pilihanraya-pilihanraya kecil ini daripada segi menyeru dan menggerakkan pengundi—pengundi supaya keluar membuang undi dan membuang undi secara yang betul agar tidak

terdapat undi yang rosak. Di samping itu Jabatan Penerangan juga bertanggungjawab bagi menerangkan kepada orangramai tentang dasar-dasar Kerajaan yang sebenarnya supaya tidak disalah fahami.

Segala kegiatan Jabatan Penerangan termasuk kegiatan Sivik itu telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik. Bilangan orangramai yang hadir tentulah berbeda-beda mengikut masa dan tempat tetapi tidaklah benar ia tidak mendapat sambutan langsung.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan beritahu peratus undi yang rosak, apakah peratusnya berbeza antara pilihanraya umum dengan pilihanraya kecil?

Kami sedia maklum peranan Jabatan Penerangan beri publisiti yang seluas-luasnya supaya pengundi-pengundi keluar dan mengajar mereka macam mana elakkan undi rosak itu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu peratusnya undi rosak?

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua saya mohon maaf kepada Dewan ini kerana saya tidak menyimpan rekod berkenaan peratus undi yang rosak tetapi maksud memberi penerangan berkenaan bagaimana cara mengundi yang betul ialah menerusi risalah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya berkenaan bagaimana mengundi yang sah dan yang betul. Kalau soal hendak mendapatkan peratus undi rosak itu, saya kena siasat daripada Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 43 adalah

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji

Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan Belanjawan 1989 atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang".

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan Belanjawan 1989 atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang"

untuk disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai perbincangan Belanjawan 1989 atas masalah "Bahawa Rang Undang- undang ini dibaca kali yang kedua sekarang".

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [8hb Disember, 1989]

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Senator Lim Heng Tee untuk menyambung ucapan beliau petang semalam. Dipersilakan Yang Berhormat Encik Lira.

4.06 ptg.

Tuan Lim Heng Tee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang sekali lagi untuk menyambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya nyatakan semalam, strategi Belanjawan tahun 1989 adalah ditumpukan kepada 3 bidang, iaitu

- (i) menyusun semula sistem cukai;
- (ii) meningkatkan peranan sektor swasta bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pengangguran;
dan
- (iii) meneruskan dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai tujuan-tujuan **ini**, Kerajaan telah mengumumkan beberapa konsesi yang amat bermurah kepada sektor swasta terutama sekali ialah potongan 5% kadar cukai syarikat acapun corporate tax, dengan izin, daripada 40% kepada 35% dan pemansuhan cukai pembangunan secara berperingkat mulai tahun taksiran 1990. Dengan jumlah hasil yang dianggarkan sebanyak \$22,742

juta berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebanyak \$22,286 juta untuk tahun 1989, Kerajaan akan memperuntukkan lebih \$456 juta dalam akaun semasanya. Ini adalah hasil pencapaian yang besar berbanding dengan tahun 1986 dan 1987 bilamana Kerajaan menghadapi defisit sebanyak \$500 juta dan \$200 juta masing-masing.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang besar bagi perbelanjaan pembangunan sebanyak \$6,939 juta akan membawa kepada defisit keseluruhan sebanyak \$6,523 juta dalam Belanjawan tahun 1989. Ini mungkin akan mendesak Kerajaan meminjam lebih banyak lagi,

Dalam konteks ini, saya rasa puashati kerana Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang betul untuk mengurangkan hutang luar negeri dengan lebih meminjam daripada dalam negeri yang tidak membawa kesan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggantikan ataupun offset kehilangan hasil akibat daripada potongan 5% cukai syarikat, Kerajaan telah mencadangkan hendak dikenakan semula cukai jualan sebanyak 5% ke atas beberapa bahan-bahan makanan dan bahan-bahan binaan. Sungguhpun Kerajaan telah mengatakan bahawa cukai-cukai jualan ini hanya dikenakan ke atas benda-benda yang kurang penting, ini tetap akan menjejaskan kos hidup rakyat jelata.

Cukai Pegangan sebanyak 5% yang dikenakan ke atas faedah Simpanan Tetap yang melebihi tempoh 12 bulan, adalah tidak bijak kerana ini akan mengakibatkan aliran keluar wang negara, memandangkan faedah pada masa kini sudahpun amat rendah. Apa yang saya tidak setuju ialah sementara Cukai Pegangan dikenakan atas warganegara kita, orang yang bukan pemastautin diberi pengecualian cukai berkenaan untuk menggalak kemasukan modal ke negara ini. Ini adalah satu contradiction, dengan izin. Sebenarnya, ini adalah sebab yang benar untuk mengecualikan cukai pegangan ke atas faedah Simpanan Tetap, kerana sudah tentu cukai berkenaan akan memaksa modal tempatan keluar dari negara kita. Adakah kita lebih mengalu-alukan modal asing daripada modal orang kita sendiri?

Tuan Yang di-pertua, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran gas dan petroleum daripada 540,000 tong kepada 562,000 tong sehari, untuk menggantikan kehilangan pendapatan akibat kejatuhan harga petroleum.

Saya setuju bahawa pada peringkat pembangunan ekonomi negara kita ini, kita kena bergantung kuat kepada hasil semula jadi seperti petroleum dan balak, untuk membekalkan wang yang diperlukan itu, tetapi saya rasa kita patut berhati-hati supaya jangan terlalu sangat bergantung kepada hasil semula jadi itu, kerana harga barangan eksport dalam pasaran dunia itu turun naik dan tidak stabil. Lagi pun pengeluaran hasil semula jadi yang keterlaluan, boleh merosakkan ekonomi negara kita dalam jangka panjang, khasnya petroleum iaitu satu aset semula jadi yang tidak dapat digantikan

apabila habis.

Tuan Yang di-Pertua, susutan nilai ringgit berbanding dengan matawang utama yang berterusan kebelakangan ini telah menimbulkan rasa bimbang. Walaupun Kerajaan telah berkali-kali menyatakan, bahawa kadar tukaran yang rendah untuk ringgit dengan matawang utama dapat membantu eksport kita serta menggalakkan pelaburan asing. Ini tidak harus dibiarkan begitu sahaja tanpa mengambil langkah-langkah kewangan bagi menentanginya untuk memelihara nilai ringgit supaya berada di peringkat optimum, bagi membolehkan negara kita berada pada kedudukan yang lebih berfaedah dalam bidang perdagangan servis hutang (debt servicing), dengan izin, aliran modal dan lain-lain. Kita mesti ingat susutan nilai ringgit akan mengurangkan kuasa beli ataupun purchasing power, dengan izin, rakyat kita dengan mengenakan semula cukai jualan ke atas bahan-bahan makanan dan bahan-bahan binaan, tanggungan beban makanan dan rumah menjadi lebih berat. Saya berharap Kerajaan akan memberi perhatian pada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan mendapat hasil yang lebih melalui cukai tak langsung dan bukan cukai langsung ialah satu langkah yang baik dan patut dialu-alukan. Pengenalan secara beransur-ansur Cukai Pertambahan Nilai 'Value Added Tax' (VAT), dengan izin, adalah lebih baik daripada cukai jualan kerana VAT meliputi lebih luas dan adalah lebih adil serta akan mendatangkan hasil yang lebih kepada Kerajaan. Usaha Kerajaan membawa masuk pelaburan asing boleh dikatakan berjaya juga.

Potongan 5% cukai syarikat dan pemansuhan cukai pembangunan, dan lagi pemansuhan 3% cukai keuntungan berlebihan ataupun excess profits tax, dengan izin, mulai tahun yang lepas sudah tentu akan menjadikan Malaysia suatu tempat yang amat menarik bagi pelabur-pelabur asing.

Saya setuju Kerajaan hendaklah memberi insentif kepada pelabur-pelabur sama ada pelabur tempatan ataupun pelabur asing, tetapi Kerajaan hendaklah lebih berhati-hati dan bersikap pemilih ataupun selective, dengan izin, dan janganlah bergantung sepenuhnya kepada pelabur-pelabur asing kerana bukan semua jenis pelaburan asing akan menguntungkan negara kita. Misalannya, Syarikat Asia Rare Earth (A.R.E.) di negeri Perak yang mana operasinya mungkin telah mengancam kesihatan rakyat kita. Jika kita terlalu sangat bergantung kepada modal asing, ekonomi negara kita dan pekerja-pekerja kita akan ditakluki oleh negara-negara asing nanti, kerana kita begitu ghairah mendapatkan pelaburan asing, kita telah lupa akan peranan yang penting yang dimainkan oleh pelabur-pelabur tempatan.

Kita tidak boleh semata-mata mengharapkan sikap pemurah daripada pelabur-pelabur asing. Mereka datang ke negara kita untuk berniaga dengan tujuan mendapatkan keuntungan. Bila tiba masanya mereka akan membawa balik semua wang yang mereka perolehi itu. Sebaliknya, pelabur-pelabur tempatan adalah rakyat kita sendiri, sebarang keuntungan yang mereka perolehi, mereka akan pergunakan untuk pelaburan dan berniaga semula di negara kita. Tidak ada aset akan keluar dari Malaysia. Dengan cara ini, aset dan harta negara akan bertambah dan negara kita akan menjadi makmur. Oleh yang demikian,

pelaburan modal tempatan patut di beri keutamaan bantuan dan galakan. Dalam hubungan ini, Kerajaan haruslah mengambil langkah-langkah dan strategi-strategi untuk memindahkan kembali semua wang kepunyaan rakyat Malaysia yang tersorok dan terlindung di negara asing. Tidak dapat dinafikan bahawa setengah-tengah wang itu sakar di bawa balik ke Kementerian tanpa soal siasat, setengah-setengahnya tidak dapat dikembalikan langsung kerana diperolehi tidak mengikut peraturan dan kehendak undang-undang negara kita. Sungguhpun kita tidak menggalakkan perolehan wang secara haram, kita harus mencari jalan untuk mendapatkan balik wang itu supaya wang itu dapat digunakan untuk kebaikan semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya satu cara pengampunan ataupun amnesty, dengan izin, atau reprieve diberi kepada wang yang tersorok dan terlindung di luar negeri untuk membolehkan wang itu kembalikan untuk memainkan peranan yang positif dalam ekonomi negara kita. Dengan cara ini bekalan wang tempatan akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan khas dan galakan Kerajaan kepada industri kecil dan sederhana patut dipuji. Pentingnya peranan industri kecil dan sederhana tidak dapat kita nafikan memandangkan negara Jepun dan negara Taiwan juga mula dengan industri-industri kecil. Apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah untuk membolehkan industri kecil dan sederhana ini maju dan berjaya pihak-pihak berkenaan, pihak-pihak berkuasa Kerajaan hendaklah singkirkan-kelanggar birokrasi yang menyebabkan kelambatan misalannya dalam kelulusan permohonan tanah serta ubah syarat tanah, pengeluaran status perintis dan lesen, pemberian pinjaman dan lain-lain kemudahan kredit, kelulusan kastam dan lain-lain. Satu pusat serenti ataupun one-stop agency, dengan izin, seperti yang ditubuhkan di MIDA patut ditubuhkan untuk SMI iaitu industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan gaji dan pengurangan faedah pinjaman rumah dan kenderaan untuk kakitangan perkhidmatan awan adalah kena pada masanya, sebab perkara ini telah terheret-heret begitu lama. Adalah diharapkan dengan layanan yang lebih baik moral ataupun semangat perkhidmatan awam akan bertambah dan begitu juga efisien dan kadar produktiviti.

Apa yang membimbangkan ialah terdapat kurangnya kerjasama tidak setuju sesama sendiri atau mempunyai pendirian yang tidak sama di antara beberapa kesatuan-kesatuan pekerja, misalnya MTUC, CUEPACS, NJC dan lain-lain. Demi kepentingan pekerja-pekerja di negara kita keseluruhannya adalah diharap semua kesatuan sekerja dapat menyelesaikan perbezaan masing-masing secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, sementara perkhidmatan awam telah diberi kenaikan gaji bagi memenuhi kos hidup yang semakin melambung titiggi, kita janganlah lupakan pesara-pesara yang juga berkehendakkan kenaikan pencen. Saya faham sudah beberapa tahun bayaran pencen belum disemak semula. Kenaikan kos hidup dan kejatuhan nilai ringgit telah menjejaskan pesara-pesara khasaya mereka dalam kategori C dan D terutama sekali mereka yang menerima lebih kurang \$100 sebulan sahaja. Tentulah kita mampu membayar pesara-pesara kita lebih sedikit khasnya mereka dalam kategori bawah supaya mereka dapat hidup dengan lebih selesa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kita mesti bersetuju bahawa tidak mungkinlah kita dapat adakan suatu Belanjawan yang dapat diterima oleh semua pihak yang menguntungkan semua dan tidak menyakitkan mana-mana pihak. Apa yang penting ialah Kerajaan mesti menerima dan menimbangkan semula semua bidasan dan pendapat umum yang membina kemudian barulah melaksanakan dasar-dasar yang secara ikhlas dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1989 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim.

4.26 ptg.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membincangkan iaitu satu Akta Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari penghabisan ucapan Belanjawan perbincangan iaitu selama lima hari maka saya sekali lagilah mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang **ini**. Walaupun dalam empat hari ini perkara-perkara yana hangat telah berlaku dalam Dewan ini dan saya rasa satu perkara yang tidak pernah berlaku telah berlaku, ini adalah kerana perasaan ataupun keegoan seseorang itu. Sebelum saya memperkatakan beberapa perkara dalam kertas ini sebagai mukaddimahnya saya hendak sentuh juga sedikit iaitu hendak sentuh sedikit kepada Yang Berhormat daripada Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini memanggil Senator-senator wanita ini makcik. Jadi hari ini saya hendak sentuh kepada dia, ini makcik hendak cakap, Makcik hendak cakap kepada dia, pepatah Melayu tnengatakan luka sudah hilang, parut tinggal juga.

Tuan Yang di-Pertua, luka lekas baik tetapi parut kadang-kadang membawa mati tidak hilang. Ini akibatnya. Jadi pesan orang tua-tua terlajak perahu boleh undur, kalau terlajak kata

akibatlah padahnya. Inilah kena berhati-hati kalau hendak mengeluarkan perkataan. Kita jangan jadi lipas kudung, macam ini terkedik-kedik ke sana kemari, kita mesti tahu diri kita siapa sebagai Wakil daripada negeri kita, kita mesti ada rasa mempunyai sikap mempunyai rasa tanggungjawab dan juga merasa tinggi diri bukan hendak sombong, tetapi kita tahu letaknya di mana. Maka kita kena jaga itu sebagai seorang Senator yang mewakili negerinya kita hendaklah berhati-hati. Kita mesti ada disiplin, ini makcik cakap patut dengarlah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya suka saya menyambung sedikit lagi kepada orang Melayu yang masuk dalam parti UMNO, mereka ini telah ditanamkan satu tanaman yang suci di dalam hati satu nyanyian. yang ditanam ke dalam semangat dan jiwanya iaitu di dalam satu Lagu UMNO, rangkap yang penghabisan dia berkata sedemikian, UMNO terus maju untuk rakyat Malaysia, Jadi bukan UMNO ini untuk orang Melayu sahaja, tidak.

Dia berjuang untuk semua rakyat Malaysia. Kalau hendak dengar lagu itu, kita nanti boleh nyanyikan satu masa, memang bersemangat. Jadi, apabila sedemikian rupa, maka sudah tertanam di dalam jiwa pejuang-pejuang ini bukan untuk satu bangsa tetapi untuk rakyat dalam negara ini. Maka kita mesti bercakap satu-satu perkara itu bagi pembelaan kepada rakyat.

Maka dengan ini saya hendak mangambil satu-satu bab dalam pembentangan Akta ini iaitu satu perkara di bawah B.4, Suruhanjaya Pilihanraya. Setiap tahun penyemakan pendaftaran, ini paling penting. Kalau kita tidak menang pilihanraya, kita tidak boleh memerintah negara ini. Jadi, dengan ini kita mesti cari jalan supaya rakyat yang telah sampai masanya mendaftar, dia mesti mendaftar diri, tidak payah ada satu undang-undang mengatakan didenda kalau tidak mendaftar sebagai pemilih. Maka ini adalah tugasnya kepada setiap parti dalam komponen Barisan Nasional. Jangan kita harapkan pegawai itu sahaja. Maka kita bendaklah berusaha sama. Selepas daripada itu, pilihanraya ini untuk menentukan keadaan negara ini stabil kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan ataupun dalam Barisan Nasional hendaklah menentukan kerusi-kerusi itu dimenangi oleh calon-calon daripada parti pemerintah. Kita jangan ingat kasihan kepada dia ini, dia sudah tidak boleh menang dalam kawasan itu, kita ubah ke tempat lain, bagi orang lain tempat yang dia takut kalah itu, kemudian kita rugi dua kerusi. Yang tempat biasa dia kalah, yang tempat baru dia menang, kepada satu-satu parti dua kerusi sudah rugi. Ini mesti diambil perhatian, baik peringkat nasional, begitu juga di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berubah lagi kepada Jabatan Perdana Menteri. Di sini banyaklah yang terlibat. Perbelanjaannya banyak besar. Kadang-kadang kita luluskan pula lagi tambahan-tambahan wang yang telah digunakan selepas peruntukan pada tahun ini. Sudah pakai duit dahulu, macam-macam berlaku. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menyentuh sedikit. Wanita-wanita ini, mereka bekerja kuat dan taat serta patuh baik kepada pemerintahan Kerajaan, begitu juga taat setia kepada parti. Mereka tidak kira apa sahaja, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan partinya ini.

Baru-baru ini tiga pilihanraya kecil telah berlaku di negeri Johor. Maka wanita-wanita ini semua pergilah bertugas di sana. Mereka bekerja dan bertugas di sana, ikut sahaja dan tidak ada elaun, tidak ada apa, belanja duit sendiri. Hendak duduk di sana tumpang rumah orangkah ataupun ada rumah khas yang disediakan, makan nasi kawah, ini terpulang. Tetapi kerja dia mesti buat untuk menjayakan kemenangan calon daripada parti yang diwakilinya itu. Maka dengan ini sekurang-kurangnya berilah sedikit, bukan hendak elaun, bukan hendak wang ringgit, tidak mahu. Kalau ada di atas perbelanjaan ini untuk membawa rombongan-rombongan keluar negeri, bawalah satu atau dua orang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat perjanjian dahulu masa perjumpaan, jadi patut buat. Jangan beri peluang kepada orang itu sahaja. Ini orang yang biasa kerja, di Parit Raja, di Parit Sulung, di mana-mana Parit dalam negeri itu untuk pilihanraya, dia pergi. Patut beri peluang kepada orang-orang yang macam ini.

Ada pula saya dengar, Tuan Yang di-Pertua, katanya kalau dia tidak pandai berbahasa Inggeris, tidak boleh pergi keluar

negeri. Takkanlah kita hendak bercakap dengan orang Inggeris sahaja. Kalau biarpun, apa gunanya pelajar-pelajar kita yang ada di luar negeri itu, dia boleh bekerjasama dengan kita. Macam kita pergi menunaikan fardhu haji, bukan semua orang pandai bahasa Arab. Hendak pergi ke sana kemari tidak pandai, tetapi ada anak-anak kita yang belajar di Mekah itu mereka menjadi mutawil kepada kita untuk hendak pergi melawat ke mana-mana. Begitu juga kepada lain-lain negeri boleh buat.

Satu lagi saya suka sambung iaitu berkaitan juga dengan hal dakwah. Kepada jabatan Perdana Menteri, suka juga saya menyampaikan satu perkara sebab di dalam Soal-Jawab dalam Dewan ini mengatakan tidak serius, tidak merosakkan begitu ramai lagi. Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak menyatakan, mungkin perkara-perkara ini kita tidak terdengar keluar. Ada kalanya keluarga-keluarga itu malu hendak menceritakan kepada orang. Tetapi kita ketahui, sudah meresap ke dalam rumah tangga perkara-perkara yang buruk daripada akibat-akibat Arqam. Suka saya menyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu perkara telah berlaku pada satu keluarga. Dia tidak mahu kepada suaminya, tidak mahu kepada anaknya. Kita heboh fasal di luar negeri, tetapi dalam negara kita sudah berlaku. Yang kita nampak di luar negeri, mereka tidak peduli anak, tidak peduli suami kerana asyik berzikir, tetapi dalam negara kita pun telah berlaku sehingga dia menuntut perceraian daripada suami dan tidak mahu anak - tiga orang anak lelaki, dia tidak mahu anak **ini**. Dia tidak mahu suaminya, dia mahu cerai, dia menuntut kepada khadi. Ini perkara sudah sampai, sepatutnya ada laporan kepada Jabatan Perdana Menteri. Selepas **itu**, Tuan Yang di-Pertua, selepas habis edah,

sebelum suaminya menikah, dia nikah dahulu. Dia nikah dengan puaknyalah. Jadi, bagaimana ini? Perkara ini sudah berlaku sampai dalam kampung kita, dalam negeri kita. Kita kata tidak serius lagi. Begitu juga melarikan gadis-gadis berlaku dalam negara kita ini dengan orang-orang sedemikian rupa. Dalam kawasan saya di Balik Pulau sudah beberapa orang dilarikan tetapi nasib baik mereka dapat raelepaskan diri. Apakah ini tidak serius? Ini patut diambil perhatian yang berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula kepada B. 8, Jabatan Perkhidmatan Awam. Seronoklah kita tunggu masa tahun depan hendak naik gaji pegawai Kerajaan. Kita suka, kita syukur kepada Allah mudah-mudahan tambah rezeki dalam negara kita ini. Kita dapat meningkatkan lagi rezeki kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita ini tidak naik gajikah. Kita selalu macam lilin membakar diri, orang lain naik gaji, orang itu naik gaji, orang ini dapat bonus, kita ini tidak adakah? Selepas itu, sebagaimana rakan saya tadi kata, pencen.

Pencen ini pun patut dinaikkan, terutama sekali hendak diambil perhatian oleh Kerajaan kepada balu-balu, walaupun perkata ini telah saya sebutkan tetapi untuk hendak direkodkan dalam Dewan ini, saya suka menyarankannya sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, balu-balu yang menerima pencen daripada suaminya, dia akan menerima pencen penuh selama 12½ tahun. Selepas 12½ tahun pencennya akan dipotong 30%, selepas itu dia dapatlah pencen itu 30%. Bagus dan syukur dapat pencen seumur hidup, tetapi saya hendak nyatakan di sini potongan 30% tidak wajar. Kita mohon kepada Kerajaan supaya menentukan had minima yang hendak dipotong 30% itu. Kalau dia hanya terima pencen \$200 tak usahlah potong, kalau potong 30% tinggal \$140, dia semakin lama semakin tua. Kalau ada dia banyak dapat bantuan, kalau tak ada anak, duduk seorang diri, bekerja tak larat, \$140 itu bagaimana dia hendak hidup pada zaman sekarang? Ini kena ambil perhatian, terutama pihak Kementerian Kewangan.

Kalau sekiranya dia terima \$100, potong 30% tinggal \$70.00. Bagaimana hendak hidup dengan keadaan sedemikian? Hal ini patut diperhatikan. Kalau orang yang dapat pencen \$300 potonglah, tetapi jangan kurang daripada \$200, sebab kalau saraan \$200 itu dia bersakit-sakit bolehlah dia hidup, senang juga hidup, tetapi kadangkadangkang macam ada ikatan, Tuan Yang di-Pertua. Misalnya, sewaktu suaminya meninggal, umur wanita itu 35 tahun, dia hendak berkahwin tetapi dia sayangkan duit pencen. Sesudah 12½ tahun pencen dia kena potong, saraan yang diterima sudah tinggal sedikit dan dia sudah

tua, kalau hendak kahwin orang pun tak hendak. **[Ketawa]**

Anak-anak dia masing-masing sudah berumah tangga. Jadi, ini patut diperhatikan dan dipertimbangkan. Saya pernah bercakap dalam taklimat baru-baru ini dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, katanya mengapa tak kahwin. Selepas itu pula dia kata, sekarang ini kerana kesihatan rakyat bertambah baik, umur orang lambat mati, jadi makin banyak Kerajaan kena bayar pencen.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berbakti kepada orang-orang yang sudah, itu kita akan dapat tambahan hasil lagi. Saya bercakap masalah ini bukan hendak membela orang Melayu sahaja, semua bangsa, Tuan Yang di-Pertua, yang terlibat dengan perkara ini. Kalau berjaya, semua akan merasa kebaikannya.

Saya berubah pula kepada B.15 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Yang selalu dirancang dalam bandar, desa tak pernah dirancangpun dan kalau ada pun rancangan-rancangan di desa-desa adalah kerana Wakil Rakyat dalam kawasan itu. Dia rancang apa di luar bandar? Cuba kita pergi tengok sampai hari ini, ada setengah kawasan langsung tidak ada paip air, mereka mandi di sungai, ada setengahnya pula tak ada bekalan letrik langsung, tak ada air, tak ada letrik. Rancang apa, rancang dalam bandarlah. Dalam bandar tiga bulan kita tak tempuh berubah entah macam mana, kita mungkin sesat jalan. Ini juga patut diperhatikan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Saya suka juga hendak sentuh Maksud B.16, saya tak mahu cakap berbunga-bunga kerana rakan-rakan saya banyak lagi hendak bercakap tetapi saya hendak sentuh perkara yang penting B.16 iaitu Perkhidmatan Bomba. Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Bomba ini kalau tak silap saya, tahun lalu pun kita bercakap mengenainya tetapi tak ada

juga pertambahan dalam kawasan luar bandar. Apabila musim panas, kebakaran berlaku, harapkan bantuan bomba daripada bandar pergi tolong ke luar bandar. Jadi ini patut diambil perhatian kerana selalunya kebakaran berlaku sampai habis baru kereta bomba sampai.

Saya suka juga sentuh B.20 iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya akan sentuh sedikit sahaja iaitu apabila kita sebut Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, maka saya ternampak kepada kilang-kilang yang banyak di Pulau Pinang. Di sanalah banyak pekerja-pekerja wanita kita, yang kita tak sedar mereka itu ada kalanya ditindas oleh majikan ataupun syarikat itu sendiri.

Kerajaan kita telah menetapkan pada akhir tahun ada pemberian bonus sebulan gaji atau dua bulan gaji. Akan tetapi majikan kilang-kilang **itu**, sebelum umpamanya dia hendak, beri bonus bulan Disember, sebulan gaji atau dua bulan gaji, tetapi untuk mengelakkan dia tak bayar bonus kepada pekerja, dia memberhentikan pekerja-pekerja itu dalam bulan Oktober atau November. Perkara ini berlaku. Perkara-perkara yang begini juga tidak tersiar kerana pekerja-pekerja kilang itu kebanyakannya wanita. Mereka itu tak tahu hendak menghalakan masalah itu ke mana dan kadang-kadang mereka tidak ada kesatuan dan tidak tahu ke mana hendak dituju kerana kalau di Pulau Pinang kebanyakan pekerja-pekerja itu selain daripada anak-anak tempatan, mereka juga datang daripada Perak Utara, Kedah dan Perlis.

Maka mereka itu tertindas begitu sahaja. Kadangkala apabila ada dibuat perjumpaan, mereka dapat tahu yang mereka itu patut menyampaikan perkara ini, maka mereka sampaikan. Saya sendiri

menerima laporan-laporan **ini**. Maka inilah patut saya bercakap mengenainya dalam Dewan ini supaya dapat kita membela nasib mereka itu.

Kita bangga negara kita banyak pelabur-pelabur datang tetapi selain daripada pelabur itu datang semoga kita dapat memberikan perhatian kepada pekerja-pekerja. Pelabur-pelabur tak kesah sebab ramai orang yang mencari pekerjaan, dia buang hari ini, besok orang lain datang, bonus sudah dapat disimpan, orang-orang yang datang bekerja itu tak payah bayar bonus pada tahun itu. Majikan untung, wang dia bawa pergi ke mana? Kita kena perhatikan perkara **ini**.

Selain daripada kita mencari untung untuk mengatasi masalah pekerjaan, maka kita juga harus perhatikan nasib pihak pekerja dan perkara-perkara yang terjadi sedemikian. Selain daripada yang telah dibuat sebagaimana di dalam soalan saya pada tempoh hari dalam Dewan ini dalam sesi **ini**, saya tidak akan menyentuh beberapa Kementerian yang telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai B.33 Kementerian Perusahaan Awam. Saya selalu mendapat rungutan daripada orang yang memohon permit teksi, permit bas kilang, permit bas sekolah. Mereka ini selalu mengadu bahawa mereka bertahun-tahun telah memohon untuk dapat permit bas sekolah, bas kilang, permit bas pelancongan ataupun permit teksi. Dia bawa teksi orang lain punya permit. Ini macam mana, sudah bertahun-tahun perkara ini berlaku, orang-orang yang tak bawa teksi dapat permit, sewakan pada orang lain. Orang yang benar-benar hendak bekerja itu dia sendiri ada duit, dia hendak beli teksi, dia hendak permit untuk dia sendiri tetapi tak dapat.

Ini juga harus diperhatikan. Selalunya menjadi sungutan. Kalau tuan-tuan tidak percaya, tuan-tuan tidak percaya, tuan-tuan tidak naik teksi. Saya selalu naik teksi, saya selalu bersoal jawab di dalam teksi perkara-perkara ini banyak. Dalam Bandaraya ini sekalipun banyak. Jadi perkara ini patut diambil perhatian. Kita hendak bela. Kita memerintah, kita hendak bela rakyat. Tidak kira apa bangsa rakyat dalam negara kita ini harus kita bela mereka, Mana yang tidak patut. Demikian, kita larang. Kita berikan mana yang patut dapat. Pembahagian rezeki ini biar adil.

Saya berubah pula kepada Kementerian Kesihatan, B.34. Tidak payah cakap banyak-banyaklah. Sudah bercakap setiap tahun fasal Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke hospital-hospital terutama sekali di Hospital Pulau Pinang, barang-barang yang digunakan kepada pesakit-pesakit itu kadang-kadang sudah pecah ditampal-tampal dengan plaster hendak dibaiki. Saya tanya, saya tidak pernah mengenalkan diri saya siapa, supaya kita dapat ketahui perkara ini, bukan hendak jadi mata gelap. Tetapi kita hendak tahu kerana hendak memperbaiki. Dia kata tidak boleh beli. Kita sudah order tidak ada. Satu daripadanya untuk hendak memberi pertolongan bagi orang yang sakit lelah, hendak pasang ubat ditempek dengan plaster. Bocor meleleh, tidak boleh ubat itu mujarab padanya. Bocor tidak berganti setahun, dua tahun. Setiap tahun kita bentang budget ini. Ke mana perginya, ke mana pergi kita punya peruntukan kerana tidak sampai

kepada matlamatnya. Ini harus diperhatikan oleh Kementerian Kesihatan di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri. Kena ambil tahu ini. Kadang-kadang ada orang lebih sedikit, tidak boleh hendak buat. Lebih sedikit orang, tidak cukup perkakas pada hal Hospital Besar. Ini harus diperhatikan dan diambil tindakan supaya barang-barang paling buruk itu dibuang, ganti baru, kita ada duit berapa banyak peruntukan untuk Kementerian Kasihatan.

Lagi satu lagi kepada Kementerian Kesihatan. Kita ini kalau balik ke negeri-negeri, Tuan Yang di-Pertua, jadi somebody jugalah iaitu kadang-kadang orang-orang minta tolong itu, minta tolong ini, minta rekomen itu, minta rakomen ini.

Baru-baru ini satu perkara berlaku iaitu seorang anak dia main-main di tepi laut ditimpa oleh sampan, maka budak itu dianggap pengsan, bawa ke hospital. Apabila tiba di hospital rupanya telah meninggal dunia. Jadi, ibu bapa tidak mahu menuntut apa-apa, sebab dia tahu kerana anaknya itu ditimpa oleh sampan, maka dia tidak mahu dipost-mortem. Mintalah jasa baik kepada kita, perkara ini kalau pihak hospital hendak buat, memang senang. Sebab ada alat-alat boleh digunakan; tidak mahu post-mortem. Maka dengan bijaksana seorang pegawai, dia kata kalau sudah macam **itu**, ibu bapa tidak hendak tuntutan, kita buat macam inilah, X-ray. Ambil X-ray dan dengan X-ray itu dapat menjadi saksi supaya tidak lagi dibedah kanak-kanak yang sudah meninggal **itu**. Maka selesai masalah **itu**. Boleh buat, bukan tidak boleh buat. Tetapi selepas daripada itu ada satu kes lagi dia accident sendiri, meninggal dunia. Ibu bapanya

juga tidak mahu menuntut apa-apa, sebab dia meninggal akibat accident sendiri. Mungkin orang Islam ini dia berpegang kepada macam inilah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sudah sampai ajalnya jadi kita tidak boleh buat apa-apa. Kita tidak hendak menuntut apa-apa. Dia ikhlas macam **itu**. Jadi dia carilah kita-kita ini untuk hendak bantu **dia**. Tidak laku, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada pertolongan, tidak dapat menolong orang yang semacam itu. Dia hendak cop apa? Huduh-huduh saya ini pun kalau dia hendak cop Senator sudah tentu ada. Hendak JP pun kita **ada**. Tidak laku Budak itu mesti dibedah juga pada besok pagi. Malam tidak boleh buat, kena tunggu besok.

Mengapa perkara yang senang ini tidak dapat diatasi. Ini juga patut ada kebenaran-kebenaran, kalau ada di mana tersekat itu diberi kelulusan, kerana ada orang yang sudah menjaminnya supaya tidak berlaku curang atas perkara itu. Semoga diperhatikan oleh Kementerian Kesihatan.

Saya hendak sentuh dua tiga perkara sahaja lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu **B.36**, Polis Di-Raja Malaysia. Semasa soal jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawasanya Polis Wanita seluruh negara ada 3,200 orang, pada masa akan datang dia sendiri pun dia telah mengakui bahawasanya ketahanan dan ketegasan Polis Wanita ini memang membanggakan. Dengan **itu**, saya mencadangkan supaya diperbanyakkan Polis-polis Wanita pada tahun-tahun yang akan datang.

Berubah ke **B.40**. Bila sudah banyak Polis, tentulah ada penjara. Jabatan Penjara juga patut menambahkan pegawai-pegawai ataupun warder-warder baik wanita, baik lelaki kena tambah. Kerana setiap

tahun, setiap bulan, setiap hari banyak pesalah-pesalah yang ditangkap. Kadang-kadang kita punya penjara pun sudah penuh. Jadi, ini juga patut mendapat perhatian dan pembelaan kepada mereka.

B.41 - Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Saya tertarik hati kepada Yang Berhormat rakan saya yang bercakap mengenai pembelaan kepada orang-orang Asli. Ini juga patut kita ambil perhatian. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Orang Asli ini pandai membuat pertukangan tangan. Kalau tongkat dia, kalau bahan-bahan buatan dia memang tegap dan teguh.

Pada suatu masa Karyaneka tidak cukup barang. Apa salahnya kita adakan industri kecil supaya Orang-orang Asli ini dapat bekerja di dalam industri kecil ini untuk membuat pertukangan tangan supaya memenuhi kehendak Karyaneka itu.

Pada dua hari sudah saya ada dengar radio bahawasanya negeri Sarawak telah berjaya ketiga-tiga hadiah di dalam pertukangan tangan. Maka dengan adanya industri di kampung-kampung ini kita memperluaskan Karyaneka ini. Kraftangan dan buatan-buatan tangan daripada Sarawak, daripada Orang-orang Asli ini kita memperbanyakkan supaya memenuhi kehendak-kehendak di Pusat Karyaneka.

Saya hendak berubah kepada Kementerian Penerangan, B.44. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan ini dia ada beberapa bahagian. Selain daripada TV, Radio, dia ada Jabatan Penerangan dan ada Bahagian Hal Ehwal Khas. Inilah satu jabatan yang banyak berdamping dengan orangramai, bersemuka dengan orangramai. Maka peruntukan-peruntukan patut diperbesarkan, umpamanya mengadakan perhimpunan sivik di kampung-kampung, harian sivik di peringkat daerah-daerah. Ini kadan-kadang setahun satu daerah itu tiga empat kali sahaja, kerana apa? Tiada duit, tidak cukup peruntukan. Ini patut kerana dengan ini Kerajaan dapat mendekat diri kepada rakyat. Maka dengan adanya harian sivik, lawatan sivik kita dapat memberi penerangan supaya rakyat tidak terkeliru.

Begitu juga kepada Bahagian Hal Ehwal Khas. Kita kena mengambil berat Bahagian Hal Ehwal Khas ini kerana dia menjaga betul di dalam kawasan-kawasan kita. Ada juga parti-parti Pembangkang mengatakan Kerajaan menggunakan, Jabatan Penerangan. Kalau Kerajaan tidak gunakan jabatan-jabatan dia, bodoh sekalilah kita, kita tidak mahu gunakan kita punya. Kita hendak suruh dia gunakan, tentu sekali tidak. Fasal apa kita hendak takut mereka tuduh. Kita kena jawab, "saya punya, mesti saya gunakan". Kalau esok awak pula memerintah, tentu awak pun gunakan, saya tidak boleh dapat apa-apa. Kita kena jawab **ini**. Ini tidak, bila ada parti Pembangkang selar sedikit macam **itu**, kita sudah takut, tidak berani buat sivik, kita hendak buat secara senyap-senyap. Buat apa bodoh kita. Kita tentang **dia**, sebab dia memang Pembangkang, dia bukan pernah bersetuju dengan apa yang kita buat. Ini patut

diambil perhatian.

Kepada pegawai BHK **ini**, dia kontrak setahun sekali. Setahun masa ini kata orang tua-tua hendak ubah talipinggang sudah sampai setahun. Dia tidak pernah senang, dua tiga bulan dia senang, kemudian dia berfikir aku ini tahun dapat dapat kontrakkah lagi atau tidak, tidak boleh tenteram dia hendak membuat kerja kerana dia memikirkan dirinya dan rumah tangganya dan juga perkerjaan **dia**. Apa salahnya orang itu juga yang hendak bekerja pada tahun hadapan, kita lanjutkan masa kepada mereka dua atau tiga tahun sekali kontrak. Dengan ini kita boleh suruh dia membuat kerja dengan lebih aktif lagi kerana dia sudah tenang setahun dua. Ini patut kita perhatikan.

Berubah kepada B.47, Kementerian Pengangkutan. Saya hendak menyentuh sedikit sahaja. Saya selalu naik keretapi. Dalam keretapi ini ada kelas satu. Kita yang dapat peluang free ini duduklah kelas satu, tetapi duduk di kelas satu ini sejuknya tidak kiralah, kerusinya tidak patut sungguh. Kerusinya di kiri kanan besi, atas ada karpet. Aircon kuat sejuk, terpaksa "duduk kerpon" kata orang Pulau Pinang. Tidak boleh hendak mengembangkan sayap sedikitpun, sebab kalau kita tersentuh pada besi dinding yang di kiri kanan, sejuk. Apa salahnya yang sedikit itu dibubuh karpet. Lain-lain tidak payah saya sentuh sebab kawan-kawan saya sudah banyak sentuh.

Untuk akhirnya, B.54. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pekerja-pekerjanya bekerja kuat sungguh tidak kira masa, tidak kira hari cuti, tidak

kira apa sahaja tidak kira duit ringgit mereka sendiri. Apa sahaja kegiatan, mereka akan campur. Ini betul-betul kemas dan saya mengucapkan tahniah ini kerana baru-baru ini Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyatakan akan mengadakan balik satu projek iaitu RPK yang mana dahulunya telah dihentikan kerana kemelesetan ekonomi dalam negara kita tetapi pada kali ini telah diadakan semula dan saya mengucapkan tahniah. Saya hanya hendak mengingatkan RRK ini kadang-kadang bagus tetapi dia ada pilih kasih. Siapa yang rapat dengan Pejabat Daerah dapat. Kadang-kadang orang yang betul-betul rumahnya hendak runtuh tidak dapat. Perkara-perkara sedemikian adalah diharapkan tidak akan berlaku lagi kepada RPK yang akan dimulakan itu.

Saya rasa itulah sahaja yang akan saya sampaikan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih setelah mengambil masa sedikit tiap-tiap perkara yang saya sentuh ini, saya rasa kalau tidak cakap, "mengkelan" kata orang Pulau Pinang. Dengan itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang iaitu suatu Akta bagi bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Balaram.

5.07 ptg.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Akta Perbekalan 1989.

Ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah kemajuan dan di antara faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan dalam ekonomi ialah harga barangan-barangan yang terus naik, eksport yang meningkat dan pelaburan yang bertambah. Mengikut Laporan Ekonomi 1988/1989 Keluaran Dalam Negara Kasar dijangka berkembang sebanyak 7.4% dalam tahun 1988 manakala pendapatan negara yang ditunjukkan oleh Keluaran Negara Kasar dijangka berkembang sebanyak 8.2% kepada 381,482 juta dalam tahun 1988. Didapati bahawa dorongan utama pertumbuhan ekonomi dijangka datang dari perkilangan khususnya dalam bidang industri kecil dan sederhana. Dalam sektor perkilangan pengkhususan adalah diberi kepada bidang industri kecil dan sederhana. Pertumbuhan yang kukuh sebanyak 11% setahun yang dicapai oleh sektor ini di antara tahun-tahun 1960 hingga 1980 menunjukkan perkembangan besar perusahaan perkilangan saiz sederhana dan kecil. Bancian terakhir mengenai industri perkilangan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan ialah pada tahun 1985 di mana terdapat sebanyak 3,722 firma industri kecil yang merupakan 64% daripada jumlah firma industri pengilangan.

Kita dapat lihat bahawa industri-industri kecil menyumbang 16.5% dari jumlah gunatenaga dengan menambahkan lagi bilangan usahawan dalam bidang ini, maka peluang pekerjaan akan dapat ditambah.

Didapati bahawa 50% daripada usahawan menganggap ketidakcukupan sumber kewangan sebagai masalah utama perniagaan mereka. Oleh itu, saya syorkan supaya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri mengambil daya usaha yang lebih berkesan dalam penambahan bilangan usahawan dalam bidang ini, Misalnya bantuan kewangan yang disediakan oleh Bank Pembangunan Malaysia, MIDF, bank-bank tempatan haruslah mengenakan kadar faedah yang berpatutan. Dalam hal ini, Pelan Induk Perindustrian haruslah merangka berbagai strategi pembangunan yang baru sesuai untuk era selepas tahun 1999.

Di antara langkah-langkah yang harus diambil untuk mempergiatkan lagi bidang industri kecil ini ialah seperti berikut:-

- (i) mengajar serta membantu bakal usahawan dalam menilai peluang-peluang yang wujud dalam perniagaan yang terdiri dari berbagai bidang dan seterusnya mengadakan, dengan izin, 'training session' dalam berbagai bentuk kemahiran supaya ia dapat membantu mereka dalam menjayakan bidang perniagaan mereka;
- (ii) mengkordinasi dengan pihak Kerajaan dan institusi-institusi lain dan memperolehi pembahagian yang saksama dalara bidang ekonomi, iaitu dalam lingkungan Dasar Ekonomi Baru;
- (iii) mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga atau usahawan-usahawan kecil serta mencari jalan penyelesaian untuk mempertingkatkan perniagaan mereka. Dalam hal

ini bantuan daripada para pengusaha yang telah berjaya serta mantap dalam bidang perniagaan mereka haruslah diperolehi.

Sebagaimana yang terkandung dalam Laporan Ekonomi 1988/89 diramalkan bahawa tahun 1989 keluaran sektor perkilangan akan bertambah sebanyak 10.5%. Oleh itu adalah wajar untuk melibatkan diri dalam sektor **ini**, khususnya dalam bidang industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$4,335 juta telah diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan di mana sebahagian besar daripada jumlah tersebut akan disalurkan untuk membina serta memperbaiki bangunan-bangunan sekolah baru dan yang sedia ada. Sebagaimana yang ditekankan oleh Menteri Pendidikan, maka adalah wajar untuk menyalurkan peruntukan tersebut ke sekolah-sekolah di kawasan pendalaman atau luar bandar di mana keadaan serta mutu bangunan sekolah-sekolah berada dalam keadaan yang membimbangkan. Kebanyakan daripada sekolah-sekolah di luar bandar menghadapi kekurangan dari segi peralatan pembelajaran dan sebagainya, khususnya sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil.

Tidak dapat disangkal bahawa bangunan-bangunan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil berada dalam keadaan yang tidak memuaskan berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Ini adalah kerana dengan wujudnya sekolah-sekolah bantuan modal maka sekolah-sekolah ini telah diketepikan. Peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan bagi sekolah-sekolah ini adalah amat sedikit. Kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar sekolah bantuan penuh tidak diperolehi oleh pelajar-pelajar sekolah bantuan modal. Oleh yang demikian, ini menyebabkan kemerosotan dalam taraf pencapaian

pelajaran. Jika keadaan seperti ini berterusan, maka perasaan merendah diri akan wujud setengah-setengah golongan. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memberi kemudahan-kemudahan yang sama seperti yang diberikan kepada sekolah-sekolah bantuan penuh tanpa sebarang dolak-dalik.

Saya juga berharap supaya Kementerian Pendidikan dapat mengubah sekolah-sekolah bantuan modal ini ke sekolah bantuan penuh secara berperingkat-peringkat dengan secepat mungkin. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan daripada pelajar-pelajar sekolah di kawasan luar bandar berasal daripada keluarga yang miskin. Sejumlah \$13,539,600 telah diperuntukkan untuk program teknologi pendidikan di dalam Belanjawan Negara tahun ini. Adalah wajar jika sebahagian daripada peruntakan ini disalurkan kepada sekolah rendah dan menengah di kawasan luar bandar, termasuk juga di Sabah dan Sarawak. Manakala dalam Anggaran Belanjawan Mengurus 1989 pertambahan sebanyak \$298 juta atau kira-kira 6.9% adalah untuk menampung kenaikan gaji tahunan, pengisian jawatan serta untuk program kebajikan penuntut-penuntut. Didapati bahawa sejumlah \$14,923 juta telah diperuntukkan untuk program pengurusan.

Biasiswa dan latihan. Adalah diharapkan supaya pemberian biasiswa atau bantuan pinjaman diberi keutamaan kepada pelajar-pelajar dari luar bandar, khususnya dari keluarga yang berpendapatan dalam lingkungan \$300 hingga \$500. Dalam program pendidikan teknik dan vokasional pula tumpuan haruslah diberi dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar, khususnya yang menuntut di sekolah-sekolah atau institusi teknik persendirian. Kerajaan juga harus menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan pengiktirafan

kepada institusi-institusi teknik persendirian yang menunjukkan prestasi yang baik. Ini jelas ternyata dalam jumlah yang diperuntukkan kepada program ini iaitu sebanyak 394,658,100.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA merupakan agensi kemajuan tanah yang terbesar, diikuti dengan FELCRA, RISDA dan Perbadanan Kemajuan Negeri. Pembukaan tanah-tanah baru oleh FELDA serta pemberian hakmilik tanah yang telah diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini jelas menunjukkan sikap Kerajaan dalam membantu golongan masyarakat yang berpendapatan rendah. Didapati bahawa agensi-agensi tanah ini berdaya untuk memajukan 100,000 ekar tanah setahun. Dengan berlandaskan kepada 6 hingga 7 ekar tanah bagi setiap keluarga, maka agensi-agensi tersebut dapat menampung 14,000 keluarga setiap tahun. Didapati sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Malaysia menyara hidup mereka di sektor pertanian. Oleh itu, sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri Kewangan bahawa peruntukan untuk pembangunan luar bandar telah dilipatgandakan adalah tepat pada masanya. Ini adalah kerana taraf serta keadaan rumah kediaman dan kemudahan-kemudahan awam di kawasan luar bandar mendukacitakan. Hal ini akan menjejaskan kesihatan serta alam sekeliling penduduk tersebut.

Skim hakmilik perumahan untuk pekerja-pekerja ladang di antara Kerajaan dengan pihak pengurusan ladang haruslah diperlanjutkan kerana ini akan membawa kepada pembinaan infrastruktur baru di kawasan-kawasan ladang dan seterusnya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta taraf kehidupan yang lebih memuaskan. Hal ini akan membantu pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru, iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kampung-kampung baru atau 'new villages' harus diperluaskan, dibentuk semula dan dimajukan untuk disertai oleh pelbagai kaum. Ia harus dijadikan tapak untuk industri-industri kecil yang berbentuk pertanian. Ini dapat dilaksanakan melalui peruntukan sebanyak \$1,349 juta yang telah disediakan untuk projek-projek pembangunan tanah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program rumah kos rendah untuk kumpulan berpendapatan rendah haruslah diberi perhatian. Sejumlah \$89 juta diperuntukkan bagi membina sebanyak 8,595 unit rumah kos rendah.

Saya syorkan supaya pembinaan rumah kos rendah ditumpukan di kawasan-kawasan luar bandar memandangkan bahawa golongan berpendapatan rendah wujud di kawasan tersebut. Didapati bahawa kebanyakan daripada penduduk-penduduk luar bandar, khususnya di ladang-ladang mendapati agak sukar untuk memiliki rumah kos rendah. Rumah-rumah mereka juga berada dalam keadaan yang usang. Oleh itu saya sarankan supaya pihak Kerajaan memberi lebih banyak lesen kepada pemaju-pemaju rumah kos rendah yang ingin memulakan projek mereka di kawasan luar bandar sebagaimana yang diseru oleh Menteri Kewangan, maka pihak institusi-institusi kewangan haruslah menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih banyak kepada golongan ini. Untuk ini saya sarankan supaya pihak Kerajaan menerusi sebuah jawatankuasa meneliti dengan sedalam-dalamnya mengenai pemberian hak milik rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri juga patut disanjung memandangkan bahawa beberapa langkah yang positif telah diambil untuk menghapuskan najis dadah. Dari tahun 1986 - 1987 Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$7,159,071 dalam memberi rawatan serta mewujudkan pusat-pusat pemulihan dadah. Rampasan najis dadah yang dilakukan oleh Pasukan Keselamatan dan juga Polis sejak kebelakangan ini patut dipuji. Saya mengesyorkan supaya hukuman-hukuman yang sedia wujud yang dikenakan terhadap para penjenayah yang terbukti bersalah haruslah diperketatkan. Untuk membanteras penyalahgunaan najis dadah maka adalah dicadangkan supaya pengambilan anggota-anggota Polis dan sebagainya yang berkaitan dengan tempat pemulihan, memandangkan bahawa pengisian jawatan dalam bidang ini telah mendapat kelulusan daripada Kerajaan.

Pegawai-pegawai yang bertugas di Pusat-pusat Pemulihan juga haruslah dilatih dengan cekap agar mereka akan menjalankan tugas mereka dengan sempurna. Juga penghuni-penghuni Pusat Pemulihan haruslah diberi peluang untuk menimba pengetahuan khususnya dalam bidang-bidang industri kecil. Kerajaan juga harus memastikan supaya bekas penghuni Pusat-pusat Pemulihan Dadah mendapat pekerjaan bersesuaian dengan kebolehan mereka yang dipelajari sewaktu di pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$30,742,600.00 telah diperuntukkan kepada Kementerian Belia dan Sukan dan sebahagian dari peruntukan ini dibelanjakan bagi menjalankan pelbagai kursus kemahiran bagi belia-belia di Pusat Latihan Dusun Tua dan Pertak, Kuala Kubu Bharu. Pusat-pusat seperti ini menjadi tumpuan ramai belia-belia. Pada ketika ini sebuah lagi Pusat Latihan Belia sedang dibina di Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang, Selangor Darul Ehsan. Pusat ini adalah untuk membolehkan belia-belia melanjutkan pelajaran mereka. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Kementerian Belia dan Sukan atas usaha-usaha untuk membina sebuah pusat di kawasan luar bandar untuk meningkatkan lagi taraf hidup belia-belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan yang diberi oleh Kerajaan Malaysia terhadap pemindahan Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu ke Geneva haruslah disokong oleh semua lapisan masyarakat kita. Saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia mencadangkan di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu supaya Pejabat Pentadbiran Bangsa-bangsa Bersatu dipindah ke satu tempat atau negara yang tidak mempunyai sikap prejudice atau berat sebelah. Melalui pemindahan ini

maka perkara-perkara seperti yang berlaku kepada negara-negara free world tidak akan berlaku. Saya berharap perkara ini akan mendapat sambutan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 1989 ini diluluskan. Terima kasih.

6.26 ptg.

Dr. Chong Eng Leong: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang perkara-perkara dan keadaan sekolah dan juga sedikit mengenai guru-guru di Sabah. Kerajaan telah memberi perhatian khas terhadap pendidikan memandangkan peruntukan yang begitu besar yang dipertunkkan dalam anggaran belanjawan. Banyak sekolah-sekolah Kerajaan telah dibina sejurus selepas merdeka di merata-rata tempat di dalam negara kita. Banyak lagi sedang dirancang dan dilaksanakan, khususnya di tempat luar bandar dan pedalaman. Kebanyakan sekolah yang wujud sebelum merdeka adalah sekolah jenis kebangsaan, kini sekolah demikian mewakili 20% daripada semua sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah ini sudah lama, sebahagian dibina 60 tahun yang lalu dan sekolah-sekolah ini perlu dibaiki dan ada yang perlu dimusnahkan oleh kerana rangka yang dibuat dari kayu sudah dimakan semut putih.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelima, Sabah diperuntukkan kurang lebih \$260 juta untuk membaiki bangunan-bangunan sekolah di seluruh Sabah, tetapi jumlah yang diperuntukkan bagi sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan hanya 1%

daripada jumlah peruntukan kepada seluruh Sabah. Adalah difahamkan bahawa peruntukan ini telahpun dihabiskan dalam tahun 1987 untuk memenuhi keperluan kewangan bagi selama 3 tahun dalam Rancangan Malaysia ini, Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan terpaksa mengutip wang melalui jogathon, tiket-tiket welfare dan sebagainya. Saya mempunyai anak yang menghadiri di sekolah Jenis Kebangsaan. Jumlah tiket-tiket welfare dan kad jogathon yang dibawa ke rumah begitu karap dan begitu banyak. Banyak lagi dari sekolah-sekolah lain, ada dari daerah-daerah jauh.

Tuan Yang di-Pertua keadaan ini menyebabkan ibu bapa berfikir siapa yang sebenarnya bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mengemukakan kepada Mesyuarat Parlimen akan datang satu Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) untuk belanja memperbaiki bangunan-bangunan sekolah Jenis Kebangsaan meliputi menambah peruntukan petty-cash, dengan izin, supaya sekolah-sekolah ini dapat menggunakan serta-merta wang yang diperlukan untuk memperbaiki bangunan-bangunan seperti yang terbakar yang dimakan semut putih dan sebagainya.

Baru-baru sahaja di Semenanjung, sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) sudah roboh akibat bangunan lama dan buruk. Nasib baik tiada murid tercedera. Saya harap dengan ikhlasnya di Sabah dan juga di negeri-negeri lain kerobohan bangunan sekolah tidak akan terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah di Sabah yang bertambah-tambah kesusahan bagi perbelanjaan bangunan sekolah ialah akibat faktor orang pendatang haram. Hari ini terdapat lebih dari 300,000 orang daripada 1.6 juta penduduk Sabah terdiri daripada pendatang haram. Mereka sudah cukup lama di Sabah sampai Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri pun mengakui minggu lalu bahawa bilangan pendatang haram di beberapa pekan di Sabah begitu ramai hampir seimbang dengan bilangan penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak pendatang haram pun cukup bertuah pergi sekolah. Biasanya sekolah rendah Kerajaan dihadiri oleh kanak-kanak bumiputera tetapi hari ini terdapat sehingga 40% daripada murid-murid sekolah rendah Kerajaan terdiri daripada kanak-kanak pendatang haram, sampai kelas petang pun terpaksa dibuka. Sebab itulah juga sejumlah besar kanak-kanak bumiputera tidak mendapat tempat di sekolah rendah Kerajaan dan terpaksa masuk ke Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan di mana kelas petang yang sudah dijalankan pun tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah menghadapi masalah terhadap kehadiran orang pendatang di Sabah yang semakin bertambah. Atas peri kemanusiaan kita mesti merawat mereka sekiranya mereka sakit. Dalam

bidang ini, Jabatan Perubatan terpaksa memberi perkhidmatan yang sesuai dan juga percuma.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Timbalannya telah membuat satu lawatan rasmi ke Sabah. Mereka telah menjelaskan bahawa anak-anak pendatang haram pun boleh diterima sebagai murid-murid sekolah, juga atas peri kemanusiaan, jika ada kekosongan selepas menerima anak-anak tempatan, Begitu ramai kanak-kanak pendatang haram menghadiri sekolah-sekolah kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan apabila peruntukan yang menimbangkan keadaan tempatan mestilah diambil perhatian keadaan pendatang haram di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai guru-guru di Sabah. Saya ingin mengucapkan perkara-perkara yang berkaitan dengan lawatan Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke Sabah baru-baru ini. Saya telah berpeluang berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Pendidikan waktu lawatan itu. Terlebih dahulu saya ingin agar rakaman dibuat bahawa dengan kebijaksanaan dan tindakan sertamerta Yang Berhormat, pertukaran 8 orang guru di Sabah yang diumumkan bagi tahun hadapan telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru yang dimaksudkan terdiri daripada guru-guru yang tidak faham dan tidak pandai menulis Mandarin. Mereka telah diarah bertukar untuk menjadi Guru-guru Besar atau Penolong-penolong Guru Besar di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina). Kami semua tidak faham bagaimana perakuan pertukaran tersebut dibuat oleh Jabatan Pendidikan Sabah dan bagaimana surat-surat arahan pertukaran dikeluarkan oleh Ibupejabat di Kuala Lumpur tanpa pengetahuan Ketua-ketua Bahagian tempatan berkenaan. Kejadian

demikian menghairankan memandangkan terdapatnya Pekeliling Perkhidmatan yang diedarkan kepada semua negeri-negeri hujung tahun lalu yang memaklumkan bahawa cadangan pertukaran yang tidak dibincangkan dengan Ketua-ketua Bahagian tempatan yang berkenaan terlebih dahulu tidak akan dilayan. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas campurtangan beliau yang dibuat cepat pada waktunya sebelum perkara itu tersibar tanpa terkawal serta dijadikan isu politik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin mencerminkan kesyukuran kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan daripada semua pihak berkenaan ialah tentang bekas guru-guru UTS di Sabah. Isu ini sudah tergantung selama 15 tahun. Waktu berbincang dengan Yang Berhormat di Sabah, beliau sangat bertimbangrasa dan tegas. Oleh sebab peri kemanusiaan beliau telah memberi dua jaminan untuk bertindak. Jaminan pertama ialah memberi bekas guru-guru UTS kebenaran berkhidmat sehingga mereka mencapai umur persaraan tanpa kebimbangan dibuang kerja. Umur mereka telah meningkat dan telah berkhidmat dengan penuh dedikasi dan sempurna.

Jaminan kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah memberi jaminan agar guru-guru terlatih yang menghadiri kursus dalam cuti sekali dilantik di dalam percubaan walaupun ditawarkan dengan gaji permulaan yang lebih rendah tidak akan dikehendaki membayar balik gaji yang dahulunya dianggap sebagai bayaran berlebihan. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin sepenuh-penuhnya dengan kedua-dua keputusan ini, masalah rumit berkaitan dengan bekas guru-guru UTS akan dapat menyelesaikan keseluruhan masalah guru-guru berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini sahaja pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1989. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Wajdi.

5.29 ptg.

Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa sesungguhnya apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 5hb Disember yang lalu adalah memberikan gambaran kepada kita dan seluruh rakyat mengenai perancangan-perancangan dan kedudukan perekonomian negara yang semakin meyakinkan kita semua setelah sebelum daripada ini telah dikatakan wujud ramalan-ramalan kedudukan ekonomi negara yang akan mengalami kemerosotan dan jika ada pun pemulihannya, adalah lembab dan membimbangkan.

Di atas kejayaan itu, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional, pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana telah berjaya membawa perubahan-perubahan kepada kemantapan, kepada perekonomian negara. Bahawa sesungguhnya pertumbuhan dan kemantapan perekonomian yang dapat dibuat itu, adalah hasil daripada tindakan-tindakan bersegera oleh pihak Kerajaan, terutamanya dalam menentukan bahawa permintaan luar negeri sentiasa tinggi terhadap barang-barang keluaran negara sama ada ianya berbentuk eksport barang-barang utama negara. Hasilnya daripada prestasi eksport dan kegiatan ekonomi yang berkembang, yang stabil, maka kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan telah bertambah baik dan menggalakkan. Dan dengan keadaan yang demikian itu telah menyebabkan keperluan-keperluan perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 telah disusun begitu rupa, serta diatur dan memuaskan hati semua pihak.

Dengan kata lain, Belanjawan Negara yang dibentangkan isu adalah dirancang baik dan bertujuan untuk meningkatkan perkembangan ekonomi dan kesejahteraan negara, bagi memberikan faedah kepada seluruh rakyat, tidak mengira kaum, sama ada ianya daripada sektor swasta, penduduk bandar, penduduk desa mahupun kakitangan Kerajaan. Semuanya ini telah digambarkan melalui Maksud-maksud B.1 hinggalah B.54.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit dan saya amat berasa bimbang, risau dan juga berasa takut dengan adanya suara-suara sumbang yang telah diberikan ataupun yang telah diluahkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia **ini**, yang mengaku kononnya mereka itu mewakili MCA dan bercakap bagi pihak warga Tionghua.

Pihak Kerajaan ketika ini sedang menumpukan perhatian kepada perkembangan-perkembangan ekonomi negara, untuk kesejahteraan dan untuk dibahagikan kepada seluruh rakyat di negara ini, tanpa mengira kaum di bawah Dasar Ekonomi Baru. Tetapi pada masa yang sama pelbagai tuduhan kepada Kerajaan telah dibuat melalui Dewan yang mulia ini terutamanya mengatakan Kerajaan telah mendiskriminasikan warga Cina. Ucapan yang dibuat itu kepada saya adalah penuh dengan sentimen perkauman dan melukakan hati Ahli Dewan yang berbangsa Melayu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya fikir perkara ini sudah diselesaikan dan saya harap jangan timbulkan lagi.

Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin melahirkan rasa kekesalan di atas apa yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Maksud B, 7 - Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Kita semua telah mengetahui mengenai pelbagai usaha sedang dirangka dan telah dijalankan bagi meletakkan Islam sebagai agama yang paling tinggi mertabatnya di negara ini, yang sedang dilakukan oleh pihak Kerajaan ataupun pemegangnya sendiri. Kita amat bersyukur kerana telah dibukakan pintu hati ke arah itu, ke arah kebangkitan Islam sebagai 'adin'. Kita semua sedar Islam adalah merupakan senjata utama sebagai alternative ke arah penyelesaian isu-isu kehidupan dunia moden

dan boleh bertindak sebagai dasar bagi pembentukan satu jenerasi ummah terbaik berlandaskan al-Quran dan Hadis.

Kita semua sedar bahawa musuh-musuh Islam, terutamanya gerakan zionis, begitu giat berusaha menggunakan pelbagai saluran teknologi komunikasi moden untuk mengabui, memesong akidah serta memecah-belahkan perpaduan umat Islam. Perkara-perkara ini harus diberikan perhatian oleh pihak Kerajaan dengan serius dan kita sebagai pemegangnya.

Pihak Kerajaan juga perlu menyedari hakikat bahawa perhatian yang serius patut diberi kepada kemunculan badan-badan dakwah Islamiah di negara **ini**, yang tidak mempunyai sealiran cara **per-**gerakannya sama ada ianya didaftar sebagai satu pertubuhan ataupun bergerak dengan hanya aktiviti-aktiviti dakwah sahaja. Ketiadaan usaha-usaha untuk menyatupadukan aliran mereka ini boleh menimbulkan dan menggagalkan matlamat ke arah pembangunan ummah.

Kita semua sedar bahawa setiap individu Islam berperanan menyampaikan dakwah dan bertindak sebagai **da'i** untuk memanjangkan risalah Islam kepada orang lain dengan cara yang paling bijaksana. Untuk berfungsi sebagai pendakwah maka mereka ini perlulah dilengkapi diri dengan ilmu untuk membolehkan mereka menyatakan kebenaran risalah-risalah Islam yang disampaikan supaya mereka yang didakwahkan itu dapat menghayati hakikat kebenaran Islam yang **tulin**. Tanpa diberi ilmu yang lengkap dan mantap individu yang mahu berperanan sebagai pendakwah tidak akan berjaya menyampaikan dakwah yang bersumberkan al-Quran dan al-sunnah dan sangat mudah tergelincir daripada asas-asas kebenaran sepertimana kebanyakan yang berlaku pada hari ini.

Justeru itu pertubuhan-pertubuhan dakwah juga harus diberi perhatian oleh pihak Kerajaan bagi menentukan bahawa semua pendakwah-pendakwah harus berwibawa terhadap ilmu Islam dengan memahami sungguh-sungguh mengenai apa yang dibicarakan, supaya kefahaman Islam yang sebenarnya dapat dipertahankan. Tafsiran-tafsiran terhadap Islam yang salah boleh membawa kekesanan yang berkecamuk di kalangan umat Islam sendiri yang mahu mendekati Islam, sehingga mereka menjadi lebih payah untuk memahami apa dia itu Islam. Dan jika umat Islam yang mahu mendekati Islam menjadi berkecamuk dengan pelbagai tafsiran dari pelbagai golongan pendakwah, maka sudah pastilah masyarakat bukan Islam susah untuk memahami agama **ini**, sedangkan matlamat kita berdakwah bukan sahaja untuk membetulkan akidah umat Islam tetapi juga menyeru masyarakat bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, di sinilah letaknya peranan Pertubuhan-pertubuhan Dakwah, di mana ianya harus berhati-hati dalam menugaskan para pendakwah menyampaikan Islam kepada orang ramai bagi mengelakkan pertembungan-pertembungan ataupun kelainan-kelainan dari prinsip asas Islam. Walaupun kemungkinan approach, dengan izin, agak berbeza dalam penyampaian dan walaupun ianya dibenarkan, tetapi ianya tidak boleh berbeza dalam soal asas yang melibatkan akidah Islam. Pendakwahan yang sebenarnya mestilah bukan sahaja mengajak manusia ke arah amal-makruf tetapi juga mestilah mencegah kemungkiran kerana kedua-duanya saling lengkap-melengkapi menuju ke arah kesempurnaan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan ialah dalam menentukan dan meninggikan mertabat syiar Islam sebagai Agama rasmi negara. Kita semua sedar tentang wujudnya perbezaan Hukum Syarak. Ada pihak menganggap bahawa umat Islam dan kebajikannya memang sering ketinggalan zaman, malah ada pula tuduhan mengatakan bahawa pelaksanaan Hukum Syarak dijalankan seperti melepaskan batu di tangga. Perbezaan Hukum Syarak ini berbeza dan terpisah mengikut sempadan negeri-negeri dan wilayah-wilayah di Malaysia ini.

Dengan kata lain hukum syarak ataupun hukum Islam di Malaysia masih belum dapat diseragamkan walaupun kita sudah merdeka lebih daripada 30 tahun. Usaha-usaha penyeragaman perlu dibuat bagi menegah orang-orang Islam yang melakukan kesalahan syarak di sebuah negeri tidak akan terlepas dari hukuman walaupun dianya lari ke negeri lain yang biasanya berbeza-beza mengenai konsep dan amalan hukum syarak dalam masalah yang sama. Kepingangan iai berlaku kerana kuasa agama dalam sesebuah negeri itu terbatas dalam sempadan negeri itu sahaja. Di luar-luar sempadan negeri-negeri itu undang-undang syarak atau sebarang jenayah syarak yang dilakukan di dalam negeri tadi dianggap seolah-olah tidak sah. Begitulah kepingangan hukum syarak yang sedang berlaku di negara kita yang menjunjung tinggi Islam sebagai agama rasmi negara, maka pihak Kerajaan dengan ini perlulah menyeragamkan Undang-undang Syariah bagi membolehkan setiap pesalah dari segi hukum syarak boleh didakwa sama ada oleh pihak berkuasa di negeri-negeri lain ataupun dibawa pulang dengan kuatkuasa undang-undang untuk menghadapi hukuman yang sesuai dengan kemungkarannya. Kepingangan Undang-undang syarak yang dibatasi menurut sempadan negeri sepatutnya sudah lama dihapuskan.

Kita semua sedar Perlembagaan Malaysia memberi kuasa otonomi dalam urusan agama kepada negeri masing-masing yang mana pancaknya ialah Sultan sebagai ketua agama. Oleh kerana kuasa agama itu dipisah-pisahkan oleh sempadan negeri-negeri maka pelaksanaan hukum syarak juga berbeza-beza menurut fahaman dan pendapat pihak

berkuasa agama negeri masing-masing. Dengan kata lain Perlembagaan Malaysia berhubung dengan urusan agama membawa akibat pecah belah sehingga pelaksanaannya menjadi pincang dan tidak berkesan.

Sehubungan dengan ini saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya urusan agama umat Islam yang berpecah belah dapat disatukan supaya pelaksanaannya seragam dan tidak pincang.

Seruan saya ini bukan bertujuan untuk meminda Perlembagaan negara mengenai kuasa agama yakni untuk mengalihkan kuasa Raja dalam urusan agama dan meletakkannya di dalam tangan orang lain, ataupun badan lain yang benar-benar berkuasa secara menyeluruh. Ianya boleh dibuat dengan menghapuskan sempadan-sempadan negeri dalam urusan agama tanpa mengambil kuasa agama dari tangan Raja seperti mana di dalam Perlembagaan sekarang.

Kalau kita halusi Malaysia merupakan negara kecil dan sedikit sahaja rakyatnya tetapi kedapatan ketua-ketua agama yang begitu ramai dan masing-masing mahu berbeza daripada yang lain dan sedangkan hukum syarak itu hanya satu dan datangnya daripada punca yang sama. Adakah para pemimpin agama kia, para pemimpin Kerajaan yang beragama Islam hari ini merasa senang melihat urusan agama Islam dilaksanakan berbeza-beza dari negeri ke negeri dan hukum syaraknya pula terbatas dalam sempadan negeri masing-masing.

Apakah konsep ajaran Islam yang maha suci setiap kali kita sembahyang kita pasti membaca 'ihdinassiratalmustakim', tunjukkanlah kami jalan yang lurus, sekurang-kurangnya dua kali dan untuk solat lima kali sehari, kita telah membaca doa ini sebanyak 17 kali sehari.

Dan bagaimana sesudah kita semua umat Islam berdoa meminta

ditunjukkan jalan yang lurus oleh Allah tetapi sehingga hari ini jalan yang lurus itu masih belum lagi kita temui. Persatuan dan perpaduan urusan agama adalah jalan yang lurus menurut istilah agama. Tetapi kita semua sebagai bangsa Melayu beragama Islam masih belum lagi mencapai perpaduan yang kita pohon setiap hari. Dan saya berharap isu-isu penyeragaman dan pelaksanaan undang-undang syarak secara menyeluruh di Malaysia akan mendapat perhatian dan keutamaan daripada pihak Kerajaan dan kita tidak mahu nanti kita dikata sebagai pemimpin Islam yang gagal melaksanakan amanat Allah yang diserahkan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh sedikit mengenai dasar penswastaaan. Semua kita telah sedia maklum mengenai dasar dan matlamat mengapa dan kenapa ianya dilaksanakan. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan kerana telah berjaya melaksanakan dasar ini demi kepentingan ekonomi, sosial dan negara.

Walau bagaimana sekalipun aspek-aspek penswastaaan perlu diberi perhatian khasnya kaum buruh, pengguna dan kepentingan awam, sejauh manakah setelah ianya dilaksanakan ianya telah memberikan kepada pencapaian matlamatnya di mana apa yang ditakrifkan ianya penswastaaan itu sebagai satu dasar penyerahan milik negara kepada sektor swasta yang membawa maksud mengubah hak milik sesuatu perniagaan, perkhidmatan atau perusahaana daripada milik negara Kerajaan atau awam kepada hak milik atau pengendalian swasta.

Sehubungan dengan ini pihak Kerajaan perlu membuat kajian semula mengenai dasar yang telah dilaksanakan itu dan jikalau ada kelemahan-kelemahan dan kepincangan-kepincangan maka ianya perlu

dicadangkan melalui strategi-strategi baru bagi menentukan ianya nanti tidak akan mendatangkan apa juga kesan sebagaimana yang dimatlamatkan.

Kita tidak mahu nanti kesan daripada pelaksanaan dasar penswastaan ini kelak akan memberikan kesan yang buruk terhadap pekerja dan perkhidmatan penggunaan serta pertumbuhan ekonomi negara kerana setiap projek penswastaan yang dijalankan mempunyai elemen-elemen keuntungan kewangan.

Maka ini sudah pasti akan menimbulkan sedikit kesan-kesan yang negatif tambahan pula kajian semula dan strategi baru perlu dibuat bagi menolak sebarang tohmah yang menyatakan langkah-langkah penswastaan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan dan memulihkan kapitalisme dalam corak perekonomian negara. Juga apa yang difahamkan bahawa penswastaan di Malaysia dilakukan dengan tidak melibatkan sistem tender terbuka kerana kononnya idea yang baik daripada pihak swasta patut dihargai dengan memberi peluang penswastaan tanpa persaingan. Lebih tegas pendapat ramai mengatakan bahawa kebanyakan syarikat yang mendapat peluang penswastaan telah **dipilih** berdasarkan kepada perhubungan persendirian ataupun politik.

Tuan Yang di-Pertua, kesan terhadap Dasar Ekonomi Baru kepada saya, saya masih kurang pasti bagaimana dengan pelaksanaan dasar penswastaan Kerajaan ini akan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Modal yang ada dalam ekonomi kita halakan kepada peluang penswastaan. Ini bermakna apa yang sebenarnya berlaku ialah pindah milik modal daripada sektor awam kepada sektor swasta dan dengan kata lain pelaburan modal tidak bertambah. Ini bermakna modal swasta untuk projek-projek baru dan untuk pelaburan baru akan berkurangan. Jadi dari segi pertambahan dan perkembangan ekonomi

tidak begitu memberikan kekesanan. Dari segi pembasmian kemiskinan, ini juga satu perkara yang menimbulkan pertanyaan kerana beban dari segi penswastan di mana kemudahan-kemudahan yang diharapkan oleh orang ramai terutama orang miskin akan berkurangan dengan adanya elemen-elemen bagi memastikan keuntungan yang paling maksima oleh mana-mana syarikat yang diberikan peluang. Dari segi penyusunan semula masyarakat, dari segi pekerjaan akan dibantu melalui penswastan. Kita lihat di sektor awam lebih kurang 80% ianya terdiri dari kaum bumiputera iaitu orang-orang Melayu mungkin penyusunan semula ini dilihat dari segi pemilikan harta kekayaan. Kalaulah ianya benar maka satu kajian semula perlu dibuat oleh pihak Kerajaan dalam menentukan bahawa dasar penswastan ini akan membantu kejayaan Dasar Ekonomi Baru terutamanya dari segi pembasmian kemiskinan dan dari segi penyusunan semula masyarakat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun harus terus dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan penting kepada rakyat seperti bekalan air, elektrik, perhubungan, kesihatan, hospital dan sebagainya. Kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat. Oleh itu, semua jabatan-jabatan dan agensi-agensinya yang melaksanakan dasar serta rancangan-rancangan pembangunan masyarakat haruslah terus dikendalikan oleh pihak Kerajaan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang menguasai amalan-amalan perdagangan dan perniagaan adalah penting juga supaya kes-kes jenayah, pecah amanah, tipu pengguna dapat dikawal sendiri oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, suka sekali lagi saya tegaskan pandangan saya bahawa Kerajaan perlu membuat penelitian dan kajian semula mengenai adanya elemen ataupun unsar-unsur yang boleh menimbulkan percanggahan di antara dasar penswastan dan Dasar Ekonomi Baru supaya ianya dapat diselaraskan dan disesuaikan demi kepentingan keseluruhan rakyat di negara ini dan juga perkembangan ekonomi negara seperti yang telah saya katakan sebentar tadi.

Dengan harapan itu dan kata-kata itu, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Foo Boon Liang.

6.03 ptg.

Tuan Foo Boon Liang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyertai perbahasan dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan, khasnya Menteri Kewangan kerana berjaya membentangkan Belanjawan 1989 yang baik. Saya ingin menarik di mana pelaburan ini merupakan satu unsur

yang begitu penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi yang seterusnya boleh mempengaruhi kehidupan rakyat jelata negara ini.

Taan Yang di-Pertua, sepertimana yang diketahui umum, Kerajaan telah melipatgandakan usaha-usaha untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara ini. Sehubungan dengan ini berbagai-bagai insentif pelaburan diberi dan rombongan-rombongan perdagangan dihantar ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Kerajaan kita bahawa sementara berbagai insentif telah diberikan kepada pelabur-pelabur asing, insentif yang sama patut juga diberikan kepada pelabur-pelabur tempatan. Ertinya, Kerajaan juga mesti menjaga kepentingan pelabur-pelabur tempatan. Pada hemat saya apa yang dibuat oleh Kerajaan kita selama ini masih tidak cukup walaupun beberapa kelonggaran telah diberi dalam Akta Penyelenggaraan Industri (ICA), dari segi jumlah modal yang dilaburkan, tetapi ini masih tidak cukup. Apa akan terjadi sekiranya pelabur-pelabur tempatan tidak menerima insentif-insentif sepertimana yang ditawarkan kepada pelabur-pelabur asing. Keadana-keadaan berikut akan berlaku:

- (i) pengaliran modal tempatan ke luar negeri;
- (ii) peluang pekerjaan akan berkurangan;
- (iii) melambatkan pertumbuhan ekonomi ;
- (iv) pengaliran modal tempatan ini boleh dan telah menunjukkan satu trend yang negatif di mana ia boleh menghakiskan keyakinan pelabur-pelabur asing terdapat di negara kita.

Oleh sebab-sebab di atas, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya memberi insentif-insentif yang sama kepada pelabur-pelabur tempatan termasuk syarikat-syarikat yang tertakluk kepada beberapa peruntukan dalam Akta Penyelenggaraan Industri dari segi peratusan pemilikan sama. Saya juga berharap bahawa Kerajaan akan membangun ekonomi Malaysia dengan semangat perjuangan antara ke tiga-tiga kaum semasa menuntut kemerdekaan dari pihak British. Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan C. Krishnan.

6.06 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1989 menerima sambutan baik daripada semua lapisan masyarakat. Pengumuman peruntukan \$290 juta bagi industri-industri kecil, peruntukan sebanyak \$15.9 juta bagi pekerjaan sambilan bagi siswazah-siswazah, saya ingin ucapkan syabas kepada Kerajaan, khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini, saya ingin menyentuh keadaan politik dan masa depan Barisan Nasional secara amnya. Kekuatan politik Melayu adalah asas kestabilan politik negara kita. Jika masyarakat Melayu menghadapi perpecahan yang agak besar dari segi politik, ini akan menjejaskan

keutuhan politik negara seluruhnya. Ini satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan oleh mana-mana pihak pun. Kita kaum bukan Melayu pun rasa selesa dan selamat apabila masyarakat Melayu bersatu padu dan teguh. Apa yang saya tegaskan di Dewan ini ialah kekuatan parti-parti komponen seperti UMNO, MCA, MIC dan sebagainya bolehlah mengekalkan kekuatan Barisan Nasional. Kekuatan Barisan Nasional adalah satu aspek yang maha penting untuk dengan izin, 'the survival of the multi-racial politics in this country.'

Bekas pemimpin-pemimpin negara kita telahpun memainkan peranan yang maha besar untuk menubuhkan satu ikatan murni di antara kaum-kaum besar seperti orang Melayu, Cina dan India. Ikatan murni dikenali sebagai Parti Perikatan dan sekarang digelar sebagai Barisan Nasional. Apakah kejayaan ikatan murni ini? Ini dapat menyatu-padukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan kita pun dengan suara bersatu-padu berjaya mendapat kemerdekaan dari colonial masters, lebih-lebih lagi masyarakat berbilang kaum dapat melibatkan diri mereka dalam Kerajaan melalui Barisan Nasional **ini**. Barisan Nasional ini adalah satu peraturan politik yang terbaik untuk semua kaum.

Tuan Yang di-Pertua, ada anasir-anasir luar dan dalam Barisan Nasional cuba melemahkan Barisan Nasional. Mereka tidak begitu berpuas hati dengan kejayaan Barisan Nasional **ini**. Ini amat merbahaya. Kita di Barisan Nasional hendaklah berlawan berhabis-habisan antuk menggunakan segala percubaan oleh musuh politik kita.

Jika anasir-anasir ini dapat berjaya melemahkan atau menggagalkan peraturan Barisan ini, apakah kesan-kesan yang masyarakat kita menghadapi?

Ini bermakna meraka berjaya memecah-belahkan pelbagai kaum dari segi politik. Jika keadaan ini berlaku kita semua rugi, tidak kira kaum Melayu, Cina atau India. Kita semua akan diletakkan di *political crossroads* atau kita pun akan menghadapi suatu keadaan *political suicide*, dengan izin.

Ikatan murni yang dibaja dan disiram air oleh generasi tua kita itu hendaklah dipelihara oleh generasi sekarang. Jika tidak generasi akan datang atau sejarah tanahair kita mengutuk kita sebagai manusia yang berdosa dan melalaikan tanggungjawab yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Barisan Nasional bersedia mengubati penyakit sebelum kita berlawan dengan musuh kita di luar Barisan Nasional. Rumah politik kita Barisan Nasional hendaklah diadakan dalam keadaan yang teratur. Jika Barisan Nasional hendak menikmati kepercayaan dan sokongan segala kaum dan jika ia hendak terus bergerak sebagai parti politik yang kuat dan berpengaruh, saya rasa masa sudah sampai bagi kita mengamalkan satu corak dan pendekatan yang baru.

Segala isu-isu yang utama sebelum diamalkan oleh Kerajaan hendaklah dirujuk kepada Majlis Tertinggi Barisan Nasional untuk membahaskan isu-isu ini secara terperinci. Ini membolehkan Barisan Nasional untuk mengetahui pendapat dan perasaan pelbagai kaum dalam perkara-perkara yang berkenaan. Hasrat kita semua adalah Barisan Nasional harus memenangi segala pilihanraya yang akan datang dan terus mentadbirkan negara kita yang amat disayangi.

Baru-baru ini Pengerusi Barisan Nasional kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata Kerajaan akan menghormati segala janji-janji yang terkandung dalam Manifesto Barisan semasa pilihanraya 1986. Ini adalah suatu tanda baik dan ini akan memperkuatkan kepercayaan parti-parti komponen kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita adalah masyarakat majmuk. Dalam masyarakat pelbagai kaum, dengan izin, *no race is the winner or loser, but all are the winners*. Barisan Nasional hendaklah mengamalkan konsep politik ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang telah menyentuh mengenai Dasar Ekonomi Baru di dalam debate baru-baru ini. Kita perlu faham Dasar Ekonomi Baru digubal dengan tujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat bagi mencapai matlamat utama perpaduan kaum, akan tetapi DEB menjadi target utama ahli-ahli politik, ekonomi, pihak pelabur dan badan-badan sukarela sentiasa menyalahkan DEB atas keengganan pelabur-pelabur melabur dalam dan luar. Ini mengakibatkan tidak persefahaman antara kaum. Paras kemiskinan negara pada tahun 1970 adalah 49.3%. Ini telah dikurangkan pada tahun 1984 ke 18%. Tahap ini melebihi sedikit pada tahun 1985 dan 1986 kerana kemerosotan ekonomi dunia. Paras kemiskinan boleh dikurangkan 17% pada tahun 1990 kerana tanda-tanda ekonomi memulih.

Salah satu ciri DEB ialah supaya kaum bumiputera mencapai 30% ekuiti di dalam ekonomi negara tetapi sudahpun 18 tahun berjalan tetapi mereka cuma mencapai 18%. Pada tahun 1970 mereka cuma ada 2%. Tahap ini mereka cuma ada 18%; inipun 6% dipegang oleh PNB. Kalau kita tolak mereka baru mencapai 12% sahaja. Kerajaan telah

membelanjakan untuk pembangunan luar bandar seperti pelajaran, kesihatan dan kehidupan yang sederhana. Ini telah dicapai dengan tidak merampas peluang kaum-kaum yang lain. Hakikat ini mesti diterima pihak. Warganegara Malaysia mempunyai ekuiti 56.7%, orang-orang asing dari luar negeri 25.5%.

Pengambilan pelajar universiti masih diteruskan ratio 45:55 bumiputera dan bukan bumiputera. Usaha-usaha Kerajaan menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum diamalkan dengan jujur. Kenyataan ini harus diterima oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, DEB telah mencapai beberapa kejayaan di beberapa bidang. Lanjutan dasar DEB perlu dibetulkan kelemahan dan kesalahan yang telah mereka menghadapi, tetapi jangan ubah tujuan utamanya serampang dua mata, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Saya merayu kepada Kerajaan bagi mencapai matlamat 30% ekuiti kaum bumiputera mesti diteruskan dengan bertungkus-lumus. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kaum India yang cuma ada ekuiti kurang dari 1% hendaklah mencari jalan dan meningkatkan peluang kaum India di dalam bidang, ekonomi pekerjaan dan pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan skim perumahan pekerja-pekerja ladang semenjak tahun 1976, cuma 10 rancangan sahaja telah dapat dilaksanakan. Saya amat kecewa kerana daripada tahun 1976 sehingga 1988 ini, sudah 12 tahun cuma 10 skim sahaja dapat dirancangkan. Mereka pekerja ladang itu bukan semuanya daripada kaum India, 40% daripadanya kaum bumiputera dan kaum Cina. Oleh sebab itu, Kerajaan mesti sedar bahawa pekerja-pekerja ladang itu mereka adalah warganegara Malaysia, mereka adalah pengundi. Mereka perlu

ada bumbung untuk mereka banggakan kerana mereka apabila bertanding di dalam pemberian rumah kos rendah itu mereka tidak dapat peluang kerana mereka adalah daripada pekerja ladang, yang kebanyakan kaum-kaum keturunan India di bandar-bandar ini mereka dapat peluang dengan banyak. Oleh sebab itu, saya ingin memberikan cadangan kepada Kementerian Buruh supaya mengambil perhatian yang berat. Kalau kita sudah gagal di dalam mengamalkan perumahan pekerja ladang, lebih baik kita terima hakikat ini iaitu Kementerian Buruh mengambil cadangan saya supaya dapat diamalkan. Kalau boleh rumah-rumah yang sedia ada seperti rumah yang disediakan oleh majikan itu dijual kepada pekerja ladang dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan kerjasama daripada badan-badan Kerajaan yang lain. Selain daripada itu mereka yang telah 100 tahun bertungkus-lumus dan memberikan perkhidmatan mereka kepada negara ini, kita perlu sanjung tinggi atas segala perkhidmatan mereka bagi kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada sidang yang lalu saya telah berucap satu perkara bahawa di dalam rancangan pekerja-pekerja ladang di Teluk Merbau, Sungai Pelik, Sepang, Selangor, yang mengandungi 195 buah rumah dan 6 buah kedai mendapat 3 lesen untuk menjual minuman keras. Macam mana, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kastam boleh meluluskan 3 lesen menjual minuman keras di dalam satu perumahan pekerja ladang yang cuma ada 196 rumah? Perkara ini sudah timbulkan dalam newspaper, dalam akhbar pun telah dikeluarkan berita ini tetapi tidak ada apa-apa tindakan diambil. Saya maklum Jabatan Kastam dan Eksais Di-raja di bawah Kementerian Kewangan. Saya maklum walaupun kita boleh dapat cukai yang banyak tetapi masalah sosial kita mesti maklum.

Kanak-kanak atau murid-murid lepasan SRP dan yang gagal mereka sudah menjadi penagih alcoholism, dan orang-orang tua pun jadi penagih alcoholism kerana tiga kedai menjualnya macam jual sayur di market. Ini, Kerajaan patut awasi, Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah sosial. Kalau masalah sosial daripada penagih dadah ini kita mengambil berat, kita perlu mengambil berat terhadap masalah alcoholism. Kalau sekiranya kita tidak ambil berat tentang hal ini, produktiviti negara akan turun. Saya harap Jabatan Kastam tolonglah ambil tindakan. Saya menimbulkan perkara ini mungkin Pegawai-pegawai Kastam ada di sini kalau boleh rujuk kepada Kementerian Kewangan supaya mengkaji sebenar-benarnya siapa yang beri kuasa untuk meluluskan 3 lesen bagi 196 rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkenalkan satu lagi benda iaitu namanya "auto beca". Becas 3 roda ini, Tuan Yang di-Pertua, begitu masyhur di negara-negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Bangladesh, India dan beberapa negara lagi seperti Sri Lanka dan Thailand. Mereka mengadakan auto beca ini. Kita ada kesesakan, dengan izin, traffic jam, pada masa-masa pick-hours. Oleh sebab itu saya harap Kementerian Pengangkutan hendaklah mengambil berat dengan memperkenalkan auto beca di dalam negara kita supaya kita boleh elakkan beberapa perkara di dalam masalah pengangkutan ini.

Saya sungguh-sungguh merayu kepada Kementerian Pengangkutan. Sekiranya Kabinet tidak membenarkan untuk mengadakan auto beca ini mereka haruslah memberi pertimbangan untuk memperkenalkan auto beca ini supaya orang-orang yang berpendapatan rendah akan

mendapat satu perkhidmatan yang murah serta dapat perkhidmatan yang baik daripada auto beca ini.

Oleh sebab itu saya merayu kepada Kementerian Pengangkutan untuk mengkaji balik keputusan Kabinet itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kawasan Sungai Pelek, Sepang, Selangor Darul Ehsan.

Saya difahamkan dari akhbar-akhbar bahawa sisa-sisa kimia dengan izin, toxin waste akan dibuang dalam daerah Sepang. Apa sebab pilih daerah Sepang, Tuan Yang di-Pertua. **[Ketawa]** Apa sudah jadi kepada Sepang? Saya pun tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, kerana Sepang satu daerah yang sedang membangun. Kita tunggu macam-macam kemajuan, kemajuan tidak dapat; ini adalah satu daerah pendalaman, kita cuma dapat toxin waste.

Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jangan buang toxin waste di daerah Sepang ataupun di Selangor Darul Ehsan ataupun di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Pilihlah satu pulau berdekatan, buanglah toxin waste itu di situ. Toxin waste ini apabila saya baca dalam suratkhbar amat mengelirukan, Tuan Yang di-Pertua. Ianya boleh mengakibatkan kanser dan lebih mengerikan juga boleh mengakibatkan kecacatan kanak-kanak. Oleh sebab itu daerah Sepang adalah satu daerah di mana kita dapat minum air dari Sungai Hitam dan Sungai Dengkel. Kalau toxin waste dibuang di sana, ini akan mencemarkan peminum-peminum air dan juga, Tuan Yang di-Pertua, ini akan memberi banyak kesusahan kepada kita.

Oleh sebab itu saya merayu kepada Kerajaan dari segi peri kemanusiaan, saya mencadangkan carilah pulau-pulau berdekatan, dengan ini tidak akan mencemarkan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, kita terus menggalakkan dan membimbing bahawa generasi yang akan datang terus menerus menghormati hak segala kaum. Mereka mesti memahami pelbagai aspek kebudayaan dan adat resam di antara kaum. Semua perbezaan budaya dan adat resam ini bolehlah dijadikan sebagai sumber kekuatan negara.

Tidak lama dulu Yang Berhormat Menteri Pendidikan telahpun menyeru para pelajar Melayu yang fasih dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris supaya mengambil Mandarin sebagai matapelajaran pilihan. Ini satu kenyataan yang kena pada masanya. Jika generasi muda dapat menguasai bahasa-bahasa tempatan seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil, trend seperti ini memudahkan proses mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu dan progresif.

Pusat latihan Kerajaan seperti INTAN hendaklah menyediakan kursus bahasa Tamil bagi para kakitangan Kerajaan yang bukan Tamil.

Pemilihan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu adalah satu kejayaan besar bagi sebuah negara yang kecil seperti Malaysia kita. Perdana Menteri di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini telah menegaskan bahawa kemiskinan dan kebuluran yang menghadapi dunia ini hendaklah diatasi dengan menubuhkan satu badan antarabangsa sepenuh masa.

Kemiskinan, kebuluran dah dadah boleh mengancam keselamatan dan keamanan dunia. Justeru itu pemilihan Malaysia sebagai anggota Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu adalah pengakuan dan pengiktirafan badan dunia tersebut terhadap sumbangan dan dasar luar Malaysia. Malaysia mencapai kejayaan yang cemerlang adalah kerana

penglibatan yang berterusan yang diambilnya dalam menyuarakan isu-isu besar dalam dunia seperti dasar apartheid di Afrika Selatan.

Kita hendaklah bersuara lebih kuat untuk menentang polisi apartheid dan terus menekankan dalam forum antarabangsa bahawa Nelson Mandela hendaklah dibebaskan dengan serta merta.

Sebagai negara yang memperjuangkan hak asasi manusia, Malaysia hendaklah terus mengutuk Kerajaan minoriti di Afrika Selatan yang memperkecilkan asal golongan majoriti.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini sebagai wakil kaum India saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Penerangan khususnya Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk membenarkan TV Malaysia mempersembahkan drama-drama Tamil pada waktu dan hari iaitu hari Ahad yang sesuai. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana peka kepada persatuan kaum India dengan memberikan peluang kepada drama Tamil yang mana dapat melahirkan nafas baru. Para pelakon, pengarah dan penerbit di dalam drama Tamil berasa bangga kerana hasil mereka diberikan suatu exposure yang sangat-sangat diperlukan kerana ini adalah satu motivasi untuk mereka.

Jika diberikan segala bantuan dan galakan drama Tamil di negara ini bolehlah muncul sebagai industri yang besar yang dapat dibandingkan dengan industri filem di negara India.

Baru-baru ini harian berbahasa Tamil meramalkan rancangan "Tumpuan Minggu" akan diberhentikan. Saya tidak tahu sama ada laporan ini betul atau tidak. Saya berpendapat bahawa Kementerian hendaklah berhati-hati sebelum memutuskan untuk memberhentikan

rancangan ini. Adakah Kementerian bercadang untuk menggantikan "Tumpuan Minggu" ini dengan satu rancangan lain yang lebih baik dan menarik. Barangkali Yang Berhormat Menteri Penerangan mempunyai jawapan bagi isu ini.

Selain daripada itu saya ingin merujuk kepada satu perkara mengenai cara persembahan rancangan radio. Secara percubaan Radio Malaysia [Rangkaian Merah] pun telah menyiarkan rancangan-rancangan FM Mono. Saya harap RTM akan menyiarkan program Rangkaian Merah di FM Mono secara keseluruhannya kerana pada masa sakarang ramai peminat-peminat Rangkaian. Merah masih tidak puas hati dengan siaran sekarang kerana ianya tidak jelas dan menyakitkan telinga.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Haji Shaharom bin Baji Maasom: Sila Yang Berhormat Encik C. Krishnan meneruskan perbahasan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, khidmat berita adalah satu perkhidmatan yang perlu untuk mewujudkan masyarakat yang berwaspada dan an informed society. RTM sedang memainkan satu peranan yang baik dalam hal ini dengan memberi berita dalam bahasa-bahasa ethnic seperti Tamil dan bahasa Mandarin. Khidmat ini akan menjadi lebih sempurna jika TV3 turut mengikuti contoh RTM dalam hal ini. Saya sungguh berharap Yang Berhormat Menteri Penerangan akan menyeru kepada pihak sistem TV3 dan walaupun mereka adalah satu badan swasta, apabila Yang Berhormat Menteri Penerangan merayu, mereka akan memberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya. Oleh sebab itu saya sungguh-sungguh merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya sungguh-sungguh merayu kepada TV3 untuk menyiarkan berita-berita dalam bahasa Tamil dan bahasa Cina.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, Datuk Haji Hussein bin Ahmad mengemukakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji

Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan oleh Dewan pada petang ini berkaitan dengan waktu perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989, Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Ahli-ahli Yang Berhormat selesai berucap di dalam perbahasan Belanjawan 1989.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah disetujukan.

Usul dikemaka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan.

Bahawa walau apapun usul yang telah diputuskan oleh Dewan pada petang ini berkaitan dengan waktu perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1989, Dewan ini mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua Ahli-ahli Yang Berhormat selesai berucap di dalam perbahasan Belanjawan 1989.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Sila Yang Berhormat Puan Hajjah Rogayah.

6.34 ptg.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta yang bernama Rang Undang-undang Perbekalan 1989 menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 1989.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencari pelabur ke dalam negara kita, lawatan Menteri-menteri Besar atau rombongan daripada negeri-negeri keluar negeri untuk mencarp pelabur menjadi kerja 'overlapping', dengan izin, kerana seperti kita sedia maklum, Menteri-menteri seperti Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Perusahaan Awam dan Perusahaan Utama telahpun menjalankan tugas masing-masing. Apa salahnya kalau disatukan rombongan-rombongan yang keluar negeri itu bagi menjimatkan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga harus meningkatkan imbalan pembayaran luar agar mencapai taraf yang menguntungkan sekurang-kurangnya menyamakan jumlah yang diperolehi dari tahun lepas. Usaha ini boleh ditingkatkan dengan meningkatkan penyertaan bidang-bidang perkhidmatan dan meningkatkan kadar eksport negara.

Sebagai langkah persediaan Kerajaan harus juga meningkatkan tabungan negara, nilai eksport termasuk komoditi dan perusahaan yang boleh memenuhi permintaan semasa. Pasaran-pasaran baru seperti negara China sepatutnya diambil kira dalam menguasai pasaran pengguna.

Kenaikan cukai dalam bil awam, denda-denda benar-benar membebankan rakyat kampung yang miskin. Sebagai misal, compound jalanraya terlibat juga dengan orang-orang kampung yang menggunakan kenderaan-kenderaan kecil seperti motosikal untuk tugas-tugas kerja harian mereka. Saya mencadangkan agar bil ini disemak semula dengan mengambil kira kemerosotan harga komoditi seperti getah dan lain-lain.

Sistem pembayaran bonus untuk pekerja mungkin sebaik-baik langkah insentif yang dihalurkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Syabas diucapkan kerana langkah ini selaras dengan motif meningkatkan daya kerja yang produktif. Selaras dengan ini juga saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya menimbangkan masa kerja selama 5 hari dengan masa, kerja yang sama dikira mencukupi masa kerja yang sedia ada ini selama 6 hari. Ini juga selain memberi cukup masa rehat dalam memenuhi peningkatan dayakerja, masa cuti dua hari ini juga membolehkan:

- (1) kepada pekerja-pekerja wanita dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan khususnya dapat bermesra bersama anak-anak. Mudah-mudahan dengan cara ini anak-anak yang bakal menjadi anggota masyarakat nanti akan lebih beridentiti bersopan santun, menghormati orang tua, khususnya bermoral tinggi dan tidak akan begitu banyak terdedah kepada penghidupan liar kurang kasih sayang atau kurang perhatian daripada ibabapa; dan

- (2) masa rehat yang panjang digunakan bagi melancong ke tempat-tempat indah atau boleh berubah angin ke negeri-negeri di seluruh Malaysia dengan tidak secara langsung mempertingkatkan lagi industri pelancongan dalam negeri sendiri oleh kerana penggalakan industri pelancongan ini rasa saya, kalaulah penggalakan ini mulai dari negeri disusun dan kemudahan kepada para pekerja diberi, insya Allah, industri pelancongan dalam negeri yang berterusan setiap hujung minggu rakyat berpesta dan berbelanja di tempat sendiri. Ini bukan sahaja mengurangkan mereka mengumpul wang untuk melancong ke luar negeri kerana mereka berpeluang berhibur setiap minggu berbelanja di tempat sendiri.

Sehubungan dengan ini, satu lagi yang saya ingin mencadangkan, walaupun saya menyedari ini akan menambahkan tugas ataupun menambahkan dalam masalah pentadbiran, namun eloklah disemak, satu, pembayaran gaji untuk dua kali sebulan bagi membolehkan mereka selain mempunyai cukup wang untuk berbelanja pada setiap masa dan sekaligus kita telah menyelesaikan masalah-masalah besar seperti yang saya katakan tadi peningkatan daya kerja; kedua, pendidikan atau pengasuhan yang berkesan; ketiga, peluang pelancongan dalam negeri dan seterusnya kepada mengimbangkan kegiatan ekonomi serta mengurangkan pengangguran kerana penyelesaian ini adalah sumber ke arah pendekatan di antara majikan dan pekerja yang akan mendorong pula ke arah bekerjasama di antara rakyat dan Kerajaan dalam membangunkan negara tercinta.

Dengan ini saya sekali lagi mohon supaya dipertimbangkan cadangan ini derai kebaikan bersama dan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang iaitu suatu Akta yang bernama Perbekalan 1989 diluluskan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Encik Azumu, silakan.

6.40 ptg.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong Belanjawan yang ada di hadapan kita bagi tahun 1989 ini.

Mengikut ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, strategi Belanjawan 1989 adalah untuk menyusun semula sistem cukai. Tuan Yang di-Pertua saya ingin membangkitkan masalah ini dan mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah-masalah cukai supaya semua yang patut membayar cukai itu membayar cukai mereka mengikut tanggungjawab masing-masing.

Terhadap masalah cukai pendapatan ini, seperkara yang amat menyedihkan adalah bahawa ada lagi orang-orang di kampung yang tidak faham bahawa dengan pendapatan mereka itu terpaksa membayar cukai. Apa yang terjadi baru-baru ini bahawa apabila seseorang itu kena membayar cukai apabila baru ditaksir dan dia terpaksa membayar dan pada masa pungutan itu dibuat wangnya tak ada, maka dia terpaksa menjual tanahnya. Tanahnya yang berharga tinggi terpaksa dijual dengan harga yang rendah. Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah kerana penjelasan tidak diberi kepadanya bahawa dia boleh membuat permohonan untuk membayar secara ansuran. Maka saya berharap supaya Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat berunding dengan Jabatan Penerangan supaya usaha-usaha penerangan diberi dengan lebih luas lagi kepada orang-orang kampung seumpama ini. Di samping itu juga, usaha-usaha Jabatan ini yang dibuat baru-baru ini dengan pergi ke semua gerai-gerai penjaja-penjaja kecil daripada orang-orang yang tak bekerja

untuk menjalankan penyiasatan pendapatan mereka ini amat disanjung tinggi dan dipuji dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan Ketua Audit Negara di dalam tahun 1986 cukai pendapatan yang kurang ditaksirkan ke atas 749 kes adalah berjumlah \$30.9 juta. Jumlah ini amatlah besar dan daripada audit yang dibuat itu daripada 307,211 fail, 3,536 fail telah disemak semula dan inilah pendapatan mereka bahawa sejumlah 749 kes yang telah ditaksirkan kurang daripada yang sepatutnya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya bagaimana pula yang terlebih taksir itu, tidakkah Kerajaan akan memulangkan balik dan mengira sebaliknya dengan sepenuhnya?

Bersama dengan ahli-ahli yang lain, saya juga mengucapkan tahniah di atas perkara kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan ini tetapi ada sebilangan pegawai Kerajaan yang dinamakan Pegawai Tadbir Am, Tingkatan Biasa secara sementara mengisi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik secara khas untuk Penyandang. Mereka ini telah diambil berkhidmat beberapa tahun yang lalu dan telah lulus peperiksaan perkhidmatan awam mereka tetapi ada sebilangan besar daripada mereka yang masih belum diserapkan di dalam jawatan tetap. Maka saya harap sebilangan kecil pegawai seumpama ini akan diambil perhatian oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Kementerian Belia dan Sukan adakah kita perhatikan baru-baru ini banyak persatuan-persatuan sukan, baik di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri di mana mereka ini menukar undang-undang atau perlembagaan-perlembagaan masing-masing yang tidak membolehkan seseorang itu menjadi Yang di-Pertua Persatuan seumpama itu jika ianya tidak berkhidmat di dalam sesebuah jawatankuasa itu selama beberapa tahun. Saya agak setelah pindaan

perlembagaan mereka ini diluluskan oleh ahli-ahli mereka, maka ianya diluluskan pula oleh Pendaftar Pertubuhan. Pendaftar Pertubuhan pula meluluskan permohonan mereka ini tanpa bertanya kepada pegawai-pegawai di Kementerian Belia dan Sukan yang tahu keadaan persatuan seumpama itu. Saya berharap supaya perkara ini diperhatikan, janganlah kelulusan diberikan dengan sewenang-wenangnya tanpa penyiasatan yang sepenuhnya dibuat kerana kita khuatir bahawa ada persatuan-persatuan sukan di negara kita ini akan mengambil kesempatan daripada pimpinan yang ada ini untuk menggunakan persatuannya bagi kepentingan dirinya sendiri dan dengan cara yang dibuat baru-baru seumpama ini maka ahli-ahli yang lain tidak dapat menerajui, tidak dapat mengepalai persatuan seumpama **itu**.

Tuan Yang, di-Pertua, di dalam negara kita ini banyak kerja-kerja penyelidikan dibuat. Saya mengambil contoh Institut Penyelidikan Galian, sebuah institut hendak menjalankan penyelidikan galian di negara kita ini membuat penyelidikan dan menyediakan laporan-laporan. Yang malangnya laporan ini tidak langsung diberikan kepada orang ramai yang berminat. Adakalanya yang amat mendukacitakan bahawa laporan-laporan yang dibuat oleh badan-badan penyelidik ini, terutama Institut Penyelidikan Galian ini didapati oleh orang luar negeri dahulu baru kita di negara ini dapat, bagaimanakah ini boleh berlaku? Penyelidikan ini apabila telah diselidik, disampaikan kepada Kementerian Perusahaan Utama misalnya tetapi daripada Kementerian itulah perkara ini dapat disalurkan kepada pelabur-pelabur luar negeri. Pembukaan tanah-tanah lombong ini bukanlah jadi masalah besar sangat kepada rakyat di negara **ini**. Rakyat kita di negara ini yang biasa di dalam industri ini tidak menjadi masalah

membuka tanah bagaimana susahnya kawasan itupun tetapi itulah laporan penyelidikan itu kadangkala didapati oleh orang-orang luar negeri, barulah didapati oleh rakyat di negara ini. Kenapakah ini berlaku dan saya harap ianya dapat disiasat dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin memuji kecekapan pihak polis di negara kita ini. Tetapi di dalam keadaan sekarang ini di mana banyak sangat perjumpaan dibuat di antara orang-orang yang datangnya daripada pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar bahkan tidak ada pertubuhan langsung mengadakan perjumpaan-perjumpaan mereka kononnya berupa perjumpaan agama dibenarkan dengan begitu sahaja tanpa ada penahanan daripada pihak polis. Kita ada undang-undang yang mengatakan bahawa sekumpulan orang jika lebih daripada 5 orang tidak dibenarkan berkumpul di satu-satu kawasan tetapi nampaknya di negara kita hari ini banyak sangat perjumpaan-perjumpaan dibuat oleh orang-orang yang tidak mempunyai pertubuhan langsung kononnya mengadakan majlis agama. Jika majlis-majlis itu diadakan oleh kerana mengadakan majlis-majlis agama, kita boleh benarkan jika pensyarah-pensyarah itu adalah guru-guru agama yang bertauliah yang dikeluarkan tauliah mereka oleh Jabatan-jabatan Agama dari negeri-negeri yang berkenaan tetapi biasanya tidak ada syarahan agama pun diberi, kalau adapun di dalam masa setengah jam sahaja oleh orang-orang yang tidak bertauliah dan selain daripada masa itu, lebih daripada 3 jam daripadanya adalah orang-orang yang menyampaikan ucapan-ucapan menghasut orang-orang yang ada itu untuk tidak menyokong Kerajaan dan memfitnah pemimpin-pemimpin Kerajaan.

Maka saya suka hendak bertanya kenapakah perkara semacam ini dibiarkan begitu sahaja? Kuasa ada di tangan pegawai-pegawai polis ini, jika mereka ini mungkin penyokong dalam hati mereka kepada orang-orang seumpama ini tetapi kita tahu, kita yakin bahawa pegawai-pegawai polis di negara kita ini adalah orang-orang yang begitu cekap dan begitu amanah mengikut apa-apa tugas, dasar-dasar tugas mereka yang telah ditentukan dan kita tidak pernah mendengar bahawa polis negara ini memihak di mana pihak pun.

Maka jika mereka begitu, saya berharap supaya tindakan dapat dibuat jika ada perjumpaan-perjumpaan seumpama ini. Yakinlah bahawa di masa-masa yang akan datang agak saya, perjumpaan seumpama ini akan banyak diadakan dan jika tidak dijaga dari awal, dari sekarang lagi maka tiba masanya nanti keadaan tidak dapat terkawal. Mungkin juga di peringkat, kebangsaan masalah ini tidak berlaku, Tuan Yang di-Pertua, tetapi di peringkat-peringkat kampung yang kecil ianya sedang sentiasa berlaku dengan mengadakan sedikit jamuan, minuman teh dengan sepiring mihun, 2,3 biji karipap dan sebagainya, perjumpaan seumpama ini diadakan. Maka saya harap Kerajaan dapat menjaga dengan sepenuhnya supaya ianya dapat diberhentikan.

Banyak di antara sahabat-sahabat saya telah berucap mengenai dengan Semarak yang dianjurkan oleh Kementerian penerangan. Saya juga menyokong supaya ianya diteruskan di tiap-tiap negeri dan di tiap-tiap daerah. Jika kita terpaksa menggunakan wang yang banyak, maka gunakanlah wang kerana kita tahu perjumpaan seumpama ini amat penting pada hari ini. Cuma jika saya dapat menyuarakan pendapat saya, saya berharap supaya perjumpaan seumpama ini jika kita hendak merapatkan pemimpin dengan rakyat supaya pemimpin itu dapat datang lebih awal supaya diadakan lama lagi dengan rakyat di masa adanya perjumpaan Semarak ini. Kita berdukacita kadang-kadang majlis itu diadakan demikian rupa, tetapi pemimpin yang datang itu dapat berjumpa dengan rakyat sekejap masa sahaja. Jika Perdana Menteri hadir, Perdana Menteri cuma dapat datang selama sejam di dalam satu perjumpaan ataupun lebih sedikit, jika ditolak daripada masa beliau memberikan ucapannya, maka perjumpaan dengan rakyat adalah masa yang sungguh singkat sangat.

Maka saya harap jika adanya perjumpaan Semarak di masa akan datang pemimpin-pemimpin itu hendaklah berada di kawasan itu untuk masa yang agak lama. Jika belia-belie kita berkhemah, misalnya, kita berharap Menteri Belia dan Sukan bersama-sama berkhemah dengan belia-belie yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut bahawa di dalam pertumbuhan pelaburan asing, maka digalakkan misi-misi perdagangan pergi ke luar negeri dan ada juga pendapat yang mengatakan kadang-kala Kerajaan merasa hairan kerana Kerajaan-kerajaan Negeri menghantarkan misi-misi seumpama itu dan kadang kala misi-misi perdagangan ini tidak dapat ditarik oleh negeri-negeri yang berkenaan. Persaingan berlaku di antara negeri sama negeri. Tidakkah boleh Kerajaan Pusat memperhatikan, menyelaraskan masalah ini supaya ianya dapat ditentukan terlebih dahulu. Kadangkala saya perhatikan oleh kerana Pegawai-pegawai MIDA ini, kita puji mereka ini adalah orang yang cekap di luar negeri, tetapi yang mendukacitakan oleh kerana semangat kenegerian itu, maka pegawai-pegawai MIDA ini kadangkala memberi keutamaan kepada negeri dari mana dia datang, kalau dia seorang orang Johor, maka dia akan memberi keutamaan kepada orang Johor dan seterusnya negeri-negeri yang lain. Saya berharap perkara ini tidak terjadi dan penyelarasan yang utama dapat diberikan kepada negeri-negeri yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar di dalam menolong orang-orang kampung membangunkan industri kampung ini amatlah memberi kesan yang baik, cuma yang mendukacitakan adalah keluluskan untuk mendapat satu-satu perkara

itu amatlah lambat. Semua kelulusan dibuat di peringkat pusat di mana di peringkat negeri Pengarah-pengarah yang berkenaan langsung tidak berkuasa. Jika jumlah wang yang hendak diluluskan itu adalah kecil, saya ingin bertanya kenapakah kuasa tidak diberi di peringkat Pengarah di peringkat negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjaga kehidupan yang baik di peringkat bandar-bandar Majlis-majlis Perbandaran dan Majlis-majlis Bandaraya, Kerajaan Pusat memberi subsidi untuk menjaga jalan-jalan, di dalam bandar cuma sebanyak lebih kurang \$8,000 sekilometer setahun. Jumlah ini amatlah kecil kerana ianya telah diluluskan lebih kurang 15 tahun yang lalu. Kenapakah jumlah ini tidak ditambah kerana dengan wang yang kecil itu Majlis-majlis tempatan tidak dapat menjaga jalan dengan baik. Maka dengan itu kita perhatikan banyaklah jalan-jalan yang berlubang dan tidak dapat dilalui dengan sepenuhnya.

Jika Ahli-ahli Dewan ini akan melawat Jabatan Bomba pada hari Selasa ini, yang dijemput oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kita, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, tetapi satu komen yang saya ingin hendak sampaikan dan banyak rungutan yang dibuat oleh orang ramai adalah kenapakah balai-balai bomba ini ada di tengah-tengah bandar di negara kita ini. Tidakkah boleh mereka ini dipindahkan ke kawasan yang jauh sedikit supaya apabila tanah yang ada yang begitu cantik di bandar ini dapat digunakan oleh badan-badan lain seperti UDA dan sebagainya dan tidak perlu balai-balai bomba ini berada di tengah-tengah bandar. Saya berdukacita kerana balai bomba di Ipoh,

misalannya, berada di tengah bandar dan Kementerian ini telah mendapat sebidang tanah yang diberi oleh Kerajaan Negeri di kawasan yang jauh sedikit daripada bandar. 10 tahun sudah telah diluluskan pembinaan bangunannya, tetapi sehingga hari ini belum dapat didirikan oleh Kerajaan. Saya berharap bahawa ianya dapat dibina dengan secepat mungkin supaya dapat menyelaraskan semuanya dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkara tidak senang hati di antara kita, di antara Ahli-ahli Dewan ini dalam masa seminggu ini telah agak selesai, tetapi tidaklah puas hati bagi saya jika saya duduk dengan tidak menyebut perkara kedua yang telah dibangkitkan oleh kawan-kawan kita. Mohon izin bagi saya meningkatkan kawan-kawan kita bahawa tujuan ditubuhkan Barisan Nasional **itu**, mohon izin bagi saya membacanya. Tujuan-tujuan Barisan Nasional adalah seperti berikut:-

- (a) memupuk dan mengekalkan satu bangsa Malaysia yang harmoni dan bersatu padu;
- (b) berusaha untuk mencapai pembangunan jasmani dan rohani dengan mengekalkan Islam sebagai agama Persekutuan tetapi agama-agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana jua dalam Persekutuan dan untuk menegakkan dan mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara;

- (c) berusaha untuk mewujudkan satu masyarakat adil dan saksama; dan
- (d) berusaha untuk mengeratkan lagi perhubungan di kalangan parti-parti anggota.

Kita ramai rakyat miskin. Ada pendapat kawan-kawan kita yang mengatakan bahawa kebanyakan golongan miskin dari kaum Cina ini adalah orang-orang di bidang perlombongan. Saya agak sahabat saya tidak menyiasat sebenarnya. Ingin saya membetulkan bahawa orang-orang di segi perlombonganlah yang sehabis kaya di negara ini.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 11(3), saya tempohkan persidangan ini selama 45 minit untuk solat Maghrib dan juga sedikit jamuan. Kita akan bersidang semula pada tepat: 7.45, malam, Yang-Berhormat Tuan Azumu, boleh menyambung. Mesyuarat ditempohkan.

Persidangan ditempohkan pada pukul 7.01 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.48 malam.

[Tuan Haji Shaharom **mempengerusikan Mesyuarat**]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Perbahasan disambung semula.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Dijemput Yang Berhormat Tuan Azumu bin Tak menyambung sedikit lagi.

7.48mlm.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, agak saya ada baiknya bagi saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang lain mengucapkan berbanyak terima kasih di atas jamuan yang diberikan selepas kita bersembahyang Maghrib tadi. Saya yakin bahawa dengan jamuan seumpama **ini**, kita Ahli-ahli Dewan ini akan lebih merapatkan lagi perpaduan kita dan dengan ini juga saya berharap bahawa kawan-kawan kita akan patuhi kepada apa yang telah dinyatakannya yang kita akan berbaik-baik dan tidak akan menyakitkan hati di antara satu sama lain. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Koh Im Pin.

7.49 mlm

Tuan Koh Im Pin: Tuan Yang di-Pertua, saya turut berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mula menyertai aktiviti-aktiviti politik parti MCA sebelum kemerdekaan Malaya pada tahun 1957. Saya menyertai MCA yang merupakan satu di antara tiga parti politik yang berganding bahu semasa memperjuangkan kemerdekaan

Tanah Melayu daripada penjajahan British.

Sejak tahun 1957, saya yakin kepada semangat kerjasama Perikatan - UMNO, MCA dan MIC di dalam usaha membentuk satu Kerajaan negara kita yang adil dan saksama. Sampai hari ini saya masih memegang kuat kepada kepercayaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli politik yang sudah menyertai aktiviti politik selama 31 tahun dalam Kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional, saya ingin mengingatkan bahawa tugas utama ahli-ahli Barisan Nasional ialah menentukan kestabilan politik negara. Saya ingin menasihatkan semua rakan-rakan yang lebih muda itu supaya sentiasa ingat kepada jasa dan usaha Perikatan dalam proses mendapat kemerdekaan Malaya.

Kita, semua mesti faham bersungguh-sungguh konssp Perikatan dan semangat Barisan Nasional. Presiden MCA Dato' Dr. Ling Leong Sik telah memberi satu tafsiran semangat Barisan Nasional iaitu, dengan izin, "sincere, meaningful, effective and beneficial for all". Pada asas ini saya berharap semua Ahli-ahli Dewan Negara mesti selalu berusaha mencapai matlamat semangat Barisan Nasional ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kestabilan politik dapat terus dipupuk di antara pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Dengan adanya kestabilan politik barulah kita boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan cara menarik pelaburan asing, pembangunan, perdagangan, perkembangan industri serta pertanian dan lain-lain. Kita mempunyai punca-punca sumber yang kaya. Kita perlu meningkatkan lagi mutu pengurusan ekonomi negara kita.

Saya yakin dengan usaha yang tertentu satu hari nanti negara

kita akan menjadi negara yang kelima di rantau ini.

Sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan, 1989 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Puan Mazidah Zakaria.

7.54 mlm

Puan Mazidah binti Zakaria: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberi saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai rancangan Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini saya rasa begitu lega sekali kerana daripada rancangan-rancangan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan di dalam ucapan tersebut, saya beserta dengan ramai daripada rakyat di negara ini merasakan kelegaan kerana rata-rata daripada maklum-balas-maklum-balas yang diterima menunjukkan sambutan yang begitu baik sekali daripada kebanyakan pihak mengenai Belanjawan bagi tahun 1989 ini.

Kelegaan ini ditambah lagi dengan maklumat-maklumat dan kenyataan-kenyataan yang telah kita terima mengenai pertumbuhan ekonomi yang begitu menggalakkan bagi negara ini. Kita begitu berasa lega apabila mendengar barang-barang perusahaan utama kita seperti getah, kelapa sawit malahan bijih timah telah meningkat harganya. Dengan itu memberikan hasil-hasil yang lebih kepada negara ini yang memungkinkan rancangan-rancangan dan cadangan-cadangan Belanjawan

yang sedemikian rupa itu digubal oleh pihak Kerajaan.

Begitu juga kita berasa lega dan begitu gembira menerima berita-berita tentang penambahan pelaburan-pelaburan asing terutamanya ke negara ini yang sedikit sebanyak mencerminkan keyakinan negara-negara luar, para-para pelabur, terhadap kestabilan politik di negara ini yang menyebabkan mereka sanggup datang untuk melabur di negara kita dan dengan sekali lagi memungkinan penghasilan yang baik kepada Belanjawan atau kepada peruntukan yang ada di dalam negara ini.

Tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat pembahas utama dan pembahas kedua Rang Undang-undang ini, perasaan lega tadi berganti dengan satu perasaan yang kurang menyenangkan hati saya dan perasaan keliru. Saya keliru kerana di manakah saya berada pada ketika itu Dewan Negarakah atau Dewan Rakyatkah. Perasaan kurang menyenangkan hati dan bimbang saya rasai kerana saya merasakan seolah-olah ada usaha-usaha yang cuba menimbulkan perkara-perkara yang berkemungkinan akan menggagalkan atau melambatkan usaha-usaha Kerajaan bagi menjayakan, pertumbuhan ekonomi yang lebih baik bagi negara ini.

Dalam lain perkataan, Tuan Yang di-Pertua, seolah olah ada usaha untuk menggugat kestabilan politik di negara ini kerana seperti yang kita sedia maklum kestabilan politik inilah yang paling asas dan paling penting bagi menjamini kejayaah usaha-usaha pembangunan negara kita,

Dalam pada itu pun, Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati dan merasa sedikit lega apabila semalam Ahli Yang Berhormat yang

merupakan pembahas pertama dalam perbahasan Rang Undang-undang ini telahpun memberikan penjelasanya dan meminta maaf kepada Dewan ini atas keterlanjuran daripada ucapan yang telah sedikit sebanyak menyinggung perasaan kebanyakan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Namun begitu maafkan saya, kerana walaupun saya menerima penjelasan ini dan juga sama-sama turut memaafkan apa yang telah terlanjur itu, saya masih kurang yakin dari segi alasan yang diberikan mengapa ucapan yang sedemikian ini timbul di dalam Dewan yang mulia ini di dalam kita membahaskan suatu usul yang paling penting dari segi penglibatan kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara **ini**.

Jika saya boleh mengingatkan kita kembali kepada alasan-alasan yang telah diberi oleh Yang Berhormat tersebut, iaitu ucapan dan hujah-hujah yang telah dikemukakan itu telah dilakukan dengan tidak sengaja, dia tidak bermaksud untuk menyinggung perasaan sesiapa juga, tetapi dia hanya telah mengutarakan sesuatu secara tidak sengaja. Pada pengertian saya, tidak sengaja ini sama ada dari segi pertuturan ataupun perbuatan adalah sesuatu yang dilakukan tanpa disedari, secara pontan dan kadangkala tidak difikirkan secara mendalam implikasi daripada perbuatan dan ucapan itu tadi. Kalau itulah sebabnya mengapa ucapan tersebut telah diberikan sebagai tidak sengaja, saya amat berat menerimanya dan tidak merasa yakin dengan jawapan tersebut.

Saya berpendapat ucapan yang diberikan itu tidak merupakan sesuatu yang dilakukan secara tidak sengaja kerana tiga alasan:

- (1) Kalaupun ucapan itu diberikan secara, dengan izin, off-the-cuff, tanpa apa-apa persediaan, hanya melalui lisan semata-mata dengan tidak dibaca melalui satu teks yang telah disediakan, saya menerimanya sebagai tidak sengaja, kerana apabila kita bertutur ataupun membeberikan ucapan dengan tidak mempunyai teks yang telah disediakan maka

mungkin apa yang kita tuturkan itu atau apa yang telah kita utarakan itu keluar dengan secara tidak sengaja. Tetapi jika teks yang dibaca itu dengan sendirinya menunjukkan telah ada persediaan untuk ucapan itu diberikan, jadi tidak timbul soal tidak sengaja.

- (2) Isu-isu dan idea yang dibangkitkan di dalam ucapan tersebut telahpun kita dengar diutarakan di dalam Dewan Rakyat dan dengan sendirinya implikasi daripada nada yang sama yang diucapkan di Dewan Rakyat telah dengan sendirinya menunjukkan reaksi jika perkara yang sama diulangi. Sekali lagi saya tidak yakin ucapan yang sademikian dilakukan dengan cara tidak sengaja.
- (3) Alasan yang mengatakan saya kurang yakin tentang alasan tidak sengaja ini ialah apabila kita melakukan sesuatu dengan tidak sengaja kita dengan rela hati dan iklas meminta maaf dan menarik balik, walaupun kita katakan apa yang dituturkan itu tidak dapat ditarik balik, tetapi ada cara-caranya bagaimana kita boleh menarik balik kalau kita benar-benar iklas yang alasan kita memberikan ucapan tersebut ialah kerana tidak sengaja.

Oleh kerana telah dikatakan penyelesaiannya sudahpun dilakukan untuk mengatasi implikasi-implikasi yang mungkin negatif yang timbul daripada ucapan pembahas yang pertama itu tadi namun saya masih tidak yakin dengan penjelasan-penjelasan yang diberikan itu dan perkara yang harus saya rasakan menjadi tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negeri yang sama-sama kita katakan sebagai Dewan yang

mulia, yang daripada Dewan inilah segala Rang Undang-undang, segala Akta, segala apa juga yang menentukan peraturan di dalam negara ini kita luluskan, maka saya berpendapat saya tidak melakukan tanggungjawab saya jika tidak saya memperingatkan kepada Ahli-ahli Dewan yang sama kedudukannya dengan saya ini tentang kesan-kesan negatif yang boleh timbul daripada ucapan-ucapan yang sedemikian ini, sengaja atau tidak sengaja.

Perlu saya memperingatkan untuk kebaikan kita bersama mengenai tugas dan tanggungjawab kita ini dengan merujuknya kepada Akta Hasutan 1948 yang telah dipinda oleh Ordinan 45/70. Perlu saya memperingatkan kepada Ahli-ahli Dewan semua termasuk diri saya sendiri bahawa ucapan-ucapan Ahli-ahli Parlimen, termasuk Ahli-ahli Dewan Negara tidak mendapat kekebalan atau immunity, dengan izin, di bawah Perkara 63 Perlembagaan jika didapati bersalah ucapan ini mengikut Akta Hasutan 1948 dipinda oleh Ordinan 45/70, khasnya yang menyentuh seksyen 3 cerai (1)(e). Biar saya ingatkan apa yang tertulis di dalam seksyen 3 cerai (1)(e) ini untuk kita semua. Apa yang tertera di dalam Akta tersebut ialah, cerai 3(1) berbunyi, dengan izin:

"3(1) A 'seditious tendency' is a tendency - "

dan (e)nya di antara lain mengatakan:-

" to promote feelings of ill-will and hostility between different races or classes of the population of Malaysia."

Pada pandangan saya, pada pengertian saya, pada pemahaman saya ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat pembahas pertama dan begitu juga dengan ucapan Yang Berhormat pembahas yang kedua

sebenarnya telahpun menimbulkan perasaan tidak senang secara bermusuhan malahan menghasut di antara kaum. Oleh kerana inilah sebagai satu peringatan untuk kita semua bahawa walaupun kita mempraktik demokrasi dan walaupun kita merasakan Parlimen melindungi kita dari segi apa juga yang kita hendak nyatakan, yang hendak kita utarakan, jangan kita lupa sekatan-sekatan yang malahan merupakan sekatan undaag-undang. Ini adalah peringatan untuk kita semua supaya Dewan kita tidak tercemar dengan kita sendiri sebagai pendokong-pendokong Kerajaan mengutarakan sesuatu di dalam ucapan kita yang bercanggah dengan Perlembagaan dan Akta ini tadi.

Saya berharap dengan ini tidak akan berulang peristiwa hitam **ini**. Biarlah sekali ini sahaja kita mencipta sejarah. Dengan adanya coretan-coretan hitam di dalam Penyata Rasmi Dewan Negara yang akan tersimpan di dalam Arkib-arkib kita nanti yang menunjukkan bagaimana Ahli Dewan Negara yang datangnya daripada satu parti komponen yang sama menimbulkan isu-isu yang dengan sendirinya **bercanggah** dengan dasar yang telah diterima bersama itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara ini yang memang ada kaitan dengan Belanjawan ini kerana kita mahukan Belanjawan ini berjalan dengan lancar dan kita tidak mahu kestabilan politik kita tergugat oleh kerana adanya perkara-perkara yang meresahkan hati dan perasaan di antara satu sama lain ini dan saya merasa perlu membawa perhatian kita semua kepada perkara **ini**.

Mengenai Belanjawan bagi tahun 1989 ini telah banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenainya, oleh itu saya hanya mahu menyentuh ataupun mengambil perhatian Dewan ini kepada beberapa perkara sahaja.

Yang pertama ialah mengenai B.1 Parlimen kita ini. Pertama-tamanya saya ingin merakamkan rasa bangga saya kerana usaha-usaha membaikpulihkan Parlimen ini telahpun dijalankan dan kelihatannya cantik sekali sekarang dengan ukuran kayunya yang melambangkan kebudayaan kita dan sebagainya, syabas dan saya merasakan sebagai satu bangunan yang melambangkan kemuliaan sistem berparlimen kita amat wajarlah Parlimen bermuka baru ini. Kecuali satu perkara yang saya ingin tanya dari segi pemerhatian ialah Bangunan Parlimen ini juga mempunyai satu menara dan saya ingin mengetahui apa yang terjadi kepada menara itu sekarang? Saya difahamkan di menara inilah kononnya ada bilik-bilik yang disediakan untuk Ahli-ahli Parlimen sama ada bagi Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara iaitu memberikan kita kesempatan untuk menggunakannya dari segi melakukan penyelidikan ataupun usaha-usaha yang lain. Mula dibaikpulih bangunan ini saya masih ingat saya baru-baru hendak menjadi Senator dahulu dan tempoh saya pun sudah berakhir, saya masih belum tahu sama ada saya mempunyai kemudahan bilik ini dan oleh kerana itu saya ingin membawa perhatian Jabatan ini tentang kedudukan bilik-bilik di menara.

Selain daripada itu, seperkara, lagi yang saya rasa perlu juga diambil perhatian ialah semasa kita membaikpulih Bangunan Parlimen ini adakah kita juga dengan sekaligus memperbaiki dan mengemaskinkan alat-alat dan kemudahan-kemudahan lain untuk kegunaan di Parlimen ini, iaitu seperti penambahan alat-alat komputer ataupun

'word processor', dengan izin, dan alat-alat rakaman yang sedia ada ini ditokok tambah lagi. Saya rasa ini amat penting sekali jika ianya belum dilakukan kerana memandangkan setiap perkara yang kita lakukan di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara perlu mendapat rakaman dan catatan yang terbaik, yang terperinci demi menentukan kelicinan perjalanan persidangan kita.

Seperkara lagi mengenai Parlimen ini, saya suka mengucapkan tahniah atas adanya usaha-usaha pentadbiran baru di Parlimen ini untuk membuat perubahan dan memberikan peluang untuk kemajuan kerjaya Perkhidmatan Parlimen dan saya rasakan usaha-usaha ini sangat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, perubahan ini harus dilihat dalam konteks yang lebih luas, umpamanya dari segi mengubah nama jawatan kepada nama yang lebih sesuai, meningkatkan skim perkhidmatan, kenaikan gred ke tingkatan yang lebih tinggi dan sebagainya. Perkara-perkara ini harus diambil perhatian juga.

Seterusnya masih dengan Parlimen lagi, saya dimaklumkan kaki-tangan Dewan yang bekerja lebih masa sebenarnya hanya menerima pembayaran sebanyak \$4.50 sehari dan kalau kita bersidang sampai pukul 10.00 malam, kalau 11.00 malam pun banyak itu juga saya difahamkan. Jadi oleh kerana memandangkan kadangkala kerja-kerja mereka memang patut kita banggai, patut kita merasa terima kasih, saya ingin membawa perhatian kerana kita membincangkan tentang Belanjawan ini, apalah kiranya bayaran \$4.50 sehari ini untuk kaki-tangan yang bekerja lebih masa di Parlimen ini dipertimbangkan untuk dinaikkan.

Saya rasa sejak 3 tahun saya berada di Dewan ini memang biasalah dalam masa kita membahaskan Belanjawan ini persidangan bertindan-tindih dengan persidangan yang dijalankan di Dewan Rakyat,

iaitu dalam tempoh seminggu dan dalam keadaan yang sedemikian ini kelihatan pada pemerhatian saya timbul satu macam kekecuaan dari segi tugas-tugas yang dijalankan oleh mereka yang harus bertugas di Dewan Negara ini dan juga di Dewan Rakyat. Oleh kerana itu tidak mungkinkah dikhususkan tugas-tugas kakitangan Parlimen ini untuk Dewan Rakyat mahupun untuk Dewan Negara di masa-masa yang tertentu ini supaya tugas-tugas ini tadi dapat menentukan perjalanan tidak terganggu atau tidak menimbulkan masalah-masalah.

Akhirnya mengenai Parlimen juga, saya ingin mengesyorkan supaya dikaji semula Laporan MAMPU mengenai syor-syor bagi menjadikan Perkhidmatan Parlimen sebagai satu model Perkhidmatan Perundangan yang terbaik di negara ini. Kajian ini bukan sahaja bagi membolehkan pengiktirafan terhadap mereka yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun dan memberi latihan dan kursus-kursus yang sesuai dengan kemajuan semasa, tetapi kemajuan ini juga perlu, mempertimbangkan dari segi memberikan peluang, kakitangan-kakitangan, Parlimen ini untuk menyuarakan pandangan mereka melalui saluran Majlis Bersama yang diiktiraf. Ini dari segi kepentingan dan kebajikan bersama.

Beralih kepada B.7 Jabatan Perdana Menteri, saya hanya hendak menyentuh satu perkara sahaja iaitu Penswastaaan. Inipun telah banyak ditimbulkan, telah banyak diperbincang dan diperbahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya hanya sekadar ingin mengambil perhatian Dewan mengenai penswastaaan ini dalam erti kata yang pertamanya saya difahamkan ada pakar-pakar perunding itu telah ditugaskan untuk mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan penswastaaan ini. Apa yang saya ingin penjelasan ialah mengenai siapakah pakar-pakar perunding ini? Adakah input-input daripada

kakitangan Kerajaan atau pegawai-pegawai Kerajaan sendiri di dalam penubuhan pakar perunding itu? Dan di dalam cadangan-cadangan yang dikemukakan ini apakah jenis-jenis keutamaan ataupun 'priority' yang telah dibuat, yang telah dicadangkan dalam usaha-usaha penswastan ini?

Satu lagi ialah dalam usaha-usaha penswastan ini, sepertimana yang telah kita lihat, yang paling mula-mula, yang paling awal diswastakan adalah merupakan syarikat-syarikat besar-besar yang selama ini telah memberikan khidmat-khidmat sosial kepada rakyat. Jadi penjelasan yang saya minta ialah mengenai sama ada telah dicadangkan juga penswastan yang dijalankan secara selari bagi syarikat-syarikat sederhana, terutama sekali syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang banyak sekali sakit tenat pun ada, sakit pun ada dan sebagainya yang mungkin dapat diubah menjadi syarikat-syarikat yang mendatangkan keuntungan jika ianya diswastakan. Jadi selama ini kita tidak pernah dengar lagi tentang usaha-usaha yang mahu dilakukan ke arah ini.

Saya beralih pula kepada B,19 - Kementerian Pertanian. Yang hendak saya sentuh satu sahaja iaitu MARDI. Saya amat bangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh MARDI di dalam penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukannya dan merasa bangga kerana dari satu masa ke satu masa kita mendengarkan perjumpaan-perjumpaan baru, kemajuan yang dicapai dalam bidang-bidang yang diselidiki oleh pihak MARDI ini. Perkara yang mendatangkan sedikit kebimbangan kepada saya ialah kelihatan MARDI terlalu banyak penyelidikan yang dilakukannya yang kadangkala saya merasakan mungkin mengurangkan prestasi pengeluarannya dan kadang-kala mungkin dari segi kakitangan dan pegawainya yang terlibat itu tidak mencukupi dan begitu juga dari segi peruntukan-peruntukan untuk penyelidikan ini.

Sehubungan dengan ini saya ingin mengambil perhatian pihak Kementerian Pertanian sendiri sering kali melakukan kempen-kempen terutama sekali menggalakkan rakyat memakan buah-buahan tempatan dan kita telah juga dinyatakan tentang usaha-usaha gigih di pihak Kerajaan untuk menghasilkan buah-buahan tempatan ini pada peringkat komersial untuk dijual sama ada di dalam negeri dan terutamanya di luar negeri. Jadi, oleh kerana kita telah begitu berjaya di dalam penyelidikan maka saya kira ada baiknya pada peringkat ini, pihak Kemeterian memikirkan supaya satu institusi khas ditubuhkan untuk penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan buah-buahan ini sahaja, memandangkan hasil-hasilnya begitu menggalakkan sekali. Kalau kita boleh berjaya dengan PORIM, kalau kita boleh berjaya dengan RRIM (Rubber Research Institute Malayaia) kita, kalau kita boleh berjaya dengan koko kita umpamanya, dengan kelapa sawit dan

dengan getah kita sudah berjaya, mengapa tidak dengan penyelidikan-penyelidikan, yang khusus ditujukan kepada penghasilan yang lebih baik dalam bidang buah-buahan ini tadi. Kita dengar cerita-cerita sekarang, bukan sahaja cerita dari negeri Thai itu dan memang lumrah kita ceritakan di dalam Dewan ini tentang kebaikan buah-buahan dari Thailand dan sebagainya. Tetapi lebih membimbangkan saya ialah kemajuan peringkat pertanian buah-buahan tropika ini seperti rambutan, manggis malah durian yang dilakukan di Australia yang satu masa nanti kalau kita tidak berhati-hati, durian kita datangnya dari Queensland, Australia. Oleh kerana itu saya rasa sudah tiba masanya pihak Kerajaan, pihak Kementerian Pertanian khususnya, memikirkan tentang kemungkinan menubuhkan institut khas mengenai penyelidikan buah-buahan ini supaya mutu buah-buahan yang kita keluarkan itu boleh setanding dengan mana-mana keluaran di dunia ini sekalipun, bukan sahaja dari Thailand.

Kalau orang Jepun suka makan manggis umpamanya, mesti ada penyelidikan yang khas yang menentukan buah manggis kita baik, buah ciku kita apa kurangnya dengan buah Kiwi (Kiwi fruit) daripada New Zealand, umpamanya. Tetapi adakah penyelidikan-penyelidikan ini dilakukan? Semua ini selalunya dilakukan oleh MARDI, tetapi saya rasa MARDI ini sudah terlalu berat tugas-tugas yang dijalankannya.

Ada dua perkara sahaja lagi yang ingin saya sentuh yang berkaitan dengan Belanjawan ini. Pertamanya, saya merasa bangga dan gembira mendengarkan adanya usaha-usaha menggalakkan syarikat-syarikat multi-national untuk menubuhkan operasi mereka di Kuala Lumpur ataupun di Malaysia ini sendiri. Salah satu cadangan yang

telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah memberikan galakan-galakan cukai bagi menentukan syarikat-syarikat multi-national ini menubuhkan operasinya di negara ini. Ini satu langkah yang saya rasa amat baik tetapi selain daripada itu gaya ingin mengambil perhatian Dewan ini kepada dua perkara lagi yang saya rasa harus juga dipertingkatkan untuk memastikan syarikat-syarikat multi-national ini jika mahu masuk atau mahu menubuhkan operasinya di negara kita untuk berbuat demikian.

Perkara pertama, seperti kita sedia maklum, di dalam dunia perniagaan ini ialah soal komunikasi. Syarikat Telekom kita sudah diswastakan dan oleh kerana itu seharusnya peningkatan dilakukan untuk memudahkan memperbaiki dan memurahkan lagi usaha-usaha komunikasi terutamanya bagi bidang perniagaan ini sebagai salah satu tarikan kepada syarikat-syarikat multi-national ini. Mengapa mereka memilih Singapura, saya difahamkan ini adalah merupakan, salah satu sebabnya iaitu sistem, komunikasinya begitu efficient, begitu murah dan begitu baik. Kenapa tidak kita setandingkan sistem ini dengan yang ada di Malaysia ini.

Perkara kedua, mengenai Belanjawan ini ialah soal cukai keraian yang telah ditarik mengikut Belanjawan yang ada ini. Saya kira alasan-alasan yang diberikan itu munasabah kecuali apa yang saya rasakan lebih baik ialah cukai keraian ini seharusnya tidak ditarik kalau keraian itu dilakukan di Malaysia sendiri. Selalunya bila orang hendak meraikan pelanggan-pelanggannya, ia akan bawa orang-orang ini makan. Jikalau dia ada pelepasan dari segi ini dia akan mempertingkatkan lagi perusahaan-perusahaan restoran kita dan tempat-tempat lain di dalam negara kita sendiri. Jika cukai ini

ditarik bagi keraian-keraian yang dilakukan di luar negeri itu semestinyalah, tetapi kalau ianya di dalam negara kita sendiri, saya rasa ini harus dipertimbangkan kerana dengan tidak langsung ia juga dapat menggalakan dan mempertingkatkan usaha-usaha perniagaan dalam bidang-bidang tertentu yang ada kaitannya dengan keraian ini tadi,

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas keizinan untuk saya turut menbahaskan Rang Undang-undang ini dan saya mohon menyokong.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun.

8.28 mlm.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong dan membahaskan secara ringkas Rang Undang-undang Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tempuh sedikit sebanyak mengenai peruntukan untuk setengah-setengah Kementerian, ingin saya yakin diri saya bahawa Perbekalan ini adalah muktamat dan tidak banyak berubah daripada perlaksanaan sebenarnya kelak. Saya sebut keraguan ini oleh sebab setiap kali kita bersidang ada sahaja peruntukan tambahan dimohon untuk pembayaran yang telahpun dibuat luar dari peruntukan. Oleh sebab ini selalu sangat berlaku, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya mencadangkan supaya setiap peruntukan ditambah tajuk "contingency", dengan izin, untuk perbelanjaan luar jangka, umpamanya, dari jumlah \$13.8 bilion itu kita untukkan 10% sebagai bantuan iaitu sebanyak \$1.38 bilion atau hanya 1% iaitu sebanyak \$138 milion sebagai contingency. Jumlah ini boleh digunakan bila-bila masa kita perlu dengan tidak lagi perlu dibawa ke Dewan ini untuk dibahaskan dan diluluskan kerana kita sudahpun beri "blanket approval", dengan izin.

Peruntukan 'contingency' ini mesti diselaraskan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dengan ini dapatlah kita elak daripada tuduhan bahawa kita telahpun belanja sebelum mendapat kelulusan. Kita minta dahulu baru belanja, bukan belanja dahulu baru minta, mesti approval before spending, dengan izin, ini adalah konsep accounting.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Perbekalan yang dicadangkan ini secara keseluruhannya rasa saya penekanan peruntukan adalah mengambil kira kepentingan rakyat terutamanya dari golongan pendapatan rendah dengan tidak langsung menjejaskan suasana pelaburan sama ada daripada dalam atau luar. Sebaliknya, amat menolong suasana pelaburan dengan penurunan nilai matawang Malaysia berbanding dengan matawang asing. Lagipun, suasana ini adalah membina kerana kita akan mencapai economic growth, dengan izin, iaitu pertumbuhan ekonomi melalui perkembangan pasaran luar untuk barang buatan Malaysia.

Oleh sebab nilai wang kita rendah berbanding dengan nilai wang asing, harga eksport barangan kita menjadi competitive. Dengan ini lebih banyak barang kita dapat dijual di luar negeri. Orang kita sendiri pun akan lebih suka membeli-belah dalam negeri, oleh sebab harga dalam negeri rendah. Dengan ini mengurangkan pengaliran wang kita ke luar negeri. Kesan dari ini juga pelancong kita ke luar negeri di harap akan berkurangan, sebaliknya pelancong dari luar akan lebih suka datang ke negara kita dengan faedah 'price advantage' ini. Dengan ini, wang luar mengalir ke negara kita selain dari faedah penjualan barang tempatan, termasuk bilik-bilik hotel, makanan, handicraft dan lain-lain profitable items, dengan izin, serta lain-lain barang.

Tuan Yang di-Pertua, suatu inovasi dalam Belanjawan ini ialah cadangan VAT (Value Added Tax) yang telah dilaksanakan di setengah negara maju seperti United Kingdom dan Australia. VAT ini adalah adil kerana cukai dikenakan terhadap barang yang kita beli sahaja. Bila kita beli barang, kita bayar cukai, jika kita tidak beli, kita pun tidak bayarlah. Jika VAT dilaksanakan dengan sempurna, pihak pengguna tidak akan tertekan dengan bebanan harga barang-barang keperluan. Dengan ini rakyat biasa tidak akan terjejas, sebaliknya akan berfaedah dari introduksi cukai VAT ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Kerajaan telah juga menurunkan cukai import terhadap setengah-setengah barang dengan bermaksud untuk menurunkan harga barang untuk kepentingan rakyat jelata, maka diharapkan rakyat akan menikmati daripada penurunan cukai import ini dan adalah diharapkan bahawa pihak-pihak peniaga pula tidak mengambil kesempatan dengan tidak menurunkan harga dengan alasan masih banyak lagi stock lama yang belum habis dijual.

Dalam hal ini, saya cadangkan supaya pihak penguatkuasaan mengambil tindakan yang tegas dan saya sarankan juga supaya pihak pengguna pula mengambil inisiatif untuk memberi maklumat kepada pihak Kerajaan sekiranya didapati berlaku penyelewengan eksploitasi dan manipulasi dari pihak peniaga-peniaga. Kejayaan pelaksanaan potongan cukai import ini hanya dapat dinikmati oleh pengguna sekiranya masing-masing bertanggungjawab di atas pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh beberapa hal mengenai setengah-setengah Kementerian yang diperuntukkan perbekalan dan muga-muga dengan pelaksanaan perbekalan itu berkesan dan apa juga short-coming, dengan izin, yang masih ada dan kemungkinan masih akan berkekalan dengan tidak dibaiki. Maka dengan ini, inginlah saya menyebut perkara-perkara yang masih perlu atas perhatian itu.

Yang pertama, Kementerian Pengangkutan. Hal ini kecil tetapi mustahak, iaitu mengenai perkhidmatan teksi di kawasan bandar. Saya cadangkan supaya Kerajaan menekankan lebih mengenai kejujuran pemandu-pemandu teksi. Seringkali kita terdengar mengenai barang-barang yang tertinggal dalam teksi yang tidak dapat balik. Mungkin pihak pemanda sekiranya jujur sekalipun, tidak tahu di mana untuk menyerahkan barang-barang yang tertinggal itu, mungkin di Utusan **Malaysia**, mungkin di **New Straits Times**, Balai Polis dan lain-lain tempat dengan tidak ada satu tempat khas untuk mengumpul barang-barang yang tertinggal supaya dapat dipungut oleh tuannya.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya pihak Kementerian menyediakan dan menguruskan barang-barang tertinggal ini di satu tempat khas supaya dapat dipungut selepas diserahkan oleh pihak pemandu. Ini mungkin memerlukan peruntukan khas supaya satu tempat khas ini dapat, disediakan di setiap negeri dan bandar, mungkin di Pejabat-pejabat RIMV sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian ini juga, saya ingin sentuh mengenai Stesen Keretapi. Kompleks Keretapi telah lama siap diperbesar, diperbaharui dan diindahkannya dengan Moorish stylenya. Saya percaya projek ubahsuai ini telah menelan belanja yang besar, Apa yang saya nampak, Kompleks ini masih belum lagi digunakan dengan sepenuhnya dan hampir diabaikan kegunaannya dan kadangkala dilawati oleh anasir-anasir penagih dadah dan lain-lain. Dengan **ini**, saya berharap pihak Kementerian akan mengambil perhatian supaya Kompleks tersebut diguna untuk tujuan ianya dibina, jika tidak, wang yang dibelanjakan untuk projek tersebut menjadi suatu pembaziran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh juga mengenai MAS dan pengurusan DCA dan perkhidmatannya. Perkara ini juga boleh dianggap sebagai kecil tetapi mustahak. Lapanganterbang Subang ialah pintu masuk dan keluar negara kita. Sebagai pintu masuk, seharusnya kita mesti menunjukkan budaya kita. Di Terminal Satu, didapati sebuah shop iaitu pondok minum yang dilayani oleh seorang berambut panjang, memakai T-Shirt dan seluar Jean. Apoakah ini melambangkan kebudayaan kita? Tidak bolehkah pihak DCA mengenakan syarat pakaian yang lebih sesuai? Terminal yang begitu indah dicemari dengan pakaian seorang yang tidak sesuai. Saya harap ini dapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan. Sebagai seorang Melayu sekiranya tidak boleh menulis dan membaca Jawi, rasa saya belum lagi Melayu. Tetapi, ini nyata sekali sekarang. Adalah harapan saya agar Kerajaan memberi penekanan dalam hal ini dalam Kurikulum Sekolah Rendah sekurang-kurangnya. Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh membaca Jawi bermakna tidak boleh membaca Quran, Saya bukanlah hendak mencadangkan supaya Kerajaan menganjurkan pondok-pondok seperti di kampung-kampung dahulu, tetapi sekiranya ini perlu untuk menggambarkan kebudayaan dan keanutan kita, maka saya rasa tidak salah sebenarnya, memang sepatutnya digalakkan supaya pondok-pondok ini didirikan di kampung-kampung, sekurang-kurangnya untuk anak cucu kita belajar membaca Quran dan menulis Jawi. Peruntukan khas patut diberi untuk tujuan ini supaya guru-guru kampung dapat dilantik untuk mengajar dua bidang yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian ini juga, saya ingin sentuh sekali lagi mengenai terjemahan dari bahasa Inggeris sebagaimana yang saya telahpun sentuh dalam Rang Undang-undang Imigresen.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, "train" (t r a i n) kita telah terjemahkan menjadi "teren" (t e r e n) ataupun "tren" (t r e n.). Saya pun tidak tahu macam mana hendak sebut ini - "teren" atau "tren". "Telefon" (t e l e f o n), banyak di sekolah-sekdolah rendah sekarang ini bila budak-budak balik, dia sebut " telefon". Jadi kita pun tidak tahu mana satu yang betul. Ini disebabkan oleh ejaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tidak apalah, ada orang sebut "talipaun"! [Ketawa] Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Begitu juga saya ada sebut "juvenile" (j u v e n i l e) telah diterjemahkan menjadi "juvana" (j u v a n a) dan berbagai lagi perkataan terutama istilah teknikal ekonomi akaunting, sains dan komputer. Saya sudah sebut dalam Rang Undang-undang Imigresen, "juvana" tidak boleh dieja dengan cepat bunyinya sekiranya dieja dengan Jawi. "Juvana" akan berbunyi "jubana" - jim-wau-ba-alif-nun-alif. Saya bukan pertikai di atas terjemahan, yang menjadi soal ialah bunyi perkataan yang diterjemah itu agar ianya boleh dieja dengan Jawi dan tidak hilang bunyi asalnya dalam ejaan Rumi supaya pembaca Jawi dapat membaca dan menyebut perkataan istilah baru dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, apakah halnya sekiranya seseorang pada satu hari telah menemui perkataan dalam jawi dahulu dan orang ini tidak faham dan mengetahui asal usul perkataan itu itu sebenarnya dari bahasa Inggeris? Contohnya, junava. Bila-bilapun ia akan menyebut juvana dan bila-bila pun ia tidak akan betul sebutan ini, oleh sebab ia tidak membaca rumi yang ejaannya yang sebenar ialah 'Juava' - juvana.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, inginlah saya cadangkan supaya pihak Kementerian memberi panduan kepada pihak-pihak penterjemah Kerajaan dan Dewan Bahasa supaya mengambilkira cadangan saya ini supaya keganjilan tidak berlaku dalam sebutan istilah baru kita.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai simen. Dalam industri ini saya rasa pihak Kerajaan tidak mendapat faedah seperti yang diharapkan dalam keadaan pembangunan sekarang. Pihak pengeluar terpaksa mengeksport simen dengan harga \$4.20 sekampit, sedangkan harga dalam negeri hampir \$9.06 iaitu perbezaan lebih separuh di antara harga eksport dengan harga import, didapati juga kuantiti eksport meningkat dari 98,000 tan pada tahun 1986 kepada 300,000 tan untuk 6 bulan tahun 1988 sahaja, sedangkan kegunaan tempatan tidak berubah dan harga pun tidak berubah. Pihak Kerajaan membenarkan harga eksport sebegini rendah dengan alasan harga hanya untuk memenuhi kehendak industri supaya mencapai tahap break even, dengan izin, sedangkan pihak pasaran tempatan sebenarnya menolong menampung 'fixed cost', dengan izin, operasi kilang-kilang simen. Ini memberi beban kepada pengguna tempatan dan tidak menolong dalam usaha untuk menolong sektor

pembinaan yang sedang tenat sekarang hinggalakan banyak projek-projek terbengkalai. Sepatutnya Kerajaan mesti menolong pihak pemaju dan kontraktor-kontraktor tempatan dengan harga bahan seperti simen yang kompetitif seperti dikenakan untuk eksport. Saya ulangi harga eksport \$4.25 satu beg, harga tempatan \$9.06 bagi satu beg.

Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran Kerajaan ini sudah pun menyebabkan penyelewengan oleh pihak pengeksport (pengimport), didapati simen yang sepatutnya sudah sampai ka destinasiya, umpamanya ke Bangladesh, akhirnya tiba balik ke negara ini dengan harga antara \$4.25 dan \$9.00 iaitu lebih kurang \$6.00 sekampit. Ini menyebabkan menurunnya pasaran untuk simen dari kilang-kilang tempatan oleh sebab harga import (adalah lebih murah), iaitu simen yang sepatutnya keluar dari negara ini, akhirnya sampai balik ke negara ini dengan harga yang lebih murah dari harga jualan tempatan, sedangkan Kerajaan tidak mendapat cukai oleh sebab industri ini rugi, Kerajaan juga diseleweng oleh pengusaha-pengusaha eksport import haram ini.

Saya cadangkan agar Kerajaan mengkaji semula dasar ini dengan memandang lebih berat tentang keadaan industri perumahan dan pembinaan di negara ini. Ini lebih mustahak dari memberi faedah kepada pengimport dari negeri asing.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, saya sentuh sedikit sahaja. Saya ingin menyentuh satu aspek mengenai pakaian. Pada satu ketika dahulu kita banyak berkempen untuk memakai batik. Apa yang saya nampak sekarang wanita-wanita Melayupun - tidak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan - ini tidak suka memakai pakaian batik. Yang anihnya pula

saya dapati banyak pula mudi-mudi Cina dan India yang telah menunjukkan minat memakai baju dan kain batik yang berbelah di tepi. sebagai fesyen yang amat menarik untuk dilihat. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sarankan pihak Kerajaan supaya lebih aktif dalam kempen pakaian batik supaya industri ini mengembang dan maju.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan boleh? Saya hanya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat itu adakah dia hendak menggalakkan pula wanita-wanita kita juga suka memakai kain batik yang berbelah tepi itu? **[Ketawa]**

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Saya serah kepada Yang Berhormatlah untuk menjawabnya. Kalau itu lebih sesuai, saya cadangkan **[Ketawa]**

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya sarankan pihak Kerajaan supaya lebih aktif dalam kempen pakaian batik supaya industri ini mengembang dan maju.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Batik Jawa tak boleh?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Batik juga, tetapi kebanyakan kita ini sudah terlupapun dengan batik Jawa, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tidak masuk bab Belanjawan. Silakan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Jadi inilah saya cadangkan supaya Kerajaan lebih bergiat, lagipun dengan cara ini dapat juga kita menahan dari perkembangan fesyen yang berasaskan dengan kain yang diimport dan juga fesyen yang kita import.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit mengenai 'Entertainment allowance' yang telahpun disebut tadi. Inginlah saya

sokong di atas pemansuhan tuntutan ini untuk tujuan cukai, kerana saya mengetahui sangat bahawa tuntutan keraian ini memang sudah jadi tax shield, dengan izin untuk syarikat-syarikat besar guna untuk mengelak dari membayar cukai selain dari 'depreciation' dengan izin. Kadangkala tuntutan ini memang tidak munasabah dan meragukan, tuntutan keraian ini tidak pernah dibuat secara 'full disclosure' mengikut accounting principle, kerana banyak sangat perbelanjaan yang sulit-sulit, tambang-tambang ke luar negeri, mungkin untuk orang-orang tertentu untuk makan, minum, night-club dan apa sahaja corak keraian untuk merai tetamu tertentu, kadangkala kadar tuntutan untuk keraian ini melebihi perbelanjaan lain, hanya dengan tujuan untuk mengelak cukai pendapatan. Banyak sangat item-item yang disebut sebagai 'not accounted for', dengan izin, kadangkala syarikat-syarikat ini menuntut pelepasan hinggakan syarikat itupun rugi dan terlepas daripada membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, di atas apa yang saya sebut tadi, maka saya amat menyokong di atas tindakan Kementerian supaya tidak membenarkan lagi tuntutan keraian dalam PNL syarikat-syarikat yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal lain, menyentuh Kementerian-kementerian lain, inginlah saya sentuh dengan ringkas sahaja. Yang pertama, untuk Kementerian Pertanian. Saya cadangkan supaya Kerajaan menganjurkan penubuhan crop insurance, dengan izin, untuk memberi cover kepada petani-petani kita yang malang ditimpa bencana alam seringkali.

Yang kedua, mengenai Bangunan Parlimen, yang telahpun disebut oleh Yang Berhormat Puan Mazidah tadi, iaitu berkenaan dengan menara

juga. Saya faham tidak semua ruang digunakan. Dengan ini, saya cadangkan supaya ruang-ruang yang kosong itu digunakan untuk menempatkan jabatan-jabatan seperti Jabatan Perdana Menteri yang banyak sekarang disewa dari swasta. Ini boleh mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dari segi bayaran sewa ruang.

Yang ketiga, mengenai restructuring, dengan izin, Perkhidmatan Awam. Saya ucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan di atas usaha ini dan saya harap perlaksanaannya akan berkesan untuk menyelesaikan pergeseran antara pegawai-pegawai PTD dan PTA dan supaya orang-orang profesyenal pun ada peluang untuk menjadi KSU.

Akhirnya, mengenai Jabatan Perpaduan Negara. Saya harap Jabatan ini memainkan peranan yang lebih berkesan agar isu-isu sampingan seperti kerakyatan, persekolahan, ekonomi, bahasa dan keturunan tidak dibangkitkan hingga mengatasi kepentingan perpaduan kaum. Masing-masing kita ini ada rootnya, dengan izin, 'root' dan marilah kita bersama-sama memahami hakikat ini dan menghormati kepentingan masing-masing. Andainya masing-masing kita ini demi kepentingan perpaduan anggap perlumbaan kita di bidang ekonomi dan kepentingan lain sebagai sifat manusia biasa, maka itulah usaha yang lebih suci murni kerana integrasi kaum sebagai strategi untuk mencapai matlamat bersama adalah lebih berkesan daripada berasingan.

Kalau 'B' dapat projek dikongsikannya dengan 'C' untuk dilaksanakannya kedua-dua 'B' dan 'C' boleh makan dan 'I' pun boleh tumpang. Jika 'C' dapat projek dan 'C' sendiri melaksanakannya, hanya 'C' sahaja yang boleh makan 'B' dan 'I' susah juga. Jadi, dalam hal ini marilah kita bersama-sama berganding bahu 'C' + 'B' + 'I' untuk mendapat 'P' iaitu perpaduan supaya kita bersama-sama dapat mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dengan jaya dan aman tanpa gangguan dari mana pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian dan sekali lagi saya menyokong, terima kasih.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Yang Berhormat Cik Norani binti Haji Beluah.

8.52 mlm.

Cik Norani binti Haji Beluah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan suatu Rang Undang-undang yang saya dapati daripada penerangan yang telah diberikan itu ianya adalah untuk membina, memperkukuhkan kedudukan ekonomi negara ini untuk masa-masa akan datang.

Rakyat telah menyambut baik kerana Belanjawan pada tahun 1989 tidak begitu membebankan rakyat. Belanjawan tahun 1989 penuh meyakinkan kedudukan ekonomi negara ini akan bertambah-tambah baik pada tahun hadapan, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan yang diberikan secara adil dari B.1 hingga B.54 berjumlah \$13,811,393,900, saya mengharapkan perkhidmatan yang sebaik-baiknya akan dapat diberi kepada rakyat sama ada dari segi pembangunan, kemajuan dan kemudahan asas terutama sekali kepada penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita telah merdeka selama 31 tahun rintihan mengenai projek kemudahan asas ke kampung-kampung masih lagi kedengaran hingga ke hari ini. Yang paling sedih dan malang sekali ada kampung-kampung yang jauh ketinggalan yang tidak dapat menikmati walau satu projek kemudahan asas sekali pun.

Oleh yang demikian, perkara ini wajiblah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan, jangan dibiarkan rintihan ini berlarut-larutan kerana hati rakyat perlu dijaga kerana kerjasama dari mereka ini diperlukan apabila tiba masanya kita menghadapi pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah bersetuju akan membuat penyelarasan gaji kepada kakitangan Kerajaan bagi Kumpulan A, B dan C mulai 1hb Januari, 1989. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka yang terlibat dengan kenaikan ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa menghargai jasa-jasa yang telah diberikan oleh setiap kakitangan Kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab. Saya yakin dan percaya dengan kenaikan gaji ini ianya akan jadi pendorong kepada setiap kakitangan yang terlibat untuk bekerja dengan lebih gigih agar pertumbuhan ekonomi negara ini bertambah baik kedudukannya di masa-masa yang akan datang. Bila kedudukan

ekonomi baik, mudahlah pelabur-pelabur asing datang melabur ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kakitangan Kerajaan dapat kenaikan gaji ada rakyat yang masih merasa tertekan, penduduk-penduduk kampung yang pendapatan bulanannya tidak seberapa akan merasa terhimpit kerana golongan peniaga telahpun mula menaikkan harga barangan mereka dari barang-barang makanan hinggalah ke sayur-sayuran, walaupun kita belum lagi menikmati kenaikan gaji tersebut.

Oleh itu saya berharap demi untuk menjaga mereka yang tidak seberapa pendapatannya itu pihak Kerajaan hendaklah mengawasi perkara ini. Lakukanlah apa sahaja bagi memastikan tidak ada berlakunya kenaikan harga barangan keperluan harian. Serbuan hendaklah dibuat ke Kedai-kedai berkenan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Jika ini tidak diatasi yang menderita adalah rakyat jelata yang pendapatannya tidak seberapa, tindakan tegas dari pihak Kerajaan akan menyelamatkan rakyat yang terhimpit dalam keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pulihnya ekonomi negara, kukuhnya kewangan Kerajaan, pembekuan perjawatan Kerajaan telahpun dicairkan semula. Sejumlah 18,700 jawatan kosong yang akan diisi, ini menunjukkan Kerajaan sentiasa berusaha untuk memberi kepuasan hati kepada rakyat kerana dengan pengambilan jawatan-jawatan baru ini akan mengurangkan sedikit pengangguran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kekosongan jawatan ini, inginlah saya mendapat sedikit penjelasan adakah sama ada Bentara-bentara yang bertugas di Parlimen ini mencukupi bilangannya. Kalau sekiranya ianya tidak mencukupi jawatan ini haruslah diisi supaya

agihan tugas akan dapat diberikan sama rata di antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud B.3 Kementerian Kesihatan. Kementerian ini akan mendapat sebanyak 60% dari jumlah jawatan yang akan diisi. Apabila ianya dilaksanakan nanti, saya berharap tidak akan timbul lagi kekurangan Bidan terlatih terutama sekali di rancangan-rancangan FELDA dan juga kampung-kampung pendalaman. Saya juga ingin merayu kepada Kementerian Kesihatan agar dapat mengalihkan pandangan ke Negeri Pahang Darulmakmur. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, walaupun Negeri Pahang ini makmur, tetapi kami masih lagi perlukan bantuan dan perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua daerah dalam Negeri Pahang Darulmakmur buat masa ini masih belum lagi mempunyai bangunan hospital iaitu daerah Maran dan daerah Rompin kerana keduanya baru sahaja diisytiharkan menjadi sebuah daerah baru-baru ini, oleh kerana hospital merupakan sesuatu yang amat diperlukan di harap pihak Kementerian akan dapat menimbangkan agar kedua-dua daerah ini diperuntukkan sebuah bangunan hospital yang serba lengkap dan moden. Saya juga berharap sebelum hospital dapat dibina di harap pihak Kementerian akan dapat mempertingkatkan kelengkapan perubatan yang diperlukan di pusat-pusat kesihatan bagi kedua-dua daerah ini agar ianya dapat memberikan perkhidmatan sebaik-baiknya kepada rakyat. Terutama sekali jika ada pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan segera sebelum dihantar ke hospital yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh keadaan Hospital Daerah Mentakab, perhatikan bangunan wad-wad hospital ini perlulah diubahsuaikan atau dibuatkan bangunan tambahan kerana keadaan di dalam wad-wad ini terlalu, terutama sekali wad 8 di mana pesakit-pesakit wanita ditempatkan oleh kerana terlalu ramai pesakit

keadaannya begitu sempit sekali, sampai lorong tengah pun terpaksa dibubuh katil.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Hospital Daerah Mentakab ini terpaksa menampung pesakit-pesakit dari Temerloh, Maran dan juga dari tempat-tempat yang berhampiran terutama dari rancangan-rancangan FELDA. Oleh itu perkara ini harap mendapat pertimbangan-pihak Kementerian, jika ongkos untuk membina yang baru terlalu tinggi memadailah wad-wad yang ada itu diubahsuai agar keselesaan dapat dirasakan oleh pesakit-pesakit yang ditempatkan di situ.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Maksud **B.54** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya ingin menyentuh mengenai pemaju-pemaju masyarakat (KEMAS). Pemaju-pemaju masyarakat ini secara langsung dan tidak langsung adalah merupakan orang yang bertanggungjawab mengenai pembangunan dan peningkatan pemikiran kemahiran penduduk-penduduk kampung di samping tugas mereka dengan masyarakat. Mereka juga dipertanggungjawabkan mengenai kedudukan politik bagi kawasan masing-masing. Oleh kerana pada pendapat saya tugas yang dilakukan itu begitu mencabar sekali. Saya ingin menyarankan supaya pemaju-pemaju masyarakat ini jika boleh hendaklah diserapkan ke jawatan tetap dan berpencen jika ianya sesuai untuk diserapkan.

Jika tidak, saya mencadangkan agar pemaju-pemaju masyarakat ini terutama sekali guru-guru kelas bimbingan kanak-kanak yang terpaksa bekerja dari jam 8.00 pagi sampai 4.30 petang selama lima hari seminggu kadang-kadang terpaksa mengajar dua kelas, di tempat sayalah yang saya maklumkan. Sebelah petang membuat kerja-kerja susulan dan kerja-kerja parti khususnya parti UMNO, hendaklah diberi ganjaran yang seimbang dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Jika penyelia KEMAS mendapat ganjaran \$1,000 sebulan, pada pendapat saya, apalah salah kiranya dalam keadaan ekonomi kita bertambah baik ini pemaju-pemaju masyarakat diberi separuh daripada ganjaran yang didapati oleh Penyelia KEMAS itu sebanyak \$500 sebulan kerana pada pendapat saya kadang-kadang pemaju-pemaju masyarakat itu lebih berat tugasnya daripada penyelia KEMAS itu sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi kita bertambah baik, kukuh untuk tahun-tahun akan datang, perpaduan kaum di negara ini hendaklah dijaga supaya ianya sentiasa wujud dan tidak ada perpecahan berlaku. Semua kaum harus selalu bekerjasama antara satu dengan lain, tanamkan sifat cintakiawanan yang benar-benar jitu di hati kita. Kita akan bekerja sama-sama dan bersungguh-sungguh demi kesetiaan kita kepada Raja dan Negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan 1989. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

9.02 mlm.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Sebelum saya teruskan

ucapan saya ini, saya mohon izin untuk menggunakan perkataan-perkataan dan kalimah-kalimah bahasa Inggeris dari masa ke semasa bagi tujuan pekenanan dan ketepatan maksud.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Hassan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan kita kerana telah membentangkan Anggaran Belanjawan negara bagi tahun 1989 yang bukan sahaja menunjukkan bahawa ekonomi negara telah pulih tetapi juga kepekaan Kerajaan kepada perkembangan semasa dalam pengurusan ekonomi dan aspirasi rakyat. Semenjak Yang Berhormat Datuk Paduka Daim mengambil alih Kementerian Kewangan pada 1984 pembentangan Belanjawan tahun ini yang paling mengembirakan semua pihak. Bahkan saya rasa Yang Berhormat Datuk Paduka juga turut gembira. Kalau tiga tahun kebelakangan ini merupakan tahun-tahun hitam dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi negara kerana dilanda oleh taufan resesi, Menteri Kewangan kita merupakan kapten kapal ekonomi negara yang berani mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan perlu untuk mengharungi ombak resesi yang kencang itu.

Dalam keadaan ramai meragui kebolehan, keupayaan dan integriti Yang Berhormat Datuk Paduka Daim untuk menerajui pengurusan ekonomi negara, beliau telah menunjukkan dan membuktikan dengan cara senyap-senyap tanpa form dan funfare untuk tackle the Malaysian economy by the horns. Beliau telah menghadapi banyak masalah dalam menguruskan ekonomi negara. Tetapi beliau telah menghadapinya satu demi satu secara langsung dan berdepan.

Pertama, beliau terpaksa mengatasi masalah BMF yang berpunca dari pengkhianatan dan tamak haloba oleh segelintir elit Melayu yang diamanahkan dengan harta negara. Kemudiannya beliau pula terpaksa berdepan dengan masalah kaum Cina mengenai koperasi jimat-cermat, 'deposit taking cooperatives' yang diseleweng dan ditipu oleh golongan elit Cina pula. Puluhan ribu manusia kaum Cina menjadi

mangsa pemimpin-pemimpin mereka sendiri. Selepas itu beliau pula berdepan dengan penyelewengan dan salah pengurusan dalam Bank-bank Commercial seperti Perwira Habib Bank, UAB, CCB. Dan selepas itu masalah industri insurans pula dan dengan tegas dan berani beliau mengambil tindakan. Dan akhir-akhir ini pula berdepan pula dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan bumiputera yang ribuan telah diisytiharkan muflis. Dan kerana keberanian dan kesanggupan pihak Kerajaan diamanahkan oleh Kerajaan kepada Yang Berhormat Datuk Paduka Daim untuk menyelesaikan, kami rasa bangga dengan tindakan-tindakan yang telah diambil. Tindakan-tindakan di atas adalah merupakan hanya beberapa langkah yang berani tetapi mungkin tidak popular yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan rakyat dan dunia kepada kesungguhan dan kebolehan Kerajaan Malaysia mengurus dan mengendalikan ekonomi negara dengan bijaksana dan berkesan dalam sebarang keadaan dan situasi yang mencabar.

Selain daripada tindakan-tindakan seperti saya sebut di atas, Kerajaan juga telah mengambil sikap yang berani dan tegas membetulkan agensi-agensi Kerajaan seperti projek-projek HICOM, Kereta Nasional, kilang besi waja di Terengganu dan kilang-kilang simen Kerajaan, di mana terdapat kesalahan atau kepincangan diakui secara terbuka dan langkah pembetulan diambil segera dengan berani. Bahkan dalam masa 3 tahun kebelakangan ini Kerajaan Malaysia cuba dengan sedaya-upaya untuk hidup berdasarkan kepada kemampuan negara, *to live within our own means*. Kenaikan gaji dibeku, pengambilan kakitangan dibeku, perbelanjaan tidak wajib diberhenti

atau ditangguhkan. Malahan subsidi-subsidi untuk rakyat, biasiswa dan macam-macam bantuan untuk rakyat ditangguh atau ditiadakan langsung. Bahkan projek-projek pembangunan dikurangkan secara drastik yang membawa kesan yang amat mendalam kepada rakyat terutamanya kaum bumiputera. Tindakan ini tidak popular. Malahan tindakan ini adalah politikal suicidal, terutama kepada pemimpin Melayu yang sedang menerajui Kerajaan sekarang. Tetapi malang, dalam keadaan negara kita sedang menghadapi berbagai masalah dan cabaran, ada di antara pemimpin kita mengambil kesempatan untuk menidak-nidakkan usaha Kerajaan yang berani ini. Malahan ada rakan-rakan kita dalam Dewan ini sendiri sama ada secara terang-terang atau kerana niat mencari populariti yang saya rasa tidak bijak, sanggup menuduh pemimpin-pemimpin Melayu melakukan tidak adil dan mengabaikan kepentingan dan hak kaum-kaum bukan Melayu. Tuduhan secara terang-terangan dan melulu ini tanpa mengambil kira realiti politik tanahair sekarang adalah dikesali dan mengecewakan. Secara logiknya apakah perlu Kerajaan rick statik negara? Dengan scenario politik dan ekonomi sekarang ini adalah tidak menasabah.

Dasar Ekonomi Baru akan tamat pada 1990, sedangkan harapan orang Melayu masih tinggi memuncak mengharapakan dasar ekonomi itu mencapai matlamatnya. Perpaduan orang Melayu di saat ini sedang menghadapi cabaran yang amat besar. Ramai pemimpin Melayu yang dahulu dalam Kerajaan yang sekarang menjadi penentang. Apakah dalam keadaan ini pemimpin-pemimpin Melayu yang ada dalam Kerajaan sekarang sanggup mengakui kelemahan-kelemahannya dengan risiko kemungkinan diserang oleh musuh-musuh? Apabila pemimpin-pemimpin Melayu mengakui bahawa sasaran Dasar Ekonomi Baru baru tercapai hanya 18% apakah ini usaha untuk menyembunyikan penyampaian yang sebenar yang lebih tinggi sepertimana yang dituduh oleh kaum tertentu sebagai satu usaha terancam untuk manipulasi dan memutarbelitkan statistik untuk tujuan mengabui dan menipu kaum yang lain di Malaysia?

Kalaulah ini benar adalah suatu langkah yang amat berani dengan risiko kemarahan rakyat Melayu yang mungkin menyebabkan kehilangan keyakinan dan kepercayaan justeru kuasa. Usaha yang tidak putus-putus untuk memulihkan ekonomi negara bukan sekadar merawati bahagian-bahagian yang sakit, tetapi juga terlibat dengan tindakan-tindakan yang drastik seperti kalau diumpamakan pesakit yang perlu pembedahan dibedahkan, yang perlu pembedahan dipotongkan.

Langkah-langkah ini tercermin dalam dasar penswastaan, pengurangan kos operasi Kerajaan dan lain-lain tindakan lagi. Usaha ini ternyata dalam strategi Belanjawan 1989. Strategi-strategi yang digunakan dalam Belanjawan 1989 menekankan penyusunan semula sistem cukai negara, penggalakkan pelaburan swasta dari dalam dan luar negeri dan mengurangkan kos kendalian Kerajaan. Umumnya, strategi ini memperlihatkan usaha Kerajaan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi yang lebih bebas menerusi tindakan deregulation.

Arus yang baru ini sudah pasti akan menjadi asas perancangan ekonomi negara di masa depan. Sebab apabila sesuatu yang fundamental diubah, ianya tidak boleh ditukar atau diubah pula dengan sekelip mata. Dasar ekonomi yang lebih bebas sudah tentu berandaian bahawa pertumbuhan ekonomi negara akan dikepalai oleh para pelabur sama ada dari luar ataupun dari dalam negeri.

Seperti mana semua pihak sedia maklum, para pelabur majoritinya adalah terdiri dari kalangan bukan bumiputera. Dengan kata lain, pertumbuhan ekonomi masa depan bergantung kepada pelaburan bukan bumiputera. Kerajaan membuat dasar ini secara sedar dan terancang. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang terlalu emotional dengan penglihatan yang sempit sudah tentu tidak

akan dapat melihat dan appreciate perubahan dasar ekonomi negara secara radikal yang sudah tentu akan menguntungkan kaum bukan bumiputera, malahan ini adalah satu pengiktirafan betapa pentingnya kaum bukan bumiputera dalam perkembangan ekonomi negara. Sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari parti komponen memahami bahawa Kerajaan telah membuka luas peluang kepada kaum-kaum lain untuk menyertai dengan lebih cergas dalam aktiviti ekonomi negara.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dari MCA adalah dinasihatkan supaya jangan cuba melihat skeleton in the cupboard, dengan izin, tetapi meneliti Belanjawan 1989 dan mencari tanda-tanda dan petunjuk-petunjuk arah perkembangan dan pengurusan ekonomi negara. Sepatutnya mereka gembira dan berterima kasih kepada Kerajaan, terutama Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Paduka Daim dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana mengambil tindakan-tindakan yang radikal lagi berani untuk kebaikan semua pihak. Bahkan sebagai seorang Ahli Senate Melayu, yang datang pula dari negeri termiskin, Kelantan, di mana banyak kampung-kampung tradisional yang bertaburan tanpa apa-apa kemudahan asas seperti yang dinikmati di kampung-kampung baru. Kampung-kampung terpencil itu sukar untuk diberikan kemudahan asas, malahan kosnya amat tinggi, tetapi rakyatnya sabar. Mereka sanggup menunggu dan mereka setia kepada Kerajaan.

Belanjawan tahun ini bukan Belanjawan semata-mata untuk rakyat luar bandar. Ini adalah Belanjawan untuk para saudagar, para pelabur, para pengusaha, para peniaga. Dengan lain perkataan untuk orang bukan Melayu, khususnya kaum Cina. Orang Melayu dalam konteks Belanjawan ini berharap kepada Kerajaan dan institusi Kerajaan

sahaja untuk menjaga kepentingan mereka. Usahawan individu Melayu tidak ramai, malahan tidak ada sekarang kerana kemelesetan ekonomi. Maka pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan, kalau mengikut strategi yang baru ini bergantung, kalau dalam negeri kepada usahawan-usahawan bukan Melayu. Dengan lain perkataan, kaum Cina. Ini adalah satu pengiktirafan yang nyata oleh Kerajaan dan kaum Cina sepatutnya berasa bangga di atas pengiktirafan yang telah diberikan oleh Kerajaan yang kita sama-sama sokong.

Orang Melayu hanya berharap dan berdoa agar para pelabur yang hampir semua bukan Melayu itu akan dapat menghasilkan peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan sebahagian darinya akan terbuka kepada penganggur-penganggur bumiputera tetapi dari segi ekuiti, pengurusan dan lain-lain dalam perluasan baru ini tidak menguntungkan kaum Melayu, saya rasa, malahan strategi ini akan membantutkan usaha penyusunan semula masyarakat, mungkin kalau tidak dijaga negate, dengan izin, pencapaian kaum bumiputera setakat ini.

Walaupun dalam anggaran 1989, Yang Berhormat Menteri Kewangan menyatakan \$15 billion telah diperuntukkan kepada sektor luar bandar. Kesan perbelanjaan itu kepada pendapatan rakyat individu di luar bandar belum tentu lagi sampai kepada mereka sebab dalam pelaksanaannya keupayaan kaum bumiputera untuk mengambil kesempatan perbelanjaan itu amatlah sedikit memandangkan keadaan sekarang. Secara kolektif mungkin mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan seperti bekalan air, elektrik, perkhidmatan kesihatan dan lain-lain yang lebih baik dan meningkatkan kualiti penghidupan mereka, tetapi ini bukan bererti jurang taraf hidup di antara mereka dengan kaum-kauma lain di bandar dan kampung-kampung baru akan lebih rapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang strategi ekonomi sekarang yang menitik-beratkan pertumbuhan lebih dari pengagihan harta negara ini akan akhirnya mungkin mengembalikan kita kepada keadaan pre-DEB, balik ke zaman sebelum Dasar Ekonomi Baru. Strategi sekarang lebih mirip kepada strategi pembangunan zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Strategi era Tunku Abdul Rahman hanya menguntungkan segelintir kaum atasan, terutamanya kaum Cina, rakyat tidak puas hati bahkan rakyat marah, maka tercetus tragedi Mei 13. Kita hampir hilang kuasa. Dasar sosio-ekonomi pentadbiran Tunku Abdul Rahman adalah menyebabkan tragedi itu. Dasar Ekonomi Baru diilhamkan untuk membetulkan kesilapan rancangan ekonomi semasa Tunku Abdul Rahman. DEB telah menimbulkan pengharapan yang tinggi di kalangan semua rakyat. Ia memberikan keyakinan baru kepada kaum bumiputera. Kita merasa yakin kerana Dasar Ekonomi Baru. Janganlah rombak keinsafan dan keyakinan itu dengan mengembalikan langkah-langkah yang menguntungkan kita dalam jangka masa yang pendek sahaja. Kita mesti fikirkan kesan-kesan jangka panjang.

Dalam hendak menawan hati rakyat janganlah pula kita hidup beyond our means seperti di bawah pentadbiran Hussein Onn dan di bawah Menteri Kewangan sebelum ini.

Dari tahun 1976 hingga 1984 iaitu sebelum Menteri Kewangan sekarang \$19 billion telah dipinjam dan di antara tahun 1981-1984 purata Malaysia berhutang sebanyak 34,1 billion tiap-tiap tahun berbanding dengan \$1 billion sahaja di bawah Menteri Kewangan sekarang. Malah pada tahun 1987-1988 Malaysia berjaya membayar balik hutang lebih daripada \$5 billion. Sungguh pun begitu beban hutang negara sangatlah menakutkan dan adalah diharapkan supaya usaha untuk berjimat cermat dan hidup mengikut kemampuan ini diteruskan.

Ada lebih baik dan menguntungkan sekiranya 'kita melatih rakyat kita supaya jangan mengharapkan kepada bantuan dan usaha Kerajaan semata-mata untuk maju. Oleh itu seruan Kerajaan kepada rakyat sekarang supaya berdikari serta hapus mentaliti subsidi derai maruah bangsa adalah tepat pada masanya. Rakyat hendaklah dididik dan dilatih supaya tnengharap kepada Kerajaan secara padan-padan sahaja. Dasar Kerajaan hendaklah ada perimbangan di antara memberi dan membantu supaya ciri-ciri dan sifat-sifat menggalakkan jiwa berdikari di kalangan rakyat. Oleh itu Kerajaan adalah digesa supaya mengkaji strategi ekonomi negara dalam konteks sejarah pembangunan dan perkembangan ekonomi sejak hari merdeka. Kita tidak mahu sejarah berulang. Adalah baik kita ingat pesanan George Santiana

"Those who do not learn from history are condemned to repeat it."
Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia adalah penting perancangan yang peka kepada aspirasi rakyat diambil berat.

Dalam hal ini para ahli ekonomi jangan sangka dan mengharap dengan pertumbuhan sahaja masalah pembahagian harta negara akan berlaku secara automatik. Pembesaran kek negara bukan bererti boleh dimakan oleh semua orang terutama sekali orang miskin kerana mungkin itu harga mahal. Hanya orang kaya akan menikmatinya. Oleh itu strategi pembangunan negara hendaklah ada perimbangan di antara pertumbuhan dengan pengagihan.

Pengagihan yang adil dan saksama akan hanya berlaku melalui proses pembahagian yang deliberate tetapi adil. Ini adalah social engineering yang mesti dilakukan secara berani. Growth without planned, distribution of wealth is like nurturing cancer in our body politic. There must be, a balance between growth and the demand of-wealth distribution.

Kepada Menteri Kewangan, saya ingin menyatakan bahawa beliau telah berjaya membawa dan meletakkan kita di dalam prospektif yang betul mengenai perancangan dan pengurusan ekonomi negara. Oleh itu jangan gentar untuk teruskan apa yang perlu untuk negara dan rakyat. Do whatever is necessary. Kami di belakang Yang Berhormat Menteri Kewangan..

Dengan kata-kata di atas, saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1989. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin. Sudah awal-awal berdiri **[Ketawa]**.

9.24 mlm.

Puan Rokiah binti Zainuddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perkhidmatan 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan tahun itu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan yang berjaya membenteng satu belanjawan yang diterima baik oleh rakyat jelata semua. Yang sebenarnya tidak senang atau mudah untuk memuaskan hati semua golongan rakyat di negara ini. Namun begitu, Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan kebijaksanaannya telah dapat menjalankan tanggungjawab untuk membawa ekonomi negara ke ambang kejayaan dengan sinar harapan yang cerah untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan pergi kepada perkara B.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Semenjak Kementerian ini wujud banyak telah diusaha untuk menarik perlancong dari luar dan dalam negeri. Saya rakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang telah mempelbagaikan usaha mereka dengan gigih untuk mengenalkan Malaysia ke mata dunia.

Saya cuma ingin menarik perhatian Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan tentang Pemandu-pemandu Pelancong yang dilatih oleh Kementerian untuk memandu pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri ke tempat-tempat yang menarik di samping menceritakan sejarah tempat-tempat tersebut. Apa yang hendak saya katakan ialah mereka

ini hendaklah diberi latihan yang cukup bukan sahaja supaya dapat memandu dan mencerita sejarah tempat-tempat yang menarik tetapi hendaklah diawasi agar mereka tidak memberi fakta-fakta atau maklumat-maklumat salah berkaitan dengan negara kita kepada pelancong-pelancong luar negeri kerana pelancong-pelancong dari luar negeri bukan sahaja datang untuk melancong tetapi ada juga "sambil menyelam minum air."

Fakta-fakta yang tidak betul boleh dijadikan bahan berita yang tidak sihat atau dieksploitasikan bila mereka pulang ke tanahair mereka. Dari itu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah berhati-hati semasa memberi sijil kelulusan kepada Pemandu Pelancong. Ketaatan dan kesetiaan kepada negara hendaklah dijadikan salah satu ciri dan ujian kepada Pemandu-pemandu Pelancong ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah dicakap oleh rakan-rakan saya berkenaan dengan kegiatan Al-Arqam. Saya hanya ingin menyentuh berkenaan dengan pengisytiharan ajarannya sebagai menyeleweng yang tidak dijalankan serentak dengan penerbitan permit mencetak risalah-risalah dan majalah-majalah Al-Arqam oleh Kementerian Dalam Negeri. Kelewatan tersebut telah menjadi tanda-tanya kepada orang-orang kampung, orang ramai, yang banyak telah mengikuti perkembangan Al-Arqam ini. Pemimpin Al-Arqam telah menggunakan majalah dan risalah-risalah yang dihantar kepada kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan orangramai untuk menghentam Kerajaan dan Ulamak-ulamak yang mengatakan bahawa Tarikat Aurat Muhammadiyah itu menyeleweng. Mereka juga telah menuduh Kerajaan gentar atau takut

dengan kemaraan Islam di bawah kepimpinan Sheikhul Al-Arqam itu.

Kita amat sedih mendengarkan orang-orang kampung bertanya dan tercari-cari penyelesaian kerana Kerajaan mengisytiharkan pengajaran Al-Arqam menyeleweng tetapi masih ada Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri menyatakan bahawa dia tidak menyaleweng. Ini juga satu kecuaiian Kerajaan kerana menunjukkan tidak wujud penyelewengan dalam tindakan Kerajaan. Kita sangat-sangat berharap Kerajaan hendaklah teliti dan berhati-hati dalam tindakan tegas dalam hal yang demikian ini kerana pemimpin-pemimpin Al-Arqam masih menjalankan aktiviti dan syarahan-syarahan mereka dan juga masih ada buku-buku keluaran Al-Arqam di pasaran. Orang ramai yang kurang mendalami pengetahuan agamanya mudah diseleweng oleh pemimpin-pemimpin Al-Arqam ini dengan alasan-alasan tertentu. Dari itu saya berharap Kerajaan akan mengintip dan mengikuti langkah-langkah pemimpin-pemimpin ini dan hendaklah memastikan buku-buku ajaran Al-Arqam tidak lagi dijual di pasaran sepertimana yang boleh kita dapati pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hairan kenapa suratkhbar Watan dan Harakah masih dibenarkan menjalankan perniagaan mereka padahal jelas mereka menghentam Kerajaan dan membangkitkan kebencian terhadap Kerajaan. Penyelewengan fakta-fakta sebenarnya dan sengaja membangkitkan perasaan tidak senang di kalangan rakyat jelata wujud. Watan dan Harakah sentiasa menghentam dan mencela dasar Kerajaan.

Pada dua hari yang lalu kalau tidak salah saya, Harakah telah pula memberi gambaran berat sebelah berkaitan dengan usul bagi meminda Akta Pertubuhan 1966 yang bertujuan menghidupkan semula UMNO lama yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Gua Musang. Harakah tidak sedikitpun menulis bahawa usul tersebut yang disokong oleh 35 orang Ahli Parlimen yang terdiri dari gabungan ahli-ahli Bebas dan DAP. Maklumat ini sengaja tidak dicatit kerana tidak mahu membangkitkan kemarahan orang Melayu di atas kerjasama yang tidak secocok dan tidak seperti yang dilaung-laungkan oleh Semangat 46. Harakah cuba menutup kerjasama yang tidak sihat ini yang mana Harakah yakin boleh menjejaskan imej Semangat 46 di mata orang-orang Melayu. Sebaliknya, ucapan-ucapan oleh pemimpin-pemimpin Semangat 46 diperbesar-besarkan sambil membangkitkan samangat marah atau benci kepada Kerajaan.

Saya berharap Kerajaan akan menyemak balik permit mereka dan kalau boleh ditarikbalik permit mereka supaya mereka tidak meracuni pemikiran rakyat di negara kita. Kita tidak mahu menggadai atau menjudi keselamatan, kemakmuran, perpaduan rakyat di negara ini

semata-mata kerana kita tidak mahu dituduh bahawa kita tidak ada kebebasan bersuara di negara kita. Apa ertinya kebebasan bersuara jika perpaduan, keharmonian, keselamatan rakyat tercemar atau tergadai?

Tuan Yang di-Pertua, untuk melentur buluh hendaklah semasa rebungnya, ertinya hendak melatih atau mendisiplinkan manusia adalah pada masa mudanya. Dari itu kita hendaklah menyemaikan minat membaca kepada rakyat di negara ini pada peringkat umur kanak-kanak di sekolah lagi. Apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah kekurangan Guru-guru Perpustakaan di sekolah-sekolah rendah, terutama di luar-luar bandar. Kalau ada pun Guru Perpustakaan ini mereka terpaksa menjalankan tugas yang lain seperti mengajar mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. Ini menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan sepenuh masa kepada membimbing kanak-kanak bagi membina minat dan memilih buku-buku yang sesuai dengan peringkat umur masing-masing.

Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan untuk melatih lebih ramai Guru Perpustakaan ini dan mereka hendaklah diberi tugas khas untuk menjaga perpustakaan sekolah sahaja. Saya juga berharap bilik darjah yang diubahsuai menjadi bilik perpustakaan hendaklah selesa dan mempunyai suasana membaca. Pada masa sekarang, perpustakaan sekolah adalah kecil dan tidak selesa, atas dengan izin, tidak timbul "mood" membaca langsung, terutama sekali sekolah-sekolah di luar bandar. Saya berharap Kementerian Pendidikan akan menambah peruntukan bagi projek di atas untuk menambah bahan-bahan bacaan yang sesuai, mengadakan Guru Perpustakaan yang terlatih dan menyediakan tempat membaca yang sesuai. Begitulah juga di sekolah-sekolah menengah. Kita berharap kanak-kanak di luar

bandar dapat disemaikan minat membaca yang akan menjadi kunci kepada pintu pengetahuan yang mana dapat membantu kecerdasan kanak-kanak di luar bandar menjadi setanding dengan kanak-kanak di dalam bandar.

Bagi perpustakaan awam pula, Kerajaan hendaklah memberi peruntukan yang cukup supaya dapat dibina bangunan perpustakaan yang setanding dengan kehendak zaman sekarang lengkap dengan alat komputer dan juga kakitangan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan perpustakaan awam di Alor Setar, Kedah masih berkurangan kakitangan untuk menampung jumlah pembaca yang meningkat. Saya ingin menyarankan agar perpustakaan awam dibuka pada hari cuti umum supaya dapat memberi peluang kepada pembaca-pembaca mengunjunginya. Pada masa sekarang bila hari cuti umum, perpustakaan awam ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Syarikat Telekom Malaysia yang diswastakan. Kerajaan menswastakan Telekom dengan harapan dapat meringankan beban Kerajaan dan boleh memberikan perkhidmatan yang baik kepada pengguna-pengguna. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana banyak rungutan dari orang ramai semenjak STM mengambil alih. Perkhidmatan STM tidak seperti yang diharap-harapkan. Saya tidak tahu di negeri lain tetapi di Kedah, sering line telefon rosak, kadang-kadang tidak kedengaran bunyi apa-apa, bisu langsung. Bila dilaporkan, Telekom kata line sedang diperbaiki. Dua tiga hari elok kemudian bila ada hari hujan, telefon kita berbunyi macam kita bercakap dalam tempayan, bergaung. Kadang-kadang bunyi macam cengkerik sedang bersidang, bising. Jadi, di mana yang dikatakan penswastan itu

baik? Kita berharap STM kenalah berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik daripada sebelum ia diswastakan. Jangan pula tegas dalam kelewatan menjelaskan bayaran bil telefon sahaja tetapi perkhidmatan STM tidak diawasi dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkaitan LLN pula. Berlaku satu kejadian di mana tuanrumah setelah balik dari bertugas di luar bandar mendapati rumahnya telah dipotong bekalan kuasa elektrik. Tuanrumah tersebut telah terpaksa tidur tanpa lampu elektrik bersama dengan nyamuk pada malam itu. Ini berlaku kerana tuan rumah yang tiada di rumah semasa pekerja LLN datang untuk memotong lampu. Tuanrumah tersebut bukan tiada wang atau ongkos untuk membayar bil elektrik, tetapi oleh sebab dia sentiasa berurusan di bandar-bandar lain atau ke luar negeri semasa pembaca meter datang, pekerja-pekerja LLN mendapatkan kunci rumah tersebut dari jiran sebelah yang ditinggalkan oleh tuanrumah. Yang menjadi masalah tuanrumah pula ialah oleh sebab beliau kerap keluar bandar, pembaca meter akan agak-agak sahaja pembacaan meter bagi rumah tersebut dan setelah kejadian pemotongan berlaku, pembaca meter mendapati bahawa mereka telah membaca meter terlebih dan tuanrumah telahpun menjelaskan bayaran lebih, dan sepatutnya pemotongan kuasa elektrik tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, adakah pembaca-pembaca meter berhak dapat kunci dari jiran sebelah untuk membuat pemotongan? Kes yang seperti ini iaitu rumah sering ditinggalkan dan pembacaan meter tidak boleh dijalankan dengan betul, bolehkah LLN menetapkan tarikh pembacaan

meter kepada pengguna-pengguna supaya perkara sebegini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat Malaysia hidup aman, makmur, saling hormat menghormati dengan keadaan ekonomi yang beransur pulih dan menikmati kestabilan politik yang kukuh. Saya menyeru kepada rakan-rakan kita yang berada di dalam komponen Barisan Nasional yang sedang menikmati cara hidup yang aman damai ini, marilah kita memelihara apa yang kita sama-sama rasai ini supaya kekal bersama kita selama-lamanya. Janganlah kita gadaikan apa yang kita nikmati ini semata-mata kerana ada perkara-perkara yang kita rasa kita diabaikan, pada hal ada tempat yang boleh kita sama-sama berbincang dan berunding dengan tidak menyentuh hati nurani rakan-rakan kita. Marilah kita saling menghormati di antara satu sama lain supaya kita dapat hidup bahu membahu, tolong menolong aman bahagia seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya sumbangkan dalam perbincangan Belanjawan ini kerana banyak telah, di sentuh oleh rakan-rakan saya dengan harapan apa yang telah disarankan oleh saya dan rakan-rakan akan mendapat perhatian.

Dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Syed Hamid.

9.40mlm.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1989 dan saya juga mengambil kesempatan di sini menyokong supaya Akta yang berkenaan diterima dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu telah mendapat sokongan dan telah diterima oleh semua lapisan rakyat yang berada di dalam negara kita ini. Sungguhpun Kerajaan telah berusaha dan berjaya memberi segala kemudahan dan bantuan kepada semua lapisan rakyat dengan tidak mengira keturunan, bangsa dan agama yang dianuti, namun demikian tentulah terdapat sedikit sebanyak kekurangan yang tidak dapat dielakkan. Tetapi apa yang memusykilkan kita ialah masih terdapat suara-suara yang sumbang yang sentiasa membangkit-bangkitkan soal-soal di atas perkara-perkara yang telah diputuskan oleh kita bersama mengenai pelajaran, bahasa dan keistimewaan yang telah diberikan kepada kaum bumiputera sedangkan Kerajaan telah memberi segala kemudahan dan bantuan bagi semua kaum mempelajari bahasa ibundanya sendiri serta diberi peluang-peluang yang sama untuk menikmati kekayaan yang ada di dalam negara kita ini. Ketidakpuasan hati oleh pihak-pihak yang berkenaan sangat-sangat dikesalkan.

Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan, soal taat setia yang tidak berbelah bagi tidak dititikberatkan malahan dipandang begitu ringan sahaja. Oleh yang demikian saya berharap supaya perkara-perkara yang seumpama itu janganlah dibangkitkan lagi, kerana ia akan menimbulkan pengertian yang tidak begitu baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. walaupun pada hari semalam saya tidak berada di dalam Dewan yang mulia ini, tetapi sebagaimana yang telah difahamkan bahawa Ahli Yang Berhormat daripada Melaka telahpun mengatakan bahawa beliau tidak berniat untuk membuat ucapan yang sedemikian. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada Ahli Yang Berhormat kerana pandai berlakun di samping bersandiwara dan telah berjaya menyampaikan mesej kepada pihak Kerajaan di atas ketidakpuasan hati mereka tentang Dasar Ekonomi Baru dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas yang telah dilemparkan kepada pihak Kerajaan. Kepada Yang Berhormat daripada, Melaka, saya suka mengingatkan jangan main api, api ini kalau kecil jadi kawan, tetapi bila sudah besar nanti menjadi lawan. Dan kita mengharapkan supaya ucapan-ucapan yang seumpama itu, khususnya daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini supaya dapat mengawal diri masing-masing dengan hasrat dan tujuan supaya dapat kita memupuk perpaduan di antara semua kaum yang berada di dalam negara kita ini.

Kalau kita hendak cerita faedah yang diterima oleh kaum yang bukan bumiputera dalam negara kita ini, saya beri contoh di kawasan saya. Kalau kita hendak cerita masalah tanah, pengurniaan tanah kepada kaum bukan bumiputera di daerah saya itu tanah perniagaan boleh dikatakan 95% dipunyai oleh kaum bukan bumiputera, itu di tengah-tengah bandar. Cerita kisah tanah pertanian tak kurang daripada 60%-70%.....

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Penjelasan.Daerah mana itu, tolong sebutkan.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, Daerah Kluang, Johor.Bila cerita kisah tanah perindustrian, 100% dipunyai oleh bukan bumiputera.Pendek kata, soal tanah ini dia sahaja yang lebih, itu tak termasuk tanah ceroboh.Tanah ceroboh daripada segi perumahan, tanah ceroboh daripada segi pertanian, semua orang pun tahu, pernah disiarkan dalam akhbar dekat Kulai hampir 30,000 tanah ceroboh sehinggakan dapat mengeluarkan hasil yang begitu besar.Ini semua nikmat yang telah dapat diperolehi oleh kaum-kaum bukan bumiputera, masih lagi tak puas hati?Itu baru rancangan tanah.

Bangkit pula cerita lesen konon Kerajaan tak adil, konon-kononnya tak beri lesen kepada orang bukan bumiputera. Lesen apa lagi hendak? Semua lesen sudah diberi, kadang-kadang orang kita tak dapat lesen. Kalau hendak cerita lesen yang besar, sudah diperolehi oleh bukan bumiputera, lesen dalam pasar itu sahaja. Saya pernah menjadi Ahli Majlis Daerah, dekat 70% peniaga-peniaga dalam pasar itu lesennya diberi kepada bukan bumiputera. Inipun tak puas hati? Hendak puas hati macam mana lagi?

Tuan Yang di-Pertua, cerita kampung baru.Kampung-kampung baru tempat saya itu semuanya sudah elok belaka.Hendak ada jalanraya sudah ada, kemudahan asas semua sudah cukup. Jalanraya, api, air, balairaya, balai polis, klinik, semua sudah ada, kalau kita hendak bandingkan dengan kampung-kampung tradisional.Masih terdapat lagi di Kluang kampung-kampung Melayu, kampung-kampung tradisional yang belum ada api, belum ada air, belum ada jalan tar dan lain-lain kemudahan. Orang Melayu tak bangkitkan, masih lagi

bersabar, tetapi bila dia tak dapat sedikit sahaja, sudah mula macam-macam cerita keluar sehingga ke dalam Dewan yang mulia ini, tak puas dengan kata-kata yang telah dilemparkan kepada Kerajaan.

Buat pula contoh, konon-kononnya contoh sampai ke Sri Lanka. Kenapa tak hendak buat contoh dekat Thailand? Kenapa tak hendak buat contoh dekat Indonesia? Kenapa tak hendak buat contoh dekat Manila, lebih-lebih lagi Singapura. Singapura Kerajaannya diperintah oleh kaumnya sendiri. Kalau hari perayaan dalam Malaysia hendak main mercun, tetapi Singapura dapat main mercun? Tak dapat. Kalau ada orang yang meninggal dunia hendak berarak, dekat negeri kita boleh kita benarkan, Singapura boleh? Tak boleh. Itupun kata Kerajaan tak adil. Dekat Thailand tengok papan iklan, ada bahasa dia? Tak ada. Di Manila yang dibolehkan itu ialah tanah perkuburan yang dia boleh beli, selain daripada itu tak ada. Itupun kata Kerajaan kita tak adil. Hendak adil macam mana lagi, saya pun tak tahu.

Kadang-kadang kita rasa malu, lebih-lebih lagi bila kita masuk dari pintu Johor. Pelancong-pelancong yang datang, masuk sahaja tengok iklan semuanya dalam bahasa Tionghua. Pada zaman sekarang ini sudah ada pembaharuan dengan adanya Akta yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita terima kasih banyak-banyak. Dahulu masuk sahaja seolah-olah bila orang datang ke negara kita macam masuk ke negara Hong Kong, orang tidak kenal, betulkah Malaysia ini, kerana papan-papan iklan semuanya di tulis dalam bahasa Tionghua. Sekarang dengan adanya Akta yang dikuatkuasakan, sungguhpun ada iklan dalam Bahasa Kebangsaan di papan itu, tetapi di bawahnya kita masih lagi membenarkan bahasa-bahasa bukan bumiputera. Ini pun tidak adil? Cerita sekolah kononnya, sekolah percuma pun tidak adil juga? Kalau hendak dibandingkan dengan sekolah kepunyaan bangsanya sendiri, dia kena bayar school fees dari \$15.00 hingga \$20.00 sebulan. Kalau masuk sekolah yang disediakan oleh Kerajaan, free sahaja. Macam-macam kalau orang sudah hendak mencari jalan memburuk-burukkan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak cakap banyak dalam Dewan yang mulia ini. Sekarang masa pun sudah begitu larut malam, saya percaya orang yang dekat hendak penghabisan bercakap ini ada untung dan ruginya. Untung -kita boleh cakap panjang, ruginya -orang tidak suka kita cakap panjang, kerana semua hendak balik termasuk diri saya sendiri. **[Ketawa]**

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu, dua Kementerian. Ini sudah menjadi tanggungjawab saya, kalau tidak nanti balik susah saya dibuatnya. Menyentuh perkara-perkara yang ada hubung-kait dengan Belanjawan yang dibentangkan pada hari

ini, ingin saya menyentuh satu dua perkara.

Yang pertama, berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, peruntukannya adalah begitu besar sekali yang mana akan memberi lebih faedah kepada masyarakat luar bandar yang dianggap sebagai rakyat yang miskin. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pihak-pihak Kerajaan yang telah mengambil perhatian yang sewajarnya terhadap penduduk-penduduk di luar bandar. Walaupun banyak kemudahan-kemudahan yang telah dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di Luar bandar, namun masih terdapat banyak lagi kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan, umpamanya, pembinaan jalan-jalan di kampung dan desa, pembinaan saluran paip air, pembangunan dari segi bekalan elektrik dan sebagainya yang masih diperlukan oleh penduduk di luar bandar.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah mengambil inisiatif bagi menubuhkan satu koperasi, Koperasi Pembangunan Daerah, dengan tujuan supaya dapat memberi peluang kepada kaum bumiputera khususnya untuk mengambil bahagian dari segi perniagaan dan pekerjaan supaya dapat mengatasi atau membasmikan masalah kemiskinan yang terdapat di dalam negara kita ini.

Tujuan mengadakan koperasi yang seumpama ini adalah supaya pertubuhan-pertubuhan berkenaan yang diberikan peruntukan untuk pembangunan luar bandar melalui Pejabat-pejabat Daerah atau agensi-agensi Kerajaan, diberi peluang untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan tersebut. Saya percaya ini adalah hasrat dan tujuan Kerajaan menubuhkan koperasi yang seumpama ini, tetapi malangnya hasrat dan tujuan Kerajaan itu tidak tercapai sebagaimana yang

dikehendaki oleh kerana masih terdapat banyak lagi kerja-kerja pemberian (tender) di bawah \$10,000 yang dikeluarkan oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan diberikan kepada pemborong-pemborong yang tidak manjadi ahli koperasi. Dengan terjadinya perkara yang seumpama ini maka perjalanan koperasi tersebut tidak begitu memuaskan dan ada di antaranya seolah-olah hidup segan mati tidak mahu.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah dasar yang dibuat oleh pihak Kerajaan itu dapat dilaksanakan mengikut kehendak dan hasrat Kerajaan, saya percaya koperasi seumpama itu akan lebih maju lagi di samping memberi semangat serta dorongan kepada bumiputera untuk lebih maju selain daripada dapat memberi peluang pekerjaan kepada ahli-ahli koperasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya mengharapkan Kementerian yang berkenaan supaya dapat meneliti di atas pelaksanaan rancangan oleh Jabatan-jabatan yang dipertanggungjawabkan derai untuk menunaikan hasrat dan cita-cita Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kesihatan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan yang mana telah dapat mengadakan segala kemudahan untuk rakyat di negara ini bagi menentukan supaya rakyat berada di dalam keadaan yang sihat serta terkawal daripada wabak atau perkara-perkara yang tidak diingini berlaku terhadap mereka dari segi kesihatan. Kemudahan telahpun disediakan seperti hospital, klinik desa dan klinik bidan dan sebagainya. Namun begitu, masih terdapat banyak lagi kemudahan-kemudahan serta kelengkapan dan tenaga kerja yang diperlukan. Misalnya, ada hospital,

tetapi tidak ada pegawai perubatan atau pakar yang cukup untuk mengendalikan hospital yang berkenaan.

Contohnya, seperti di kawasan saya di Kluang, dengan bertambahnya penduduk yang begitu pesat, didapati bilangan pesakit luar juga kian bertambah di mana tidak kurang daripada 400 hingga 500 orang pesakit luar sehari memerlukan rawatan di samping pesakit yang berada di dalam hospital sendiri yang berjumlah tidak kurang daripada 250 hingga 300 orang. Namun begitu hanya ada LO orang doktor sahaja yang bertugas tanpa ada pakar yang ditempatkan di hospital berkenaan.

Walaupun hospital ini mempunyai 10 orang doktor, tetapi yang bertugas sepenuh masa hanya ada lebih kurang 7 orang disebabkan pegawai yang lain terpaksa menjalankan kerja-kerja di luar ataupun bercuti. Ada juga pesakit yang memerlukan tindakan selanjutnya dan terpaksa dihantar ke hospital Johor Baharu di mana perjalanannya lebih kurang 90 km atau 100 km daripada bandar Kluang. Dan boleh dikatakan tiap-tiap hari di antara 4 atau 5 buah ambulan terpaksa dikejarkan ke Johor Baharu untuk menghantar pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan yang lebih rapi dan segera. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kajian secara menyeluruh patut dijalankan dengan seberapa segera untuk menambahkan tenaga pekerja seperti pakar dan doktor di tempat-tempat yang sangat-sangat memerlukannya. Pada hemat saya, hospital Kluang sendiri amat memerlukan pakar perbidanan dan sakit puan serta pakar bedah umum. Bila kita cerita masalah pakar bedah ini, ini selalu dijawab oleh Kementerian yang berkenaan, kalau hendak ada pakar bedah, mesti ada pakar bius; kalau tidak ada, tidak boleh.

Kadang-kadang kita pelik. Peliknya itu begini, kalau zaman dahulu kita ada pakar bedah, doktor yang berkhidmat dalam hospital itu boleh juga menjalankan kerjanya dengan syarat doktor yang berkenaan hendaklah dihantar pergi latihan tidak kurang dari 6 bulan. Jadi, kalau kita ramai doktor dalam hospital, ada pakar bedah, hantarlah beberapa orang doktor pergi kursus, selepas itu balik boleh membantu pakar itu untuk membuat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin dengan adanya pakar-pakar tersebut ditempatkan di hospital-hospital yang memerlukan akan mengurangkan selain dari beban dan perbelanjaan Kerajaan, bahkan juga dapat memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat dan rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua sahaja lagi, minta maaf, ini saya pendekkan. Pertama sekali berhubung dengan bekalan elektrik. Saya ucap terima kasih kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan yang telah berusaha untuk memberi bekalan elektrik bukan sahaja kepada penduduk di dalam bandar bahkan di luar bandar, lebih-lebih lagi kepada penduduk-penduduk yang berada di dalam rancangan-rancangan FELDA, FELCRA dan sebagainya. Tetapi malangnya, di kawasan saya sana ada satu kawasan gugusan FELDA Kahang yang mempunyai tiga rancangan FELDA. Yang kita pelik sedikit sahaja, sebelum kita masuk ke rancangan FELDA yang saya katakan tadi, kita akan berjumpa dengan satu rancangan yang pada mulanya dinamakan rancangan yang dianjurkan oleh MAJUTERNAK. Beribu-ribu ekor lembu kita pelihara, lembu ini duduk dalam rumah dengan api elektrik -wah!

cantik. Tetapi orang yang duduk dalam FELDA itu bergelap, tidakkah pelik ini? Manusia tidak dapat api elektrik, haiwan dapat api elektrik [Ketawa]. Ini pun hendak kena betulkan juga. Mungkin lembu yang dibawa ke sana itu harganya mahal tetapi walau bagaimanapun tidak patut, lembu dapat elektrik, manusia tidak dapat, ini hendaklah dibetulkan.

Menyentuh sedikit Jabatan Imigresen. Jabatan Imigresen ini memang tanggungjawabnya besar kerana hendak menentukan supaya orang yang hendak masuk ke negara kita ini tentulah yang ada cukup dokumen-dokumennya. Namun demikian, saya percaya penguatkuasaannya tidak cukup, mungkin perlu ditambahkan. Kalau tidak, takkan ramai orang masuk secara haram dekat Johor itu. Saya minta maaf, di Johor kalau tidak silap saya, tidak kurang daripada ratus ribu yang masuk secara haram, hantar balik pun datang juga. Ini memberi erti bahawa pegawai-pegawai ini tidak cukup mengawasi. Saya fikir untuk menentukan mereka ini dapat kita kawal, kita cuba mengadakan satu cara. Caranya, orang ini semuanya bekerja dalam estet, bukan estet swasta bahkan ada di antaranya estet yang dipunyai oleh agensi-agensi Kerajaan. Pekerja-pekerja ini diambil oleh kontraktor-kontraktor yang berkenaan. Apa salahnya kita cari jalan beri mereka 'work permit' melalui Ambassador mereka. Selain dapat kita kawal menentukan mana perjalanannya, kita juga dapat hasil. Ini kadangkala mereka masuk sudahlah kita tidak tahu, kalau semua orang yang masuk itu baik-baik belaka, tidak apa. Ini tidak, bila sudah tidak ada kerja mereka buat perkara-perkara yang tidak baik, mereka merompak, menyamun dan sebagainya. Yang susah kita juga, tidak terkawal, Jadi, kita mesti cari satu formula yang boleh mengawal mereka, kalau tidak, susah kita hendak kawal di mana mereka duduk. Berapa ramai yang sudah masuk kita tidak tahu.

Sekarang ini bukan sahaja di estet,bahkan sudah sampai ke bandar, masih lagi kita tidak terkawal.Saya percaya,Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca dalam akhbar baru-baru ini, dalam Berita Harian, saya pun malulah. Malunya kerana 20 orang rakyat Thailand berada di bandar Keluang. Kita fahamlah, 20 orang rakyat Thailand berada di Keluang itu fahamlah, jenis wanita. Macam mana cara mereka masuk kita pun tidak tahu. Jadi, kadang-kadang kita malu kerana kawalan daripada Jabatan yang berkenaan, tetapi kalau kita tanya kepada Jabatan yang berkenaan, jawabnya senang "tenaga pekerja tidak cukup".Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya perkara-perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan dengan ini saya sekali lagi menyokong supaya Rang Undang-undang ini dapat diterima dan diluluskan.Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Nawawi bin Mat Awin, dipersilakan.

10.06mlm.

Dr. Nawawi bin Mat Awin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1989 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara mulai 1hb Ogos, 1988 dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pencalonan saya itu. Insya Allah, saya akan cuba sedaya upaya memberi sumbangan setakat kemampuan saya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya orang, baru dalam Dewan ini, saya menganggap bahawa perjalanan Dewan yang mulia ini dan perbahasan di dalamnya sentiasa di tahap yang tinggi memandangkan keanggotaannya iaitu terdiri daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili negeri-negeri dalam negara kita dan mereka yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Maka rakyat seharusnya boleh mengharapkan Dewan ini menumpukan perhatian yang lebih serius dan mendalam dengan pandangan yang lebih jauh dan luas daripada perhatian dan pandangan dari sudut kepentingan yang sempit terhadap isu-isu nasional. Menurut Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai Dewan yang lama berkhidmat, anggapan saya itu selama ini umumnya memang benar. Memang benar Dewan yang mulia ini berjalan dengan penuh sopan-santun, hormat-menghormati, pendeknya sesuai dengan namanya "Dewan Negara". Sehingga hari Isnin, 5hb Disember, 1988 jam 3.55 petang - kepada saya orang baru, saya terkejut, rupanya orang lama pun terkejut juga. Ada Ahli Yang Berhormat yang seriau sebab Dewan ini telah diheret ke tahap yang sangat rendah, ke perlimbahan, dengan izin, 'politics of the gutter'. Kalau setakat itu sahaja, tidak mengapa tetapi implikasinya, mungkin kesannya sangat merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya saya bercadang menumpukan keseluruhan ucapan saya kepada isu-isu, dan dasar-dasar ekonomi dan khusus yang ada kaitan penting dengan belanjawan ini yang sedang kita bahaskan.

Ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari MCA pada hari pertama perbahasan mengejutkan Dewan dengan kelantangannya, dengan tuduhan-tuduhannya dengan nada kemarahannya. Penulis-penulis Hansard kita memang cekap, tetapi penyata yang mereka tulis dengan begitu cermat, penyata perbahasan yang akan dibaca umum tidak dapat membayangkan perasaan yang berucap. Apatah lagi perasaan yang mendengar, tetapi selepas ucapan-ucapan oleh rakan-rakan kita Ahli-ahli Yang Berhormat Tuan Mustafa, Puan Ainon, Tuan Haji Ibrahim, Tuan Haji Hamid Araby, Tuan Haji Shaharom dan lain-lain yang cuba membetulkan keadaan. Saya kira tidak payahlah saya menambah. Malangnya keadaan bukan sahaja tidak reda, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat lain daripada MCA turut pada hari berikutnya mengulangi perkara-perkara yang sama dengan tuduhan-tuduhan yang sama, dengan nada yang sama. Oleh itu saya mengambil keputusan, biarlah saya korbankan sebahagian daripada masa yang diberi kepada saya dalam ucapan ini untuk menyentuh juga perkara-perkra yang dibangkitkan dengan begitu lantang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA.

Tuan Yang di-Pertua, apa dia yang ditekankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA. Yang ditegaskan berulang kali oleh semua Ahli

Yang Berhormat itu adalah soal kemiskinan orang-orang Cina di luar bandar dan di dalam bandar. Setakat itu tidak yang menjadi hal di kalangan semua kaum, di dalam atau di luar bandar ada yang miskin, dalam mana negara pun begitu, di negara China di masa "Mao Tze Tung" pun yang cuba menyama ratakan semua orang dan berjaya menjadikan serau rakyat China miskin, di negara 'Mao Tze Tung' pun antara yang miskin itu pun ada yang lebih miskin daripada yang lain.

Di zaman Deng Xiao Ping pula, ada segelintir jadi orang kaya, kaya dalam konteks negara China, bukan kaya dalam ertikata di negara kita ini, tetapi majoriti terbesar masih miskin. Yang didakwa lagi Kerajaan tidak membantu orang-orang Cina yang miskin itu, walaupun kenyataan seperti itu saya kira keterlaluan. Inipun tidak merun-singkan sangat kerana Menteri-menteri dari pihak Kerajaan sudah tentu akan memberi jawapan yang tepat, kepada dakwaan ini. Jadi mengapa ucapan-ucapan itu telah menimbulkan reaksi dan ketegangan, apa yang tidak betul? Yang tidak betul Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah dan penyelesaiannya bukan dituju sangat kepada Kerajaan, tetapi berbagai tuduhan dilemparkan dan segala kemarahan ditujukan kepada pemimpin UMNO, ahli politik Melayu, pemimpin Melayu, pendek kata orang Melayulah. Pemimpin UMNO, ahli politik Melayu, pemimpin Melayu, pendek kata orang Melayulah yang bersalah, yang bertanggung-jawab atas keadaan buruk dan penderitaan orang-orang Cina di Malaysia. Perkataan-perkataan yang digunakan dan jelas dimaksudkan terhadap golongan Melayu termasuklah 'mungkir janji', 'penipuan', 'mengabui mata', 'menyeleweng', 'memutarbelitkan data', 'angkuh', 'tidak bermaruah', 'memecahbelahkan kaum' dan lain-lain lagi.

Perkataan-perkataannya sangat keras.

Saya kira saya pun seorang pemimpin Melayu, salah seorang pemimpin UMNO, salah seorang ahli politik Melayu seperti juga Ahli-ahli Yang Berhormat Melayu yang lain dalam Dewan ini. Dan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat Melayu yang lain, saya turut merasa amat tersinggung, saya tidak tahulah mengapa dibuat perkara yang tidak pernah berlaku dengan izin, 'un-precedented' ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin UMNO, pemimpin Melayu, ahli politik Melayu, orang Melayu tidak seharusnya disalahkan. Kalau mereka menyimpulkan bahawa tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA, kalau masalah kemiskinan orang-orang Cina di kampung-kampung baru, dalam Dewan ini, pada ketika ini lebih merupakan sebagai topeng untuk menyerang keseluruhan usaha dan matlamat Dasar Ekonomi Baru, dan terutama sekali menyekat sebarang penyambungan memandangkan DEB akan tamat pada tahun 1990 dengan tidak mencapai matlamat sepenuhnya.

Awal-awal lagi pemimpin Kerajaan Barisan Nasional telah mengumumkan bahawa sebarang rancangan baru menggantikan Dasar Ekonomi Baru akan hanya dibuat setelah diberi peluang kepada semua golongan memberi pendapat masing-masing. Jadi apa tujuan menimbulkan isu, tuduhan dan emosi dalam Dewan ini sekarang dengan penuh kesedaran bahawa kesannya hanyalah menimbulkan ketegangan sesama kita. Melainkanlah tujuannya pukul gendang di dalam untuk didengar di luar atau dengan izin, playing to the gallery. Tetapi Dewan yang mulia ini bukan tempatnya tambahan pula kita bukan boleh pilih siapa yang akan dengar, siapa jangan dengar, bunyi gendang itu didengar

oleh semua orang dan jangan-jangan ada yang mendengar itu ingat ini bunyi gendang perang. Bukankah ada pepatah Cina, 'Kata-kata yang dibisikkan ke telinga kedengaran jauh seribu batu', inikan pula dipekikkan ke seluruh negara.

Kita berpeluang mendengar banyak kata-kata hikmat dari negeri China melalui ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA. Ada yang memetik pepatah China bermaksud, sebarang perasaan terpendam mesti diluahkan baru kita berasa lega atau seronok. Saya fahamlah kalau ini berkaitan dengan percintaan atau sebagainya, kalau sudah keluar atau luah itu kadang-kadang seronok dahulu, laga kemudian, tetapi kita berhadapan dengan realiti negara, bukan perkara main-main atau seronok-seronok. Katanya, seperti tulang ikan tersekat di tengah kerongkong. Pertama sekali kalau kita makan perlahan-lahan tidak 'hakar' sangat kata orang Peraklah, tidak 'hakar' sangat, tidak rebut-rebut sangat, kita tidaklah kena tulang ikan di kerongkong. Kalau kenapun kita tidak muntahkan di hadapan kawan-kawan yang sedang makan sama, kita pergi ke dapur telan roti atau minta kawan tolong tepuk belakang, lain kali kalau Ahli Yang Berhormat tercekik tulang panggil kami, kami akan datang beramai-ramai tepuk belakang Yang Berhormat kuat-kuat sehingga lepas cekik Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dengar ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA, gambaran kaum Cina di negara ini sungguh teruk sekali - miskin, menganggur, didiskriminasi, ditindas, menderita selama 18 tahun, hak-hak dirampas, ditipu, ditekan, macam-macam lagi semuahnya di paras yang tertinggi, semuanya oleh pemimpin UMNO, pemimpin Melayu, ahli politik Melayu, dominasi Melayu, serupalah bunyi senarai penderitaan orang-orang Cina yang selalu kita baca dan dibaca oleh dunia, dalam majalah-majalah asing - serupa, sebab puncanya sama - serupa dengan cerita-cerita yang dijaja di luar negeri oleh setengah-setengah penuntut dan rakyat Malaysia apabila di luar negeri.

Saya sokong penuh peruntukan-peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Elok sangatlah usaha Kerajaan menggalakkan orang-orang asing datang beramai-ramai ke Malaysia atas perbelanjaan mereka sendiri, menengok keadaan yang sebenarnya dengan mata kepala mereka sendiri. Adakah mereka akan nampak Kuala Lumpur sebagai Johannesburg, Afrika Selatan ataupun seolah-olah Hong Kong atau Taiwan.

Saya sungguh terkilan apabila Ahli Yang Berhormat membuat persamaan negara kita dengan Sri Lanka. Saya tidak bermaksud memperkecilkan Sri Lanka tetapi bagaimana Yang Berhormat sanggup menyamakan kita dengan Sri Lanka. Bila orang Melayu merampas kuasa daripada orang bukan Melayu seperti kata Yang Berhormat, orang Sinhala merampas kuasa di Sri Lanka. Bila pemimpin Melayu menjadikan Malaysia negara sosialis dengan kuasa Kerajaan ke atas ekonomi keseluruhannya, ke atas seluruh rakyat, ke atas seluruh negara? Bila orang Melayu menindas orang lain sehingga mereka tidak ada lagi tempat dalam semua bidang? Bila orang Melayu menjadikan negara ini negara miskin bagi rakyatnya, terutamanya rakyat bukan Melayu? Ini cakap, cakap yang sangat merbahaya kerana kalau itulah pandangan kaum Cina, implikasinya sangat berat!

Yang Berhormat telah menegaskan keazaman dan ketetapan kumpulan Yang Berhormat untuk memperjuangkan keadilan dan kesaksamaan sehingga berjaya. Yang Berhormat telah memberi amaran dalam konteks contoh Sri Lanka kepada para pemimpin supaya sedar akan akibat ini.

Adakah ini bermakna kita tunggu sahajalah munculnya pertubuhan-pertubuhan seperti Tamil Tigers dati sebagainya. Mengapa Yang Berhormat tidak contohkan segeri Quebec, Canada yang beberapa lama menghadapi pertelingkahan antara penduduk majoriti Perancis dengan minoriti Inggeris yang memanangi kuasa ekonomi, sehinggakan tercetusnya persengketaan yang besar sehinggalah minoriti Inggeris menyedari pentingnya berkongsi ekonomi. Dan sekarang kembali aman, malahan mereka lebih untung lagi dalam perniagaan dan perusahaan.

Mengapa tidak dicontohkan negara Fiji, yang kaum pendatangnya menguasai ekonomi sepenuhnya dan tidak mahu berkongsi, malahan akhir-akhirnya menguasai politik. Dan bercadang pula apabila menguasai politik, menghapuskan hak-hak tradisional orang-orang Fiji turun temurun atas tanah mereka. Apa kesudahannya!

Seperkara lagi yang sangat menyedihkan saya ialah cubaan yang jelas untuk memisahkan orang Melayu daripada kaum bumiputera yang lain di negara ini. Membangkitkan perasaan benci dan tidak puas hati mereka terhadap orang Melayu, khususnya orang Melayu Semenanjung dengan menggulungkan bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai kumpulan asing daripada Melayu sebagai bumiputera. Menggulungkan mereka sebagai kumpulan bukan Melayu yang kini menjadi kumpulan yang berkurangan iaitu senasib kononnya dengan kaum Cina dan lain-lain. Ini satu cubaan yang sungguh tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, bagi orang Melayu, orang-orang bumiputera di Sarawak, di Sabah, di Perlis, di Kelantan, di Perak, di mana-mana juga di Malaysia ini adalah sama, saudara-saudara kami semua setiasib, sehidup semati dan jangan sesiapa cuba memecahbelahkan kami [**Tepuk**].

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan telah membangkitkan perkara-perkara besar. Tuduhan-tuduhan, cabaran-cabaran dan isu-isu besar yang kita tidak harus lari daripada menghadapinya. Kalau tidak, suasana akan terus tidak menentu dan akan digunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menggugat kestabilan negara dan ekonomi, kita. Saya akan senaraikan perkara-perkara besar yang perlu diberi jawapan segera oleh Kerajaan, kalau boleh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, terutama kerana beliau sendiri telah dicabar dalam ucapan Ahli Yang Berhormat **[Tepuk]**.

Soal pertama, benarkah seperti yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa data-data harus diragui kerana diputar belitkan demi kepentingan masing-masing. Tuduhan ini sungguh serius kerana kalau tidak dijelaskan boleh menjejaska keyakinan antarabangsa terhadap statistik-statistik penting kita, pendeknya menjejaskan credibility negara kita.

Soal kedua, benarkah Kerajaan mengabaikan masyarakat bukan Melayu selama 18 tahun? Benarkah segala yang dijanjikan tidak dikotakan bahawa Kerajaan mengabui mata rakyat, malahan menipu seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari MCA?

Soal ketiga, benarkah seperti yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari MCA bahawa hasil daripada Dasar Ekonomi Baru, orang Melayu kumpulan yang berkurangan telah kini menjadi kumpulan yang berada? Dan sebaliknya orang bukar. Melayu, khususnya orang Cina dahulunya kumpulan yang berada, kini telah jadi kumpulan yang serba kekurangan? Dalam lain perkataan, benarkah orang Melayu sudah jadi orang kaya baru, orang Cina sudah jadi orang miskin baru di Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu menunggu dengan penuh minat dan berdebar-debar jawapan kepada soal ini kerana mereka hendak tahu sangat definisi yang baru kumpulan yang berada ini. Berkaitan dengan ini benarkah seperti dituduh bahawa orang bukan Melayu, khususnya orang Cina dihalang daripada menikmati peluang-peluang baru; sebaliknya kepentingan ekonomi mereka yang lama pun dihakis. Kalau benar, berapa orangkah orang Cina yang telah hilang perniagaan, atau pekerjaan dan harta atau aset mereka yang telah dirampas hasil daripada perjalanan Dasar Ekonomi Baru dalam masa 18 tahun yang lepas? Juga, bagaimana pula statistik-statistik menunjukkan jurang perbezaan di antara kaum bumiputera dengan bukan bumiputera di dalam berbagai bidang sama ada perniagaan dan perusahaan atau ikhtisas atau nilai aset begitu luas.

Soal keempat kemiskinan. Benarkah seperti didakwa bahawa kadar kemiskinan di kampung-kampung baru adalah yang tertinggi di negara ini. Benarkah keadaan di kampung-kampung baru ini lebih buruk daripada kampung-kampung tradisional dari segi bekalan air, elektrik dan sebagainya. Kalau benar, bagaimana saya hendak menjelaskan kepada penduduk-penduduk banyak kampung dalam bahagian saya Tambun, sebelum ditanya minta penjelasan oleh Yang Berhormat. Yang" belum mendapat kemudahan asas, yang tidak ada jalan tar, yang tidak ada bekalan air dan tidak ada bekalan elektrik.

Bagaimana saya hendak menjelaskan kepada mereka bahawa yang sebenarnya nasib mereka ini lebih baik daripada penduduk kampung-kampung baru yang mereka tengok sendiri semuanya dalam bahagian saya dan sekitarnya, semuanya ada api, ada air, ada elektrik, ada telefon, ada sekolah, ada pasar, ada macam-macam.

Kalau Kerajaan kata dakwaan Ahli-ahli Yang Berhormat itu benar, saya akan cubalah memberitahu orang-orang kampung dalam bahagian saya, jangan percaya sangat apa yang mereka lihat itu, mereka seharusnya percaya apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sehubungan dengan ini juga benarkah dakwaan Ahli-ahli Yang Berhormat MCA bahawa Kerajaan menjalankan polisi penindas sehingga ke anak-anak orang miskin bukan Melayu di luar bandar? Dengan tidak memberi mereka kemudahan pendidikan yang baik berbanding dengan anak-anak orang Melayu luar bandar. Sila beri butir-butir, yang relevant seperti hal kemudahan asas kampung-kampung tadi kerana saya hendak bersedia menjelaskan kepada orang-orang kampung bahagian saya, mereka ini nasib baik, jangan complain tentang kemudahan sekolah yang tidak cukup, itu tidak cukup, ini tidak cukup kerana anak-anak orang Cina di luar bandar lagi teruk.

Benarkah seperti yang didakwa bahawa jika dibandingkan dengan jumlah sumber yang diberi kepada golongan Melayu luar bandar, kampung-kampung baru jauh ketinggalan sehinggakan asas untuk pertumbuhan sosio-ekonomi yang sehat pun tidak ada. Tanah tidak cukup, peluang-peluang pekerjaan yang baik kurang, pelbagaian ekonomi kampung baru kurang dan seterusnya kalau benar - kalau benar untuk kampung-kampung dalam bahagian saya bilakah Kerajaan hendak tambah tanah, hendak beri peluang pekerjaan yang baik, tidak payah yang baik pun tidak apalah, peluang pekerjaan pun sudahlah supaya tidak payah keluar kampung cari kerja dan bilakah Kerajaan hendak pelbagaikan ekonomi kampung mereka?

Dalam bahagian saya, ramai sungguh orang Melayu yang tidak ada tanah, tidak ada tapak rumah, terpaksa duduk bersejajaran di tepi-tepi lombong tinggal, dalam pondok-pondok macam reban ayam pun ada, lampu minyak gas, minum air lombong. Saya hendak tahu jawabnya kerana saya hendak beritahu mereka, mereka ini nasib baik berbanding dengan orang bukan Melayu luar bandar seperti kata Ahli Yang Berhormat dari MCA. Saya pun hairan juga Kerajaan ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA sudah cakap Kerajaan buat tabung projek perairan tanah Melayu 35 juta. Agaknya untuk tanam padilah dan sebagainya. Saya harap mereka hendak taliair melalui Kampung Baru, buatlah. Buatlah, kalau mereka hendak taliair melalui Kampung Baru supaya jangan iri hati.

Soal kelima, benarkah dakwaan bahawa orang Melayu telah mencapai kejayaan yang cemerlang sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Kalau ya, mengapa Kerajaan sendiri kata matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan tercapai menjelang tahun 1990? Yang sebenarnya sudah dahulu, lima tahun dahulu saya cakap kepada Kerajaan kita tidak akan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Mengapa heboh hendak sambung? Ke mana pergi masyarakat peniaga dan pengusaha bumiputera yang kukuh dan berdikari yang dirancang dalam Dasar Ekonomi Baru itu? Ke mana pergi orang-orang bumiputera yang sepatutnya berganding bahu dengan kaum lain dalam semua lapangan hari ini? Kalau ya, kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui ada satu lapangan yang orang Melayu sudah mencapai 30%. Daripada angka yang diberi dalam jawapan Kerajaan kepada satu soalan Dewan Rakyat, daripada mereka yang disytiharkan bankrap, saya kira lebih 30% adalah bumiputera. Saya ingin membuat cadangan kepada Kerajaan. Cadangan itu terbitkanlah sepenuhnya statistik-statistik yang menjadi persoalan - tentang kemiskinan, tentang aset, tentang modal, tentang pekerjaan, tentang taraf hidup, tentang segala-galanya antara bumiputera dan bukan bumiputera di negara ini. Setakat pendapatan wang sahaja. Buat indek taraf hidup yang meliputi selain daripada pendapatan, penggunaan kuasa, dengan izin, energy consumption, kegunaan kenderaan, perumahan mengikut meter persegi, kilo calon makanan dan seterusnya. Kemungkinan hasil kajian ini sedikit-sebanyak akan menaikkan perasaan bumiputra. Tetapi biarlah, biar dia terburai semua, kata orang Perak lagi.

Seperti kata orang Amerika, dengan izin, 'let it all hang out'. Kerana kalau tidak ahli-ahli dari MCA dan pihak lain akan terus mempersoalkan, tidak senang hidup kita semua. Tetapi bila keluar perangkaan nanti, walau bagaimanapun sensitif sekali pun, bagaimana ketara sekali pun perbezaan antara bumiputera dan bukan bumiputra, kita hadap apa-apa reaksi sekali, itu sahajalah, tidak berpanjangan. Kalau itu yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA, beri. Lepas itu tidak payah, kita belajar bahasa baru yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, iaitu bahasa yang dinamakan 'New Speech' yang diperkenalkan dalam buku yang masyhur 1984, dengan izin, oleh George Ower. Sesiapa yang belum faham bahasa ini silalah baca buku itu. Saya pun tidak tahu adakah tidak

naskah dalam Perpustakaan Parlimen. George Ower 1984, bahasa 'New Speech'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sedikit masa yang tinggal, saya akan menumpukan perhatian kepada Rang Undang-undang Belanjawan yang di hadapan kita. Sayalah sepatutnya antara yang terawal sekali menyatakan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan yang dikemukakannya kerana beberapa cadangan yang telah saya sendiri kemukakan bagi pihak sektor perdagangan dan perindustrian dalam mesyuarat perundingan Belanjawan dengan Yang Berhormat Mentari telah diterima dan menjadi sebahagian dari strategi dan cadangan-cadangan Belanjawan.

Peningkatan peranan sektor swasta sebagai salah satu strategi pertumbuhan ekonomi sangat kena pada tempat dan masanya. Rata-rata dalam dunia hakikat bahawa peranan swasta ini sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi diakui dan diberi galakan. Kita menyokong penuh strategi yang lain iaitu menyusun semula sistem cukai dan menguruskan dasar-dasar jimat-cermat dalam pengurusan perbelanjaan awam. Penurunan kadar cukai syarikat sekarang menjadi kenyataan dan membolehkan kita lebih berkeupayaan bersaing dengan negara-negara jiran terutamanya dalam menarik pelaburan dan memperkembangkan ekonomi. Pemansuhan cukai pembangunan berperingkat-peringkat sudah lama ditunggu. Dalam hal ini saya hendak menegaskan dua prinsip yang seharusnya dipegang. Satu, mengelakkan daripada kuatkuasaan sesuatu cukai balik ke belakang, dengan izin, retrospective effect, dan kedua, kesaksamaan. Kalau kita perhatikan, Yang Berhormat

Menteri Kewangan berpegang kepada prinsip pertama tadi dengan melakkan cadangan-cadangan berkuatkuasa umpamanya dari hari Selanjawan, mulai dari 1hb Januari, 1989 dan sebagainya.

Dalam dua perkara iaitu perbelanjaan keraian dan tambang percuma untuk pekerja-pekerja yang sekarang tidak dibenar ditolak dari kiraan pendapatan yang dikenakan cukai, tarikh kuatkuasaannya adalah tahun 1989. Oleh sebab yang agak teknikal dan tidak perlu saya huraikan di sini walaupun pada zahirnya nampaknya sebagai tidak retrospective, pada hakikatnya kesannya adalah, dengan izin, retrospective, disebabkan tahun tafsiran berbeza dengan tahun kewangan. Saya telah kemukakan hal ini dalam soalan kepada Timbalan Menteri Kewangan dan dalam perjumpaan di Kementerian baru-baru ini. Jawapannya ialah ianya, dengan izin, satu package, maknanya penurunan kadar cukai syarikat 35% perlulah diambil kira bersama. Malangnya package ini tidak sama kepada semua perniagaan, kerana banyak juga perniagaan yang bukan berbentuk syarikat, tetapi firma ataupun perseorangan. Ini menyentuh prinsip kedua iaitu kesaksamaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Saya juga telah menumpukan soalan mengenai cukai pembangunan yang tidak dimansuhkan terhadap perniagaan dan Firma yang bukan syarikat. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab bahawa tidak timbul ketidaksaksamaan. Pada pendapat saya dengan cara yang mudah kita boleh menunjukkan bahawa kesan yang berlainan akan jelas jika dibandingkan dua pembayar cukai dengan pendapatan yang sama, semua angka-angka yang sama tetapi seorang menerima sebagai pemegang saham dan seorang lagi bukan. Saya harap Kementerian akan menyemak semula hal ini.

Masalah agen-agen cukai pendapatan yang haram yang telah ditimbulkan dalam Dewan ini. Sambil saya bersimpati dengan mereka yang boleh jadi kehilangan pendapatan apabila dikuatkuasakan undang-undang mengenai hal ini, kita perlu berhati-hati supaya orang-orang yang diiktiraf benar-benar berkelayakan dari semua segi. Yang sebenarnya kemudahan untuk mereka mendapatkan kelayakan sedia ada. Kalau mereka boleh mendapat ijazah di Taiwan seperti kata Ahli Yang Berhormat, sudah tentu tidak keberatan sangat mengambil peperiksaan yang tertentu untuk melayakkan diri.

Sehubungan dengan ini juga perkara ini timbul berkaitan dengan aktiviti Institut Akauntan Awam kebelakangan ini. Profesion ini penting dalam negara kita dan usaha-usaha menyatukannya perlu diperkuatkan. Saya cadangkan penyatuan proteslon ini dikaji semula.

Saya setuju sungguh dengan pentingnya produktiviti ditingkatkan dalam semua sektor di negara ini. Ini bermakna dedikasi dan kecekapan yang meningkat.

Saya ingin menyentuh tentang pegawai-pegawai Kerajaan. Saya yakin bahawa kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan kita berkhidmat dengan baik dan ada di antara mereka yang cemerlang tetapi saya agak ada di kalangan mereka yang tidak puas hati kerana imej mereka, iaitu imej majoriti yang baik itu terjejas kerana sebilangan kecil yang menjadi masalah. Setengah-setengah pemimpin berlumba-lumba memperbenarkan keburukan yang segelintir itu kerana memang mendapat sambutan di kalangan orang ramai kalau berbuat begitu.

Saya berpendapat berlainan. Seharusnya, mengikut prinsip pengurusan yang agak asas atau, dengan izin basic, kita lebih

mendapat prestasi yang baik dari pekerja dengan mengutarakan yang positif daripada yang negatif. Yang berkelakuan tidak baik mesti diambil tindakan tetapi tidak seharusnya dibuat melalui khalayak ramai. Kita disiplinkan mereka, dengan izin, in private. Saya cadangkan kepada semua pemimpin sama ada politik atau Kerajaan supaya lebih mengutarakan yang positif daripada yang negatif di kalangan pegawai-pegawai kita dan elakkan membuat kenyataan-kenyataan yang boleh memberi gambaran seolah-olah semua pegawai Kerajaan atau kakitangan sesuatu perkhidmatan tidak cekap, tidak amanah, rasuah dan sebagainya.

Saya sering berjumpa pegawai Kerajaan di dalam mahupun di luar negeri yang saya dapati cekap, berdedikasi dan sedia memberikan perkhidmatan. Saya tidak segan menulis surat kepada Kementerian berkenaan merakamkan pendapat positif saya mengenai seseorang pegawai yang saya dapati cemerlang. Saya kira menghargai kecemerlangan lebih meningkatkan produktiviti daripada hebohkan kekurangan segelintir. Malangnya apabila saya tulis surat kepada Menteri atau Kementerian mengenai sesuatu pegawai mungkin dia dinaikkan pangkat dan dia pergi ke tempat lain pula. Ini pun satu hal dalam perkhidmatan Kerajaan. Apabila orang itu bagus dia terpaksa pindah ke tempat lain.

Saya ingin menyentuh Kementerian Pengangkutan. Saya difahamkan bahawa sehingga sekarang Syarikat Penerbangan Nasional kita, MAS, belum berjaya mendapatkan hak pendaratan tambahan penerbangan di London daripada Kerajaan Britain, sebaliknya dilaporkan Kerajaan kita bersetuju membeli alat-alat tentera dari Britain berjumlah \$4.0 ribu juta. Takkanlah \$4.0 ribu juga kita bayar, tak boleh diberi satu-dua lagi hak pendaratan di London. Saya difahamkan British

Airways bersetuju dengan tambahan penerbangan MAS yang boleh dibenarkan mendarat di London, tetapi dengan syarat iaitu kita kena bayar royalti. Maknanya orang yang naik kapalterbang MAS ke London, kena bayar royalti kepada British Airways. Ini pernah berlaku dahulu, sekarang mereka mengulangi syarat ini.

Saya difahamkanlah, kalau bemiaga macam itu orang Melayu pun pandai. Itu betul-betul apa yang dikatakan "berniaga atas angin". Saya hairan sungguh mengapa MAS dihalang begitu melainkan, saya fikir, kerana takutkan daya persaingan. Sekarang ini ramai orang-orang Malaysia pergi ke Singapura untuk menaiki penerbangan-penerbangan keluar negeri dari Singapura. Apakah maknanya ini? Adakah sistem, dengan izin, shuttle flights Kuala Lumpur-Singapura yang bahyak sekarang ini yang membantutkan perkembangari sayap MAS kita? Kalau perlu, kalau ianya menjejaskan kepentingan kita, tidakkah wajar dikaji semula shuttle flights ini? Saya harap, Kementerian Pengangkutan akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, selalu diperkatakan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia terutama dalam perniagaan. Saya terpaksa kadangkadangkang pergi ke Televisyen memberi penjelasan. Saya ingin menegaskan bahawa selagi undang-undang kita yang sah terutamanya di mahkamah adalah dalam bahasa Inggeris, selagi itulah orang-orang berniaga akan tidak begitu berani menggunakan Bahasa Malaysia dalam transaksi-transaksi kerana akibatnya boleh menjadi kerugian apabila dipertikaikan dalam mahkamah. Saya orang baru, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya perhatikan dalam Dewan ini pun banyak Rang Undang-undang yang ditulis naskhah sahnya ialah dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan tadi, nampaknya kalau dalam bidang lain orang bumiputera tidak dapat mencapai 30%,

tetapi dalam bidang kemuflihan mereka berjaya. Saya menghargai pandangan berat Kerajaan terhadap masalah kejatuhan peniaga dan pengusaha bumiputera hasil daripada kemelesetan ekonomi yang berpanjangan. Masalahnya bukan dasar Kerajaan untuk membantu tetapi seperti biasa perlaksanaannya. Sekarang ekonomi kita mula meningkat, saya berharap Kerajaan akan memberi pertimbangan khas kepada mereka yang jatuh kerana kemelesetan ekonomi dahulu supaya mereka bangun semula, supaya mereka dapat membayar hutang-hutang mereka.

Satu perkembangan besar yang tidak dapat tidak akan melibatkan keadaan ekonomi kita di masa hadapan ialah penyatuan atau intagrasi ekonomi negara-negara Eropah atau EEC dalam tahun 1992. Saya dapati kerajaan-kerajaan Jepun, Korea dan lain-lain berkejar-kejar membuat berbagai kajian untuk mengetahui implikasi bagi negara masing-masing. Saya berharap kita juga tidak ketinggalan memberikan perhatian dengan serius terhadapnya, terhadap implikasi kepada ekonomi kita dan cara-cara kalau ada untuk mengatasi masalah-masalah yang pasti akan timbul.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya tidak mahu ada salah faham di kalangan mana-mana pihak. Yang sebenarnya saya dan rakan-rakan saya dalam Dewan ini daripada kaum Melayu tidak menentang sama sekali hak dan kepentingan orang bukan Melayu. Kemiskinan tetap kemiskinan, sama ada orang Melayu, India atau Cina. Malaysia **ini**, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh semua orang, adalah antara negara yang terkaya dari segi sumber. Malaysia kita ini luas, ada tempat untuk semua rakyat yang setia dan selagi kami pemimpin UMNO yang ada sekarang, pemimpin Melayu yang ada sekarang, **ahli-ahli politik** Melayu yang ada sekarang, selagi kami ada, hak dan kepentingan semua rakyat sama ada bumiputera atau bukan bumiputera akan terjamin.

Kerana walaupun apa cacian yang dilemparkan kepada kami, kami ini merupakan pemimpin-pemimpin yang sederhana terutama sekali pemimpin utama kami. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir. **[Tepuk]** Tetapi kalau saudara-saudara buat sesuatu yang boleh menimbulkan reaksi, ada kemungkinan kami pemimpin yang sederhana ini digantikan dengan pemimpin-pemimpin yang tidak begitu sederhana dan kalau mereka ini naik, belum tentu lagi akan masa depan negara dan masa depan semua rakyat termaauk bukan bumiputera. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kata Confucius "Tsang'Tze Eh Hwu Shing." Fikir tiga kali baru bergerak. **[Tepuk]** Ada lagi kata-kata hikmat dari negeri China yang beribu-ribu tahun "Eh Syeh Tsu Cheng Chiang Fu Hang", dengan izin - silap satu langkah menyesal 1,000 tahun. **[Tepuk]** Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Nasir bin Haji Manap. dipersilakan.

10.52mlm

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama juga dengan rakan-rakan untuk mengambil bahagian di dalam Dewan yang mulia ini untuk membincangkan suatu Akta yang boleh dinamakan Akta Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua ramai di antara rakan-rakan di dalam Dewan ini yang telah banyak membincangkan perkara-perkara penerbitan dan percakapan-percakapan yang agak merisaukan kita di antaranya dan di dalam banyak hal telah menimbulkan Dasar Ekonomi Baru yang kononnya tidak adil dan juga mempersoalkan jawatan-jawatan yang tertentu dan dengan lantang menuduh Kerajaan yang ada pada hari ini sebagai Kerajaan yang tidak adil.

Saya rasa di dalam hal ini ramai di antara rakan-rakan yang telah mengambil bahagian sama ada menjelaskan sesuatu atau menidakkan apa yang diperkatakan dan menimbulkan rasa dukacita.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menjelaskan perlu kita menoleh ke belakang perkara-perkara yang telah berlaku, perkara-perkara yang telah dilakukan oleh masyarakat di dalam negara Malaysia ini sama ada terdiri daripada bangsa Melayu dan sebagainya; dan perlu kita renung, yang kita menekankan dari segi sejarah pada masa-masa yang lalu.

Saya menekankan sajarah di sini, tidak menekankan di dalam satu sejarah yang khusus tetapi boleh diambil tindakan ataupun fahaman bersama yang saya ibaratkan di dalam sesuatu cerita ataupun di dalam sesuatu makluman yang kita faham bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah meninjau sejarah kebelakangan ini saya suka merujuk atau menjelaskan kepada para hadirin sekalian, khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Kita misalkan di dalam satu kelompok iaitu satu kelompok berdiri daripada keturunan Melayu yang khusus. Apabila saya menjelaskan di dalam satu kelompok ini kita boleh meletakkan di dalam sesebuah kampung, di dalam sesebuah negeri ataupun di dalam sesebuah negara. Ini maksud diibaratkan di dalam sesebuah kelompok. Di dalam kelompok itu pada asalnya memang terdiri daripada keturunan Melayu, misalnya terdiri daripada ibu bapa yang anak-anak mereka misalan kita boleh namakan sebagai nama yang biasa iaitu Zainal, Sulaiman, Zainon dan sebagainya. Ini ialah nama satu kelompok keturunan Melayu. Tetapi datang satu kumpulan yang lain, yang saya merasa kedatangan mereka bukan datang dari kelompok Melayu, tetapi datangnya daripada bangsa-bangsa yang agak luar daripada rumpun Melayu.

Apabila mereka datang dalam kelompok Melayu itu maka orang-orang Melayu yang begitu bangga, yang begitu puas hati, yang begitu agak suka bersama-sama dengan mereka walaupun mereka itu datang bukan daripada kelompok Melayu.

Akhirnya dengan rasa rela, kelompok Melayu itu mengambil mereka sebagai anak angkat dan mereka sedar mungkin nama mereka sebagai Lim, Ah Chong dan sebagainya, tetapi mereka tidak mahu menamakan orang yang datang ke dalam kumpulan mereka kepada nama yang bukan daripada keturunan mereka, tetapi mereka menamakan satu nama lain misalnya Abdullah dan sebagainya dan melahirkan kepada masyarakat umum yang Abdullah ini sebenarnya ialah anaknya sendiri dan menjelaskan yang emaknya ialah isterinya, walaupun mereka tahu yang mereka itu datang bukan dari keturunan Melayu yang tulen. Siapakah yang tahu hal ini? Yang tahu ialah keturunan Melayu misalkan bapa dan isterinya. Kita boleh misalkan sebagai nama bapa Abu, isteri misalkan nama Amiriah yang tahu anak-anaknya seperti nama Zainal, Sulaiman, Zainon dan sebagainya. Walaupun kita tahu mereka bukan di dalam kelompok keturunan Melayu, tetapi ibu bapa termasuk anak-anaknya tahu yang mereka datang bukan daripada keturunan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka bersama-sama di dalam kumpulan kelompok Melayu itu mereka begitu berasa bangga, tidak mempedulikan masalah sama ada keturunan mereka atau sebagainya mengharapkan dapat kerjasama.

Ini dalam kesimpulan kita, perlu kumpulan-kumpulan yang bukan daripada kelompok Melayu itu mesti memberi satu terima kasih yang begitu tinggi kerana walaupun mereka datang bukan dari kelompok Melayu tetapi dapat diterima di dalam masyarakat Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hal ini misalnya yang dipersoalkan satu persatu apakah salahnya kumpulan-kumpulan Melayu yang tertentu itu diberi sedikit imbuhan atau kelebihan dan sebagainya tetapi tidak menjejaskan kelompok-kelompok yang kita datangkan untuk berada di dalam kumpulan Melayu. Selain daripada itu kita tidak akan menghiraukan bagaimana keadaan mereka hidup yang boleh senang lenang di dalam kelompok itu.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi kita membawa mereka hidup bersama di dalam masyarakat yang dalam kumpulan Melayu ini hidup dari masa ke semasa tetapi orang yang menerima kelompok asal masuk ke dalam kumpulan Melayu ini mereka sedar mereka tidak begitu menghiraukan. Tetapi apabila jenerasi ataupun keturunan yang berikut apabila kelompok Melayu yang asal telah meninggal dunia, kelompok yang kedua atau keturunan yang kedua sama ada dia sedar atau tidak sedar sama ada dia tahu ataupun tidak tahu mungkin dia tahu tetapi dia berpura-pura tidak tahu yang mereka tahu yang asalnya bukan daripada kelompok Melayu oleh sebab dengan kemurahan hati kumpulan Melayu itu menerimanya sebagai anak mereka sendiri dan di situ mereka berkehendakkan apa sahaja yang didapati oleh anak kumpulan Melayu itu agak mereka juga mahu.

Ini yang agak susah kalau perkara-perkara ini dilaksanakan dari masa ke semasa apabila keturunan ini dari masa ke semasa tidak

melahirkan daripada asal mereka mungkin perkara ini akan berlarutan dari masa ke semasa. Cuma saya mengharapkan daripada kelompok yang bukan Melayu ini sedar yang utama sekali mereka telah datang bersama-sama dengan kumpulan Melayu yang diterima masyarakat Melayu dan perlu diterangkan kepada jenerasi-jenerasi mereka yang akan datang yang berterima kasih kepada kumpulan Melayu ini yang telah menerima kita sebagai satu kumpulan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu agak saya merasakan kalau hal-hal yang begini dilakukan dari masa ke semasa yang tidak ada satu tahap penghabisan, saya rasa mungkin di satu masa akan datang, dijauhkan oleh Allah s.w.t., apabila perasaan kita khususnya kepada orang Melayu sampai ke tahap yang tidak boleh tahan, tidak tahulah apa akan terjadi. Apa yang saya hendak jalankan di sini, apa sahaja yang mereka telah mohon kita telah luluskan kepada kelompok-kelompok ini. Tetapi apabila sesuatu permohonan itu telah dapat diluluskan, mereka, tidak puashati mereka akan memohon lagi satu dan apabila kita beri lagi, mereka akan memohon sampailah apa yang mereka hendak kita pun tidak tahu.

Saya beri contoh, satu sahaja, misalnya ada di antara golongan bangsa yang bukan Melayu di dalam negara Malaysia ini, agak banyak juga permohonan-permohonan yang mereka minta dan telah dapat. Pertama mereka tidak bersyukur dan mereka akan minta lagi dari masa ke semasa. Satu di antaranya ialah mereka meminta supaya mereka dapat mengadakan satu maktab pengajian tinggi, misalnya, walaupun Kerajaan tidak begitu berminat untuk meletakkan satu maktab ini ke dalam satu kumpulan bangsa yang satu sahaja, tetapi Kerajaan

meluluskan permohonan mereka untuk mengadakan maktab, sama ada Maktab Tunku Abdul Rahman dan sebagainya. Ertinya permohonan yang pertama telah diluluskan oleh Kerajaan, tetapi bukan itu sahaja yang mereka harapkan, selepas daripada itu agak beberapa tahun akan datang atau agak beberapa tahun yang berikuthya, mereka pula meminta semua kelulusan daripada maktab pengajian tinggi yang saya jelaskan tadi mestilah diluluskan ijazahnya. Maksudnya permohonan mereka itu tidak akan habis-habis dari masa ke semasa.

Pada mulanya memohon untuk mengadakan ataupun dapat mendirikan maktab-maktab pengajian tinggi dan tidak menimbulkan masalah kelulusan. Bila telah diluluskan mungkin pula mereka mahu pihak Kerajaan meluluskan kelulusan-kelulusan daripada maktab yang saya jelaskan tadi. Mungkin apabila Kerajaan luluskan permohonan mereka, di satu masa akan datang, mungkin bukan terdiri daripada jenerasi kita, mungkin jenerasi yang akan datang mereka itu meminta supaya maktab pengajian tinggi itu diluluskan sebagai sebuah universiti dan sebagainya. Saya rasa perkara-perkara seperti ini kalau tidak ada satu tahap yang tertentu tetapi dipersoalkan sesuatu sesudah mendapat sesuatu, meminta sesuatu maka sampai bila pun perkara ini tidak akan selesai bagi kita untuk hidup di dalam negara ini dengan aman damai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga hendak membincangkan di dalam masalah Rang Undang-undang ini iaitu berhubung dengan B.45 - Kementerian Buruh. Dalam bahagian ini apa yang telah dijelaskan oleh Menteri Kewangan mengatakan ada kira-kira \$200 juta wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang tidak dibayar oleh

majikan iaitu daripada tahun 1985 hingga 1987. Ini bermaksud dalam jangkamasa tiga tahun S200 juta lebih yang tidak dibayar oleh majikan, Dalam kaedah ini kita merasakan pada tiap-tiap tahun di anggarkan lebih kurang S70 juta yang tidak dihantar oleh majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Dalam hal ini harus pihak Kementerian yang berkenaan mengkaji dengan teliti mengapakah perkara-perkara ini oleh berlaku. Saya merasakan banyak juga perkara-perkara ini yang boleh berlaku tetapi cuma saya hendak melahirkan satu di antaranya. Apa yang kita maklum sebahagian daripada gaji pekerja-pekerja itu hendaklah dihantar kepada pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebahagian daripada wang majikan hendaklah disatukan dimasukkan bersama. Maka tujuan itu kita sedar untuk menambahkan supaya apabila pekerja-pekerja itu akan bersara atau berhenti daripada jawatannya, dengan adanya simpanan daripada wangnya sendiri dan imbuhan wang daripada majikan boleh membanyakkan wangnya apabila mereka berhenti kelak.

Misalan contohnya, kalau seorang bergaji \$500 maka ditentukan sebanyak \$47 hendaklah dimasukkan ke dalam wang simpanan pekerja oleh pekerja itu sendiri dan sebanyak \$58 hendaklah dimasukkan oleh pihak majikan. Dengan tak secara langsung kumpulan wang simpanan pekerja majikan lebih banyak daripada simpanan wang daripada pekerja. Saya merasakan kaedah ini harus atau mesti dikaji semula, kemungkinan ada di antara majikan-majikan yang tidak kukuh perniagaannya, ini menyebabkan mereka tidak terdaya untuk mengambil sebahagian daripada wang perniagaan mereka untuk dimasukkan kepada wang simpanan pekerja. Kalau hal ini kita teliti dengan sesungguhnya mengapa harus kita tidak menentukan wang ini dimasukkan kepada kumpulan wang simpanan pekerja daripada wang pekerja itu sendiri. Ini kita boleh memberi kelonggaran kepada mereka, misalnya kita boleh tetapkan tidak kurang daripada 10% daripada gaji mereka dimasukkan ke dalam wang simpanan pekerja dan kalau ada di antara pekerja-pekerja yang mahu masukkan wangnya lebih daripada 10% terpulanglah kepada mereka.

Ini adalah menjadikan mereka berfikir mereka akan dapat wang yang begitu banyak apabila mereka berhenti kerja atau bersara. Kalau ini kita laksanakan, mungkin kita boleh mengambil tindakan yang tegas kepada majikan-majikan. Mana-mana sahaja majikan yang tidak menghantar wang pekerja ke dalam kumpulan wang simpanan pekerja maka kita boleh mengambil tindakan yang tegas, tetapi kalau ada di antaranya yang terdiri daripada wang pekerja dan wang majikan agar ini akan menyusahkan kepada majikan itu sendiri, lebih-lebih lagi kalau majikan itu perniagaannya belum begitu kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik berhubung dengan ucapan-ucapan daripada wakil yang berucap daripada MCA. Yang sebenarnya saya sedikit pun tidak berkecil hati apa yang diucapkan oleh wakil MCA sama ada ucapan Ahli Dewan yang pertama, Ahli Dewan yang kedua dan sebagainya, sedikit pun saya tidak kecil hati. Tetapi harus wakil-wakil MCA yang bercakap begitu lantang, yang cakap begitu mengguris hati khususnya kepada ahli-ahli Dewan ini, khususnya UMNO. Beritahu kepada pemimpin-pemimpin mereka yang duduk di dalam Kabinet, kalau mereka agak tidak begitu seronok duduk di dalam Kabinet, kalau mereka tidak puas hati duduk di dalam Kabinet atau apa-apa cakap mereka tidak diterima di dalam Kabinet, maka mereka jangan hadir di dalam Kabinet sebarang mesyuarat yang diadakan dari semasa ke semasa - senang.

Kalau ada pemimpin-pemimpin MCA yang tidak puas hati apa yang dibuat oleh Kerajaan yang ada pada hari ini, ertinya Kerajaan yang terdiri daripada Parti Barisan Nasional, tidak ada jalan lain lagi, satu sahaja jalan yang mesti diambil dan mesti diputuskan oleh pihak yang berkenaan, kalau tidak puas hati supaya kita faham betul-betul, kalau tidak puas hati apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini. Keluar daripada Barisan Nasional [**Tepuk**]. Itu senang. Mengapa kita hendak mempersoalkan sana, mempersoalkan sini dan sebagainya, tetapi hasrat kita bangsa Melayu yang memberikan apa yang saya membawa sejarah tadi, perlu diberikan satu terima kasih. Itulah sebabnya saya tidak berkecil hati. Jalan ringkas itulah dua; satu Kabinet, satu keluar daripada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli Yang Berhormat? Sila Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

11.15 mlm.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua yang mana telahpun mengizinkan kepada saya beri sedikit pandangan berkenaan dengan Akta Perbekalan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang mana telahpun kurnia kepada saya dan kepada semua rakan-rakan saya serta memberi taufik dan hidayah dapat sama-sama kita berada di dalam Dewan yang mulia ini sehingga menjadi hari yang kedua - hampir-hampir. Jadi kita bersyukur kepada Allah s.w.t. yang telahpun kurniakan nikmat kepada kita dapat kita berbincang hal tanggungjawab kita bersama di dalam Dewan yang mulia ini sehingga sampai kepada larut malam.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar saya bercakap pada malam ini ada sedikit berlainan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada keluarga kita sekalian, sebab pada pandangan saya sebab-sebab yang menjadi seseorang manusia ini perasaan tidak puas hati, perasaan curiga, perasaan dendara, perasaan dengki, perasaan putus asa ialah kerana mereka tidak memahami satu-satu perkara yang terkena atau yang terdapat ke atas mereka dari mananya datang perkara ini? Siapakah yang memberi? Siapakah yang menentu? Jadi dengan sebab ada sedikit kesabaran inilah membawa kepada pergaduhan di antara sesama manusia walaupun mereka ini adalah orang-orang yang peringkat tinggi, pada halnya sifat perbalahan, sifat perselisihan ini adalah satu sifat yang tidak patut ada pada manusia. Ini bukan sifat

manusia, sifat yang lain daripada manusia. Tetapi oleh kerana tidak faham dan tidak percaya, sebab itulah membawa kepada perbalahan dan perselisihan sehingga mencetuskan peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun yang mengetahui hakikat sesuatu kesalahan yang menciptakan sesuatu. Tidak ada yang menciptakan sesuatu daripada makhluk ini kecuali satu sahaja, iaitu Allah s.w.t. sebagaimana kita semua berikrar di awal persidangan kita, kita kata: Aihamdulillahir Rabbil Alamin.

Apa ertinya, Tuan Yang di-Pertua.Pujian-pujian adalah bagi Allah - tertentu bagi kepada Allah sahaja.Siapa dia Allah? Rabbil Alamain, Khaliqil Alamin, penjadi, pencipta alam, pentadbir alam, pengatur alam, pendinding alam, Allah sahaja yang megetahui hakikat. Selain daripada Allah tidak mengetahui - makhluk walaupun Rasul tidak mengetahui, keculai selepas daripada diberi tahu umpamana kita, kita sedar, mula-rnula kita keluar daripada perut ibu kita, adakah kita tahu sesuatu benda - Tuhan berfirman "Mu tidak tahu sesuatu benda" , sehingga najis kita ramas dan pegang, fasal kita tidak tahu ini kotorkah ataupun tidak, tetapi selepas daripada kita diberi akal fikiran dan diberi ilmu pengetahuan, diberi tahu oleh Allah s.w.t., sebab itulah kita dapat membezakan di antara yang baik dan yang buruk, yang elok dan yang mana lebih elok.Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mengetahui, saya rasa perkara ini amat penting dan munasabah.

Saya ini adalah orang yang terakhir berucap dari Ahli Dewan dan munasabah pula saya adalah seorang yang tua. Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t.berfirman didalam Al-Quran

"Bismillah-hirrahman-nirrahim-Qullai yusibana.....

.....qalilmu'minin" Qul - kata oleh Mu wahai Muhammad, kamu memberitahu kepada seluruh umat manusia. "Lai yusibana - tidak mengena akan kita sesuatu perkara sama ada bala atau nikmat baik ataupun buruk" "Illa makatabala.....hulana - melainkan barang yang telah ditetap oleh Allah s.w.t. bagi kita daripada azaliah lagi". Jangan beranjak dari pegangan ini. Ini hakikat. Tidak terkena baik buruk ke atas seorang manusia, tidak kira apa bangsa, tidak kira apa

keturunan, tidak kira apa agama "Illa makatabal....hulana Melainkan barang yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. bagi kita pada azaliah". Sebelum daripada Allah menjadikan makhluk ini, Allah s.w.t. telah membuat budget, tetapkan hal masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, kepada kita sebagai satu jenis makhluk Allah yang dinamakan insan, yang dikurniakan oleh Allah satu sifat keistimewaan akal fikiran yang dapat menimbangkan di antara baik dan buruk, kita kaji. Kita kaji, Tuan Yang di-Pertua, cuba kita menyeberang kepada negara sebelah, Thailand. Bagaimana keadaan kedudukan di dalam negara Thailand, Adakah kebebasan rakyat-rakyat yang ada di dalam Thailand itu sama dengan kebebasan rakyat yang ada di Malaysia? Adakah bahasa ibunda selain dari bahasa Thailand dapat digunakan sebagai matapelajaran di sekolah-sekolah di Thailand? Jauh sama sekali, Tuan Yang di-Pertua, jauh sama sekali! Tulisan di papan tanda, di kedai-kedai dan di mana sahaja tempat tidak ada, kecuali bahasa-Siam, lain tidak boleh. Apatah lagi hendak menjadi Menteri, hendak memerintah, hendak menjadi tuan, jauh sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

Cuba kita pergi ke negara saudara kita di Indonesia, bagaimana? Adakah dapat bebas sama dengan negara kita Malaysia? Nama ditukar, tidak dibenarkan nama yang lain daripada nama yang ditetapkan oleh bangsa Indonesia. Tidak boleh nama senama-nama kita hendak namakan ikut kehendak kita tidak boleh. Begitu-juga bahasa, pun tidak boleh. Saya sudah pergi ke Pakistan, saya tidak tengok satu tulisan pun selain daripada tulisan Urdu. Saya pergi ke India,

pun begitu juga, tidak ada satu tulisan pun selain daripada tulis bangsa Urdu ataupun bahasa Tamil. Ini kerana hak mereka, tetapi bagaimana keadaan di Malaysia? Serba kebebasan, serba bangsa, bahkan Kerajaan telah memberitahu kepada seluruh dunia Malaysia adalah sebuah negara yang masyarakatnya majmuk. Tidak pernah Kerajaan kata masyarakatnya adalah bangsa Malaysia, bangsa Melayu, tidak. Tidak diisytihar begitu - bangga yang majmuk. Ertinya, yang mengandangi beberapa bangsa. Majmuk ertinya perhimpunan, perkumpulan, sebagaimana yang kita tahu. Ini adalah kehendak Allah "Lai yusibana iilaha makataballa.....hulana".

Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian, oleh kerana kami bangsa Melayu adalah beragama Islam dan faham hakikat ini, kami tidak ada apa - tidak ada berdukacita apa, tidak ada ungkit-mengungkit, tidak ada perasaan sentimen dan tidak ada sedikit apa pun, tidak. Apa yang dibuat oleh pemimpin kami itulah yang kami terima.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan saudara-saudara Ahli Dewan pun maklum, kami orang-orang UMNO dituduh oleh setengah daripada bangsa kami Melayu, sebuah parti yang terbesar Melayu mengatakan kami ini tidak Islam - nauzubillah - sampai begitu. Sedihnya kami. Kami orang UMNO ini orang-orang PAS mengatakan kami tidak Islam. Ini bukan nilai, bukan harga murah. Kami orang Islam kemuncak. Fasal apa, Tuan Yang di-Pertua, mereka mengatakan kami orang UMNO ini tidak Islam, apa sebab, Tuan Yang di-Pertua? Tidak lain kerana kami menerima, mengambil MCA, MIC dan segala parti-parti yang bukan Islam bergabung menjadi satu Kerajaan yang memerintah bersama. Ini sahaja kesnya, itu sebab orang PAS mengata kami semua begitu, Tuan Yang di-Pertua. Alangkah tersepitnya kami orang UMNO

Sedih nasib kami orang UMNO. Pergi ke hulu pun ditikam, pergi ke sungai pun ditikam - ke mana kami hendak duduk, kalaulah keadaannya begini!

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya adalah salah seorang - maaf Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak meninggi, kata saya seorang alim, tidak,- saya adalah salah seorang daripada ahli Jawatankuasa Ulama yang menentang dan sanggup berdebat dengan PAS, yang satu masa dulu UMNO akan berdebat dengan PAS. Dua minggu, Tuan Yang di-Pertua, saya duduk di Kuala Lumpur dijemput dan dipanggil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir kita demi untuk membincangkan bagaimana kita hendak menentang PAS ini yang menuduh kita orang UMNO kafir.

Tuan Yang di-Pertua, tiga beg besar, begitu besar saya bawa datang kitab - 20-30-40 kitab buah kitab, begitu beg besar saya pikul datang bawa ke Kuala Lumpur. Buka kitab, cari nas, didapati tidak salah. Fasal, mengikut kaedah, darul mafasit mukadamun ala dalbilmasaleh. Ini mengikut hukum 'kawaidul fiq'. Kami sudah berbincang, kalau kami tidak bersatu dengan MCA, MIC, negara kami tidak akan tenteram, tidak dapat menjadi sebuah negara yang makmur, tidak dapat kami hendak mengumpulkan ekonomi demi kepentingan rakyat dan negara. Kalau negara tidak makmur, kalau kami tidak mengambil mereka ini daripada MCA, MIC ini buat kawan kami memerintah, nescaya kami tidak akan jadi makmur, tidak menjadi aman dan makmur kerana golongan mereka ini adalah golongan ramai, penduduk yang telahpun ada di sini dan telahpun kami memberi kerakyatan kepada mereka dan kami pemimpin UMNO telah berjanji dengan mereka di awal sebelum hendak merdeka di masa British dahulu, sebagaimana yang kita sudahpun tahu sejarah berlaku. Oleh sebab itu kita berpegang kepada kaedah "darul mafasit muqaddamun ala dalbilmasaleh", menolak kerosakan didahului daripada menarik kebaikan. Kami sedar kalau kami memerintah sendiri, 15 Menteri mesti Melayu semua, ini 15 Menteri - 7 Melayu, 7 bangsa lain, macam dalam Dewan ini, semua kami beri belaka, tidakkah untung? Itu masalah. Tetapi kami tolak perkara ini kerana hendak mengambil keamanan, begitu kami bertolak-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, kami orang Melayu beragama Islam tidak takut kepada mati sebab kami yakin kami mesti mati, **[Tepuk]** .Kami ini keturunan mati, Tuhan berfirman di dalam Quran: "Bismillahir-rahmanir-rahim. Qullunafsin zaiqatulmat", "tiap-tiap bernafas mesti merasai mati". Kami tidak takut dalam masalah mati. Kami

orang Islam mati, tidak apa, sebab dunia ini adalah negeri sementara. Raaulullah s.a.w. bersabda, Tuan Yang di-Pertua, konsep orang Islam pegang semoga supaya sama-sama kita menyedari. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Qumfiddunnia kaanakagharibun anabirusabil". Ini Rasulullah s.a.w. bersabda kepada anak saudaranya Abdullah, dia pegang atas bahu anak saudaranya, "Ya Abdullah; qulm-fiddunnia kaanakagharibun", "Hendak adalah kamu dalam dunia ini - kaannaghari-bun - seolah-olah engkau orang dagang, anabirusabil ataupun orang yang dalam perjalanan". Berhenti buat sementara, Dunia ini hotel, bukan rumah, sebagaimana kita mari mesyuarat, macam saya orang Kelantan mari hendak duduk di hotel, ini sahaja, rumah saya di Kelantan. Kalau orang hantar saya balik ke Kelantan, itu kena pada sayalah. Ini sikap kita orang Islam. Kita bukan pengecut sebab-mati ini adalah hak kita, kita yakin kita mati lebih bahagia daripada hidup. Tuhan, jamin "walal akhhiratul khairu lakal minal ulaa". "akhirat lebih baik, bagi engkau daripada dunia". Ini sikap kami orang Islam, tetapi kami boleh bertolak-ansur sebab Islam adalah agama menyelamatkan muslim-muslim, seorang yang menyelamatkan orang lain.

Rasulullah bersabda, Tuan Yang di-Pertua, "almuslim.....", "orang Islam ialah orang yang selamat orang lain daripada lidahnya dan perbuatannya". Ini konsep orang Islam.Oleh sebab itu kami berbaik-baik, kami tidak pernah bangkit apa-apa, tidak pernah kami cabar, tidak pernah kami kata apa-apa, kami menghormati, tanggung-jawab kami. Islam tidak membenarkan kita bermusuh-musuhan, kami takut kepada Allah.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai orang tua - umurlah, tua daripada umur **[Ketawa]**, bukan tua daripada benda lain, umur **tua**. Saya merayu dengan dua belah tangan kepada semua

Ahli-ahli Dewan tidak kira apa bangan, marilah sama-sama kita berjabat tangan, bermaaf-maafan di atas apa kesilapan dan kekasaran yang telahpun kita buat, Gigi dengan lidah kita lagi tergigit, apatah lagi di antara kita sama kita, begitulah, tidak boleh lari. Apabila orang cucuk mestilah kena begitu, sudah tabiat kita. Kalau orang itu melatah, melatahlah, itu tabiat manusia. Tetapi kalau kena siku pun, maafkanlah, tidak sengaja [**Ketawa**]. Itu dia konsepnya.

Oleh hal yang demikian, saya berasa kaulah semua manusia daripada rakyat Malaysia ini faham hakikat perkara ini, saya berasa tidak timbul masalah. Yang kita dukacita, saya sebagai orang tua, saya amat dukacita satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah menitik airmata saya ke bumi kerana melihat di antara sekarang ada perpecahan, semuanya berpecah. Orang Melayu sama orang Melayu, orang Cina sama orang Cina, orang India sama orang India. Ini hakikat, semuanya sudah jadi berpecah. Kenapa ini? Ini hakikat perkara yang berlaku sekarang. Berkebetulan pula, perpecahan ini bukan hak yang di bawah, dia retak di atas, ini yang susah. Kalau retak di bawah mudah kita tampung, ini dia retak di atas, hak retak di atas, gembala, drebar dia retak. Ini susah hendak berkira. Tetapi, walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. dan saya memujilah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri Malaysia dan sebagai Presiden kepada UMNO, orang Melayu, beliau telahpun diberi taufik dan hidayah oleh Allah s.w.t., sifat-sifat kenabian telahpun ada kepada beliau, ini sahaja mujur. Alhamdulillah, sifat-sifat kerasulan, sifat-sifat kenabian ada kepada Yang Amat Berhormat Dato'

Seri Dr. Mahathir iaitu yang pertama sekali sifat sabar, inilah sifat yang paling penting sekali. Firman Allah taala yang maksudnya: Allah berserta orang yang sabar. Apa sahaja dugaan, cubaan, rintangan yang terkena ke atas beliau, Alhamdulillah, beliau menerima dengan ketabahan dan kesabaran sambil berdoa ke hasrat Allah s.w.t. semoga Allah akan memberi kejayaan kepada beliau dan juga kepada seluruh rakyat dan negara.

Saya merasa itulah sahaja yang dapat saya bercakap, saya bercadang panjang lagi saya hendak bercakap, tetapi saya berasa masapun tidak patut saya bercakap, tetapi saya bercakap malam ini oleh kerana saya berasa tidak sudah kalau saya tidak cakap sebagai orang tua hendak bercakap masa sudah tengah malam, orang tua pun 'kecek', saya rasa munasabahlah. Jadi marilah sama kita berdoa ke hadart Allah s.w.t. semoga Allah s.w.t akan memberi taufik dan hidayah kepada kita semua yang ada di Malaysia **ini**.

Birahmatika ya-arhamarraahimin.

Rabbana aatina fiddunya hasanah, wafil aakhirati hasanataw waqina 'azzabannar.

Wasalallahu 'ala saidina Muhammadin wa'ala aalihi wasahbihi ajma'in, walhamdu lillahi rabbil 'aalamin.

Terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Jika tidak ada, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 12.12.1988.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.42 malam.

